


SUAIGUNA SEMULA RUMAH KELAHIRAN  
MAHATHIR MOHAMAD DAN  
SUMBANGNYA TERHADAP PELANCONGAN  
WARISAN DI ALOR SETAR, KEDAH.

NURUL SYAZANA BINTI YUSOFF

UNIVERSITI  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN  
KEPUJIAN  
2022  
KELANTAN

FTKWW



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**SUAIGUNA SEMULA RUMAH KELAHIRAN  
MAHATHIR MOHAMAD DAN SUMBANGANNYA  
TERHADAP PELANCONGAN WARISAN DI  
ALOR SETAR, KEDAH.**

**Oleh:**

**NURUL SYAZANA BINTI YUSOFF**

Projek Penyelidikan Ini Diserahkan Untuk Memenuhi Syarat Kelayakan Bagi Ijazah  
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian.

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2021**

FTKW

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.




**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan



NURUL SYAZANA BINTI YUSOFF

Tandatangan Penyelia Utama



DAENG HALIZA DAENG JAMAL, Ph.D.  
Pensyarah  
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok, Kelantan

DR DAENG HALIZA BINTI DAENG JAMAL

Tarikh: 26/02/2022

Tarikh: 27/02/2022

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

Bismillahirahmannirahim. Bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin dan limpah kurnia yang diberikan olehNya, saya dapat melaksanakan projek penyelidikan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia projek penyelidikan saya ini, iaitu Cik Dr Daeng Haliza Binti Daeng Jamal yang telah banyak membantu dalam memberi tunjuk ajar, sumbangan idea, serta sokongan moral dalam memastikan saya dan rakan-rakan saya yang lain dapat menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya. Pada masa yang sama, ribuan terima kasih diucapkan kepada responden- responden saya yang terlibat dalam sesi temubual dan soal selidik dalam memberi kerjasama yang baik sewaktu proses menjalankan kajian penyelidikan ini. Kerjasama mereka amat dihargai.

Dalam kesempatan ini juga, saya merakamkan sekalung penghargaan kepada ibu bapa saya yang telah memberikan sokongan dan dorongan semasa menjalani tempoh pengajian dan pengkajian ini. Pengorbanan mereka amat dihargai dan dikenang. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada sahabat-sahabat perjuangan yang sentiasa membantu dan menjadi tempat rujukan dan perbincangan sepanjang menjalankan kajian ini.

Akhir kata, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbangkan idea serta pendapat dalam menyiapkan tesis ini. Dengan demikian ini diharapkan agar penyelidikan ini dapat memberi manfaat dan rujukan pada masa yang akan datang kepada mahasiswa/wi serta masyarakat umum.

**SUAIGUNA SEMULA RUMAH KELAHIRAN MAHATHIR MOHAMAD DAN  
SUMBANGNYA TERHADAP PELANCONGAN WARISAN DI ALOR SETAR,  
KEDAH.**

**ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan adalah untuk memulihara salah satu bangunan bersejarah iaitu Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad daripada pupus, dilupakan dan mengalami kerosakkan yang boleh memberi kesan negatif kepada nilai warisan dan seni bina bangunan tersebut. Pada masa yang sama, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka latar belakang sejarah pembinaan galeri Mahathir Mohamad, menghurai perubahan fungsi rumah kelahiran Mahathir Mohamad kepada galeri dan sumbangannya terhadap pelancongan warisan di Alor Setar, Kedah. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan dan temu bual manakala kaedah kuantitatif iaitu soal selidik yang menggunakan Teori Persepsi Gibson (1989) dalam kajian Suaiguna Semula Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad dan sumbangannya terhadap pelancongan warisan. Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, suaiguna yang berlaku ke atas galeri ini telah memberikan beberapa sumbangaan dari segi pengetahuan reka bentuk dan seni ina galeri, usaha-usaha pemeliharaan yang perlu dilakukan serta perubahan fungsi yang berlaku ke atas galeri ini bagi mengekalkan kepentingan dan keunikannya sebagai salah satu tarikan pelancongan warisan di Kedah.

Kata kunci: suaiguna semula, Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, pelancongan warisan

# **ADAPTIVE REUSE OF MAHATHIR MOHAMAD'S BIRTHPLACE AND HIS CONTRIBUTION TO HERITAGE TOURISM IN ALOR SETAR, KEDAH.**

## **ABSTRACT**

This study was conducted to preserve one of the historic buildings, namely Mahathir Mohamad's Birth House from extinction, forgotten and damaged that can have a negative impact on the heritage and architectural value of the building. At the same time, the purpose of this study is to explore the historical background of the construction of Mahathir Mohamad gallery, describe the changes in the function of Mahathir Mohamad's birth house to the gallery and the contribution to heritage tourism in Alor Setar, Kedah. The research method used in this study is a qualitative method that is a library study and interviews while the quantitative method is a questionnaire that uses Gibson's Theory of Perception (1989) in the study of Mahathir Mohamad's Birthplace Adaptive Reuse and its contribution to heritage tourism. Based on the findings of the study, the use of this gallery has provided some contributions in terms of knowledge of design and art of the gallery, conservation efforts that need to be done as well as functional changes that occur on this gallery to maintain its importance and uniqueness as one. a heritage tourist attraction in Kedah.

**Keywords:** adaptive reuse, Mahathir Mohamad's Birthplace, heritage tourism

**ISI KANDUNGAN**

	<b>HALAMAN</b>
<b>PERAKUAN TESIS</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	IV
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vi-x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI PETA</b>	xiii
<b>SENARAI GAMBAR</b>	xiv
<b>BAB I PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1-8
1.2 Permasalahan Kajian	8-9
1.3 Persoalan Kajian	10
1.4 Objektif Kajian	10

1.5 Skop Kajian	10-12
1.6 Definisi Operasional	13
1.6.1 Suaiguna Semula	13-14
1.6.2 Pelancongan warisan	14-15
1.7 Kepentingan Kajian	15-16
1.8 Organisasi Penulisan	16-17

## **BAB II SOROTAN KAJIAN**

2.1 Pengenalan	18-19
2.2 Teori Persepsi Gibson (1989)	19-24
2.3 Sorotan Kajian Lepas	25-29
2.3.1 Suaiguna Semula	29-31
2.3.2 Pelancongan Warisan	31-32
2.4 Kerangka Teoritikal	33-37
2.5 Kesimpulan	37-38

## **BAB III METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	39-40
3.2 Proses Pengumpulan Data	40-41
3.2.1 Proses Pengumpulan Data Primer	41-44

3.2.2 Proses Pengumpulan Data Sekunder	45-47
3.2.3 Persampelan Kajian	47-48
3.2.4 Instrumen Kajian	48
3.2.5 Kuantitatif	48-49
3.2.6 Kualitatif	49
3.3 Kaedah Analisis Data	50
3.3.1 Analisis Data Kuantitatif	50-52
3.3.2 Analisis Data Kualitatif	53
3.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan	53-55
3.5 Kesimpulan	55

## **BAB IV DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	56-57
4.2 Analisis Dapatan Temu Bual Responden	57-59
4.3 Analisis Kepentingan Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad	59-60
4.3.1 Sejarah Galeri Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad	60-61
4.3.2 Lokasi Galeri Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad	61-62
4.3.3 Ciri Dan Seni Bina Galeri Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad	62-64
4.3.4 Kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad Sebelum Bergelar	64-65

Perdana Menteri.	
4.4 Faktor Perubahan Fungsi Dari Rumah Ke Galeri.	65
4.4.1 Bukti Kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad Bersama Keluarga.	66-67
4.4.2 Bukti Sumbangan Tun Dr Mahathir Mohamad Sebagai Perdana Menteri.	67-68
4.4.3 Keunikan Seni Bina Galeri.	68-69
4.4.4 Sumber Pelancongan Warisan Sejarah Dan Pendidikan.	69-71
4.5 Proses Perubahan Fungsi Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad Kepada Galeri.	71
4.5.1 Perancangan Dan Penambahbaikan Ke Atas Galeri Rumah Mahathir Mohamad.	71-73
4.6 Sumbangan Yang Diberikan Rumah Ini Terhadap Sektor Pelancongan Warisan Di Kedah	73
4.6.1 Bukti Peninggalan Sejarah Kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad.	73-74
4.6.2 Reka Bentuk Rumah Melayu	75-76
4.6.3 Langkah Menarik Minat Dalam Generasi Muda Dalam Memelihara Warisan Negara.	76-77
4.6.4 Kepentingan Dalam Sektor Pelancongan di Kedah.	77-79
4.7 Analisis Dapatan Soal Selidik Responden	79
4.7.1 Demografi Responden	79-82
4.7.2 Pengetahuan Tentang Latar Belakang Sejarah Pembinaan Galeri	82-89

Mahathir Mohamad Di Alor Setar Kedah.

4.7.3	Sumbangan Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad Bagi Pelancongan Warisan Di Kedah.	90-97
4.8	Suaiguna Semula Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad Dan Sumbangannya Terhadap Pelancongan Warisan Di Alor Setar Kedah.	97-98
4.9	Persepsi Penduduk Setempat Terhadap Suaiguna Semula Rumah Kelahiran Tun Mahathir	98-104
4.10	Kesimpulan	104-105

## **BAB V RUMUSAN DAN PENUTUP**

5.1	Rumusan Kajian	106-110
5.2	Penutup	110-111
	<b>RUJUKAN</b>	112-113

## **LAMPIRAN**

**UNIVERSITI**  
 —————  
**MALAYSIA**  
 —————  
**KELANTAN**

## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>		<b>HALAMAN</b>
Jadual 3.1	Jadual Penentuan Saiz Sample Krejcie & Morgan (1970)	44
Jadual 3.2	Interpretasi Skor Min	52
Jadual 4.1	Kod Responden	57
Jadual 4.2	Profil responden berdasarkan jantina, umur, bangsa, kelulusan dan pengalaman bekerja.	58
Jadual 4.3	Senarai kategori tema dan sub tema temu bual responden	59
Jadual 4.4	Demografi Responden	79-80
Jadual 4.5	Pengetahuan tentang latar belakang sejarah pembinaan galeri Mahathir Mohamad di Alor Setar Kedah.	83
Jadual 4.6	Sumbangan rumah kelahiran Mahathir Mohamad yang telah disuaiguna semula untuk pelancongan warisan di Kedah.	90-92

**SENARAI RAJAH**

<b>No. Rajah</b>		<b>HALAMAN</b>
Rajah 2.1	Kerangka Teoritikal Persepsi (Gibson 1989)	35
Rajah 4.1	Kerangka Teoritikal Suaiguna Semula Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Dan Sumbangannya Terhadap Pelancongan Warisan Di Alor Setar Kedah.	100

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**SENARAI PETA**

<b>No. Peta</b>		<b>HALAMAN</b>
Peta 1.2	Peta Lokasi Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, Alor Setar. Kedah.	12
Peta 4.2	Lokasi galeri yang terletak di kawasan tumpuan.	85

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## SENARAI GAMBAR

<b>No. Gambar</b>		<b>HALAMAN</b>
Gambar 1.1	Bahagian depan rumah kelahiran Mahathir Mohamad, Alor Setar. Kedah.	11
Gambar 1.2	Pintu masuk Rumah Kelahiran Mahathir, Alor Setar. Kedah.	11
Gambar 1.3	Model di sekitar kawasan kediaman rumah Mahathir Mohamad sebelum ditukar menjadi galeri.	12
Gambar 4.1	Potret wajah Mohamad bin Iskandar bapa kepada Tun Dr Mahathir Mohamad.	84
Gambar 4.3	Bahagian depan Kilang Ais.	85
Gambar 4.4	Pelan rumah Melayu tradisional Kedah.	87
Gambar 4.5	Reka bentuk rumah kelahiran Mahathir Mohamad di sisi kiri rumah	87
Gambar 4.6	Reka bentuk hadapan rumah kelahiran Mahathir Mohamad yang dilengkapi dengan rumah panggung.	88
Gambar 4.7	Reka bentuk tiang seri rumah Melayu.	88
Gambar 4.8	Ruang Bahagian dalam Rumah Bujang.	95
Gambar 4.9	Ruang bahagian dalam Rumah Bumbung Lima.	95
Gambar 4.10	Replika tong padi di Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad.	96

**SENARAI KEPENDEKKAN**

- UNESCO - Pertubuhan Pendidikan, Sain dan Kebudayaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
- JWN - Jabatan warisan negara
- PLAN - Pihak Rancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah
- ANM - Arkib Negara Malaysia
- KRKMM - Kompleks Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad
- PERZIM - Perbadanan Muzium Melaka

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Di dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan berkaitan pemahaman konsep suaiguna semula serta sumbangannya terhadap pelancongan warisan iaitu dengan mengambil rumah kelahiran Mahathir Mohamad di Alor Setar, Kedah sebagai kawasan kajian. Warisan merupakan tinggalan sejarah atau bukti pada zaman silam yang kekal sehingga ke hari ni yang diperlihatkan dari generasi ke generasi yang akan datang. Menurut World Heritage Centre (1996) warisan merupakan faktor yang dijadikan rujukan, identiti dan tanda aras yang tidak dapat ditukar ganti. Warisan budaya adalah istilah yang telah berubah sejak beberapa dekad yang lalu, makna budaya telah berubah kerana alat yang dibangunkan oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) iaitu monumen, sejarah, arkeologi,

etnografi atau antropologi. Atas sebab ini, UNESCO mentakrifkan "warisan" sebagai budaya lampau yang bernilai tinggi yang mesti diwarisi dan dipelihara dari generasi ke generasi. Umum mengetahui negara Malaysia merupakan negara yang kaya dengan khazanah seni bina, warisan, serta perbezaan yang unik dari segi etnik di Malaysia yang terdiri dari pelbagai masyarakat yang berbilang kaum, agama, budaya dan tidak kurang juga adat resam dan kepercayaan.

Menurut Mohamed Anwar Omar Din (2008), warisan budaya seperti seni dan budaya yang dicipta oleh sesebuah masyarakat berkait rapat dengan pembentukan identiti nasional, manakala menurut Edward Burnett Tylor (1920), budaya merangkumi ilmu, seni, kepercayaan, akhlak, adat resam, tabiat, tabiat dan kebolehan lain manakala menurut pandangan Abdul Latif Abu Bakar (1987) menjelaskan istillah budaya merupakan sesuatu yang sukar untuk ditafsirkan dan ianya mempunyai pengertian yang luas dan jelaslah menunjukkan teminologi budaya mempunyai pelbagai pengertian dan tafsiran berbeza dalam kalangan para sarjana. Namun berbeza pula dengan pandangan Suwardi Endraswara dalam penulisannya pada tahun 2006 di mana istillah budaya berasal daripada perkataan Latin yang berbunyi ‘*colere*’ yang bermaksud kehidupan manusia yang sentiasa mengerjakan pelbagai tindakan yang boleh menghasilkan tindakan budaya. Ini jelas menunjukkan melalui warisan budaya yang terdapat dalam sesebuah masyarakat dapat membentuk kepelbagaian dari sudut kebudayaan, kepercayaan dan kesenian termasuk dalam bidang seni bina yang dikumpul dan sehingga membentuk warisan-warisan budaya dari pelbagai sudut dalam masyarakat.

Seni bina merupakan perkataan daripada kata seni dan bina. Seni ataupun *arts* merupakan perkataan pada asalnya daripada bahasa Latin yang bermaksud ukiran atau

hasil tangan dan bina pula merupakan ilmu membentuk, merancang dan bangunan (Lois Lamya al-Faruqi, 1984). Setiap bangunan bersejarah mempunyai bentuk seni bina yang membawa makna tersendiri dalam sesuatu pembinaan. Seni bina itu sendiri merupakan ciri yang wajib ada pada sesebuah bangunan yang dihasilkan dengan fungsi serta ciri-ciri tertentu mengikut budaya serta zaman. Oleh hal yang demikian, pelbagai pandangan yang diperoleh daripada kalangan para arkitek dan sarjana Islam berkaitan maksud ataupun pengertian disebalik perkataan seni bina. Antaranya ialah Ibn Khaldun (1980) yang menterjemahkan seni bina merupakan salah satu daripada ciri ketamadunan dalam menjadi mercu kegemilangan sesuatu bangsa atau negara. Seni bina merupakan tempat untuk berlindung daripada cabaran hidup yang merangkumi pelbagai ruang dan bentuk yang wujud bagi kegunaan manusia (Zulkifli Hanafi, 1988) manakala menurut Spiro Kastof (1995) beliau menjelaskan seni bina berperanan sebagai salah satu faktor bagi memenuhi tuntutan rohani dan jasmani dalam memberikan fungsi yang sewajarnya.

Dalam pada itu, seni bina Melayu tradisional merupakan proses seni bina yang mana pembinaannya amat ringkas dengan bahan utama yang bergantung seratus peratus pada alam semula jadi ditambah pula dengan teknologi pembuatannya yang cukup ringkas (Abdullah Munsyi, 1938) manakala menurut Othman (2013) struktur seni bina seperti tangga, dinding, rasuk, tiang, bumbung, pintu, dan lain-lain merupakan faktor penting dalam pembinaan rumah Melayu tradisional yang dilengkapi dengan fungsi serta makna di sebalik pembinaannya seperti struktur rumah yang dibina dengan tiang di atas tanah bagi tujuan pengudaraan serta salah satu langkah untuk mengelak banjir. Hal ini tidak dapat disangkal lagi apabila Ikmal (2003) turut menyokong dan berpendapat bahawa seni bina rumah Melayu merupakan contoh terbaik dalam pembinaan sesebuah rumah pada masa dahulu dari segi teknik, konsep ruang, bahan

binaan yang mengetengahkan dan menggunakan unsur-unsur alam, perkitaran, budaya, sejarah dan kepercayaan. Dari sudut psikologi, rumah merupakan komponen yang membekalkan pelbagai jenis perasaan dan naluri yang memberikan rasa tenteram, aman, harmoni dan bukan itu sahaja ia juga sebagai tempat mengasih, mendapat ketenangan jiwa dan mengasuh (Othman, & Abdul Halim, 2000).

Dalam memelihara warisan budaya yang ada di negara kita, antara usaha yang dilakukan Jabatan Warisan Negara (JWN) adalah dengan menggunakan kaedah penyesuaigunaan ke atas bangunan lama itu akan dijadikan monumen untuk mengekalkan sejarah dan kepentingannya. Amalan suaiguna semula (*adaptive reuse*) merupakan satu amalan atau kaedah yang amat berkesan dalam memelihara bangunan sebagai sebahagian daripada usaha untuk menjaga dan merawat bangunan warisan yang terbiar atau diketepikan supaya bangunan tersebut dapat terus menjaga kepentingannya mengikut peredaran masa. Sebanyak yang boleh. Mengikut peredaran zaman. Dalam erti kata yang lain ialah *adaptive reuse* adalah menggunakan semula bangunan yang sama dengan fungsi yang berbeza daripada fungsi awal bangunan tersebut (Kincaid, 2002). Menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), amalan penyesuaigunaan semula merupakan salah satu kaedah pemuliharaan yang di dalamnya termasuk kaedah pemeliharaan, pembinaan semula, pemberkualihan dan memulihara (Jabatan Warisan Negara, 2009). Kaedah penyesuaigunaan sangat penting dalam memelihara serta memulihara sesuatu tinggalan bangunan lama dalam menjaga nilai kepentingan yang ada dalam sesebuah bangunan bersejarah tersebut. Dalam melaksanakan proses suaiguna semula, prinsip dan kaedah pemuliharaan dan penyesuaian bangunan hendaklah dijalankan dengan cara yang betul supaya kepentingan seni bina, sosial dan sejarahnya dapat diteruskan.

Bukan sahaja prinsip dan kepentingan yang perlu kita perhatikan, malah masalah keingkaran dan sikap ambil mudah dalam pelaksanaan tindakan suaiguna dalam pembinaan bangunan juga perlu dititikberatkan, agar proses pelaksanaannya dapat dijalankan dengan lancar. Hal ini kerana, ia akan mengakibatkan kerosakan dan kerugian yang akan menjelaskan masa depan jika ada pihak yang masih memandang remeh masalah ini. Di samping itu, penyelidikan terhadap amalan penyesuaian telah dijalankan dengan tujuan mencari cara terbaik untuk menyesuaikan semula bangunan kediaman kepada sesuatu yang lebih berharga. Menurut pandangan Zaitzevsky and Bunnell (1979) dalam kajian mereka yang bertajuk *Built to Last: A Handbook on Recycling Old Buildings* yang menjelaskan, bangunan lama secara amnya menghubungkan kita dengan masa lalu dan menjadi sebahagian daripada warisan budaya kita dan ia seharusnya terpelihara disebabkan keindahan seni bina dan keunikian serta sifat yang diterapkan dan dimasukkan ke dalam sesuatu binaan. Pengekalan dan pemulihan dalam sesebuah bangunan yang ada juga sebagai langkah dalam mengurangkan penggunaan bahan binaan, sumber daya, tenaga dan air yang diperlukan untuk pembinaan baru.

Walau bagaimanapun, amalan ini masih di fasa kemajuan atau kebangkitan di Malaysia jika di bandingkan dengan negara-negara membangun yang lain. Kaedah penyesuaigunaan semula atau *adaptive reuse* ini kerap digunakan di negara luar ke atas tinggalan bangunan tanpa menunggu masa yang lama bagi menjaga kepentingannya. Demikian hal ini dikatakan kerana faedah dan kesedaran mereka terhadap nilai warisan yang ada dalam masyarakat mereka sangat tinggi jadi tidak hairanlah amalan ini telah meningkat. Justeru itu, untuk menjadi seperti negara-negara membangun yang lain, setiap dari kita dan pihak yang bertanggungjawab digalakkan untuk sentiasa memulihara dan memelihara setiap warisan yang kita ada bukan hanya

untuk mengekalkan warisan sejarah yang ada tetapi juga menjaga setiap nilai yang ada dalam sesebuah tinggalan khazanah warisan.

Kaedah amalan penyesuaian gunaan yang diaplikasikan keatas sesebuah bangunan bersejarah bukan sahaja digunakan bagi menjaga nilai dan warisan sejarah yang ada semata-mata tetapi ia juga digunakan bagi tujuan mempromosi dalam sektor pelancongan. Dari sudut pelancongan, warisan sebagai tarikan pelancong atau pelancong mudah sampai ke destinasi warisan yang dimaksudkan, dengan kata lain sejarah dan budaya merupakan tarikan pelancong untuk melawat destinasi warisan tersebut. Secara umumnya, pelancongan merupakan salah satu industri yang paling menguntungkan bagi negara yang sedang berkembang pesat seperti Malaysia. Sektor ini diketahui menyumbang kepada peningkatan status sosioekonomi dan pertumbuhan ekonomi. Melancong atau melawat tempat-tempat menarik bersejarah dan budaya telah ditubuhkan dan popular sejak zaman dahulu, tetapi fenomena pelancongan warisan masih menjadi sesuatu yang baru. Hal ini terbukti bahawa faktor tinggalan sejarah serta budaya masyarakat Malaysia menjadi titik utama dalam ketertarikan pelancong asing melancong ke Malaysia.

Ini tidak dapat disangkal lagi apabila Malaysia menduduki kedudukan yang kukuh dalam pelancongan global dan antarabangsa. Bukan itu sahaja, data yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia mendapati Malaysia merupakan negara yang mempunyai destinasi pelancongan yang terunggul di dunia dengan memperolehi sejumlah 26.1 juta pelancong dengan RM86.14 billion perbelanjaan pelancong bagi tahun 2019 (<https://www.tourism.gov.my/media/view/malaysia-sambut-4-23-juta-pelancong-antarabangsa-bagi-suku-pertama-tahun-2020-turun-36-8-berbanding-2019> [10] Julai

2020]). Menurut Lynn (1992), pelancongan adalah "*enjin pertumbuhan ekonomi negara*", atau dengan kata lain, "*jantung ekonomi negara*", manakala menurut Swarbrooke (1994) dalam bukunya, beliau mentakrifkan pelancongan warisan memainkan peranan penting dalam perkhidmatan. Razak (2006) juga turut memberikan tanggapannya bahawa pelancongan warisan sebagai satu bentuk pelancongan warisan yang diwarisi dari zaman dahulu sebagai contoh sejarah, artifak, seni, budaya, alam semula jadi dan lain-lain.

Bertitik tolak daripada huraian di atas, bekas kediaman Dr Mahathir adalah contoh bangunan lama yang telah diubah suai untuk mengekalkan nilai sejarah dan seni bina sebagai salah satu tarikan pelancong. 20 Disember 1925, lahirlah putera yang bernama Mahathir Mohamad atau nama panggilannya Che Det, beliau merupakan bekas Perdana Menteri Malaysia yang ke-4 dan ke-7. Beliau juga anak bongsu daripada sembilan beradik. Tempat kelahiran beliau ialah di 18 Lorong Kilang Ais, Alor Setar, Kedah. Galeri ini dibuka pada hari Selasa hingga Ahad pada pukul 10 pagi dan ditutup pada pukul 5 petang. Sedikit sejarah berkaitan kediaman bekas perdana menteri yang dijadikan galeri yang mana rumah ini berasaskan ikim tropika berbumbung nipah merupakan rumah keluarga Tun Dr Mahathir Mohamad. Di rumah ini juga beliau dilahirkan dan dibesarkan. Rumah yang pernah menjadi syurga tempat beliau dibesarkan itu dibeli oleh bapanya, Mohamad bin Iskandar. Rumah yang asalnya tidak bercat, hanya beratap nipah, berdinding kayu, serambi di hadapan dan tidak bertangga. Secara ringkasnya, selepas beliau memegang jawatan Perdana Menteri, bangunan kediaman ini menjalani proses pengubahsuaian dalam usaha memelihara dan memulihara sejarah bangunan tersebut.

Bukan itu sahaja, bangunan rumah itu juga telah melalui proses penyesuaian semula untuk menambah baik rumah, bertujuan untuk memelihara tempat, nilai sejarahnya daripada lupsus, dan mempromosikannya dalam industri pelancongan.

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Menurut penulisan John Dewey dalam bukunya yang bertajuk '*How We Think*' pada tahun 1910, beliau menyatakan menyatakan bahawa kaedah saintifik dalam penyelidikan mesti bermula dengan pengalaman, kesukaran, atau masalah. Penyataan masalah diperoleh melalui pembacaan, pemerhatian, dan temu bual. Dalam memelihara warisan sejarah, konsep suaiguna semula bangunan bersejarah di negara ini dilihat masih belum mencapai tahap yang memuaskan (A. Ghafar 2000). Suaiguna adalah kaedah yang digunakan untuk melindungi dan memelihara bangunan bagi mengekalkan nilai warisannya. Menurut Lord dan Lord (2000) dalam kerja mereka, aspek yang akan menjalani proses penyesuaian semula perlu dinilai semula menggunakan senarai semak reka bentuk.

Setiap bangunan bersejarah yang ada di Malaysia, mempunyai banyak kepentingannya dan proses penyesuaigunaan ini menjadi sangat penting dalam amalan membaikpulih bangunan pada hari ini selain turut melambangkan identiti sesebuah masyarakat yang kaya dengan nilai warisan.

Permasalahan yang dapat dihalusi dan dilihat menerusi kajian ini adalah, masyarakat secara amnya menyedari pembinaan galeri ini tetapi tidak mengetahui akan sejarah latar belakang pembinaan galeri Tun Mahathir ini. Hal ini berkemungkinan daripada kurang pendedahan serta tarikan yang ada pada galeri ini sehinggaikan

masyarakat sekarang sekadar membuat lawatan tanpa mengetahui nilai kepentingan yang ada pada sesebuah bangunan warisan.

Selain itu, permasalahan kajian yang diperolehi daripada kajian ini juga untuk mengetahui bagaimana sesebuah rumah kelahiran milik beliau mampu bertukar fungsi kepada galeri setelah melalui proses bertukar fungsi yang tidak ramai tahu bahkan masyarakat setempat juga jika ditanya mereka tidak mengetahui punca ataupun asbab kepada terhasilnya galeri ini. Hal ini jelas menunjukkan, sikap ketidakpedulian dalam diri mereka terhadap warisan negara kurang dipupuk. Suaiguna semula merupakan salah satu kaedah dalam menjaga warisan kebudayaan Melayu namun, tidak ramai yang mengetahui kepentingan memelihara warisan budaya ini agar terus diwarisi kepada generasi yang akan datang (Anon 2000).

Sumbangan yang diberikan rumah Tun Mahathir Mohamad terhadap pelancongan warisan setelah disuaiguna semula juga akan dianalisis dalam kajian ini. Kita sedia maklum mengetahui, tidak banyak bangunan di Malaysia yang melalui proses suaiguna semula walhal kita sendiri sedar setiap bangunan tinggalan yang melalui proses suaiguna semula mampu memberikan banyak sumbangan serta manfaatnya kepada pelancongan warisan. Hal ini kerana bangunan bersejarah yang menjadi lambang kepada identiti sesebuah bandar yang kaya dengan nilai warisan yang mempunyai banyak kepentingan dari nilai sejarah, seni bina, pelancongan, pendidikan, pembentukan minda dan jati diri (A. Ghafar 2010).

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah sejarah latar belakang pembinaan galeri Mahathir Mohamad?
- ii. Bagaimanakah rumah kelahiran Mahathir Mohamad bertukar fungsi kepada galeri?
- iii. Sejauhmanakah sumbangan rumah Mahathir Mohamad yang telah disuaiguna semula kepada pelancongan warisan.

### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk:

- i. Meneroka sejarah latar belakang pembinaan galeri Mahathir Mohamad.
- ii. Menghurai proses-proses kerja perubahan fungsi rumah kelahiran Mahathir Mohamad kepada galeri.
- iii. Menganalisis sejaughmanakah sumbangan rumah Mahathir Mohamad yang telah disuaiguna semula kepada pelancongan warisan.

### **1.5 SKOP KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini tertumpu di rumah kelahiran Mahathir Mohamad yang terletak di ibu negeri Kedah (Alor Setar) di mana rumah tersebut merupakan rumah kelahiran negarawan Tun Dr Mahathir Mohamad yang telah bertukar fungsi menjadi galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad. Kajian ini juga menumpukan sejarah latar belakang, perubahan fungsi rumah kelahiran Mahathir Mohamad dan sumbangnya terhadap pelancongan warisan setelah disuaiguna di Alor Setar Kedah.



Gambar 1.1: Bahagian depan rumah kelahiran Mahathir Mohamad, Alor Setar. Kedah

Sumber: Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, Alor Setar. Kedah 2020




Gambar 1.2: Pintu masuk Rumah Kelahiran Mahathir, Alor Setar. Kedah

Sumber: Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, Alor Setar. Kedah 2020



Gambar 1.3: Model di sekitar kawasan kediaman rumah Mahathir Mohamad sebelum ditukar menjadi galeri.

Sumber: Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, Alor Setar. Kedah 2020



Peta 1.2: Peta Lokasi Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, Alor Setar. Kedah

Sumber: Google Maps

## 1.6 DEFINISI OPERASIONAL

Definisi operasional merupakan komponen yang bertujuan untuk menghuraikan keseluruhan kajian penulisan. Konsep dan istillah yang akan dihuraikan adalah seperti suaiguna semula dan pelancongan warisan.

### 1.6.1 Suaiguna semula

Menurut Kincaid (2002), amalan suaiguna semula atau dipanggil *adaptive reuse* merupakan satu amalan atau kaedah yang amat berkesan dalam pemuliharaan bangunan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memelihara dan mengekalkan bangunan warisan yang terbiar atau dilupa, supaya bangunan tersebut dapat meneruskan kepentingannya dalam mengekalkan kewujudannya dari semasa ke semasa, atau menggunakan semula bangunan yang sama secara berbeza daripada fungsi asal bangunan itu. Amalan suaiguna bangunan lama dapat menghubungkan kita dengan masa lalu kita yang telah menjadi sebahagian daripada warisan budaya yang perlu dilestarikan (Zaitzevsky dan Bunnell, 1979).

Manakala menurut takrifan *Australia's Year of the Built Environment* (2004) suaiguna semula adalah proses yang mengubah penggunaan yang tidak digunakan atau tidak berkesan menjadi item baru yang boleh digunakan untuk tujuan yang berbeza manakala Jasmine Williamson (2020) penggunaan *adaptive reuse* adalah proses mengambil bangunan lama dan menggunakan semula untuk tujuan apa ia dirancang. Biasanya, ia berkait rapat dengan sejarah pemeliharaan atau pemuliharaan sekitar bandar dengan kaya sejarah, namun ia menjadi lebih popular sebagai cara membangun dan merancang. Ia juga adalah kritikal proses untuk memastikan masyarakat tidak kehilangan sejarah dan tidak menggunakan bahan

yang terlalu banyak daripada bahan yang diperlukan juga sebagai salah satu cara pemotongan kos.

### **1.6.2 Pelancongan warisan**

Pengertian pelancongan warisan menurut Swarbrooke (1994) yang mentakrifkan pelancongan yang bersifat warisan dan memainkan peranan utama dalam perkhidmatan yang diberikan. Manakala menurut Razak (2006) pelancongan warisan sebagai satu bentuk pelancongan warisan yang diwarisi dari zaman dahulu seperti contoh sejarah, kraftangan, seni, budaya, alam semula jadi dan lain-lain serta pelancongan adalah "*enjin pertumbuhan ekonomi negara*", atau "*nadi ekonomi negara*" (Lynn, 1992).

Pembangunan dan promosi pelancongan setakat ini telah diterima secara meluas sebagai langkah ekonomi yang positif, terutamanya di negara maju (Cooke, 1982), dan pembangunan pelancongan boleh menarik dan memudahkan pengembangan industri lain (Lankford dan Howard, 1994) manakala menurut Jenkins (1993) beliau menyatakan terdapat lima faktor yang menjadi tarikan antarabangsa yang menjadi penentu dalam pemilihan destinasi pelancong yang menjerumus kepada tarikan minat pelancong.

Pembangunan pelancongan warisan merupakan salah satu perubahan yang telah mengubah hubungan penduduk dengan penduduk yang lain dan sesuatu petempatan dengan petempatan yang lain (Huang dan Stewart, 1996) manakala menurut Zuliskandar Ramli (2015) yang berpendapat khazanah warisan yang diiktiraf UNESCO ini merupakan salah satu produk yang menjadi nadi kepada ekonomi negara manakala pelancongan warisan juga merupakan pemilihan tarikan destinasi

yang mempunyai nilai yang sesuai dalam mempengaruhi minat pelancong bagi melawat tempat pelancongan pilihan mereka (Howard, 1993).

Ini jelas menunjukkan pelancongan warisan merupakan salah satu faktor penting dan utama dalam sumbangan terhadap ekonomi negara. Destinasi pelancongan yang lebih bersifat warisan dilihat lebih menarik berbanding pelancongan yang lain. Jadi tidak hairanlah jika rumah kelahiran Mahathir Mohamad menjadi salah satu penyumbang terhadap pelancongan warisan di Alor Setar, Kedah.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini mempunyai kepentingan dalam mengetahui sedikit sebanyak berkaitan amalan suaiguna semula rumah kelahiran Mahathir Mohamad, sejarah serta sumbanganya kepada individu, komuniti setempat dan negara. Kepentingan kajian ini terhadap individu sebagai pengkaji ialah pengkaji sendiri terdedah dengan budaya, peradaban dan sejarah kehidupan negarawan negara yang dikongsikan dalam galeri tersebut yang mana mampu sedikit sebanyak mampu menyematkan nilai-nilai moral dan perasaan patriotism yang ada dalam diri manakala sumbangan daripada komuniti yang juga sedikit sebanyak dapat memberikan sumbangan dari segi mengangkat kembali identiti sesuatu warisan dalam sesebuah komuniti.

Bukan itu sahaja, suaiguna semula terhadap rumah kelahiran beliau mampu mengekalkan imej budaya melayu yang dapat membuka minda dan pembentukan sikap dalam masyarakat dalam mengekalkan serta mengangkat identiti warisan di sesebuah komuniti. Amalan suaiguna semula yang menukar fungsi rumah kelahiran menjadi galeri kelahiran beliau yang memberi pelbagai impak positif salah satunya berpotensi

ke arah menjana ekonomi negara khususnya dalam sektor pelancongan warisan negeri Kedah. Tidak dapat dinafikan lagi, amalan ini sangatlah membantu dalam mengekalkan identiti dan ekonomi negara. Oleh itu, rasionalnya amalan suaiguna semula ini mampu memberikan sumbangan kepada individu, komuniti setempat dan negara.

## 1.8 ORGANISASI PENULISAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mempunyai lima bab. Bab 1 membincangkan tentang pengenalan, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, definisi operasional, kepentingan kajian dan organisasi penulisan. Pengenalan kajian serta definisi operasional menerangkan secara terperinci mengenai tajuk kajian dan beberapa definisi berkaitan suaiguna semula dan pelancongan warisan manakala objektif dan persoalan dipilih menjadi aras tujuan kajian yang dilakukan. Justeru itu, ia merupakan komponen-komponen yang wajib ada dalam bab I yang menjadi panduan dalam menghasilkan penulisan ini.

Dalam bab II, pengkaji akan membincangkan berkaitan kajian literatur yang dibawahnya terdapat beberapa sub-sub kecil seperti teori, sorotan dan kerangka teoritikal yang bakal dikupas dalam bab ini. Pengkaji bakal menghuraikan dengan lebih lanjut mengenai konsep serta maksud suaiguna semula dan pelancongan warisan berserta teori.

Dalam bab III, pula membincangkan kaedah kajian yang akan digunakan sepanjang menghasilkan kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji bakal mengupas berkaitan proses pengumpulan data, persampelan, kaedah analisis data kualitatif dan kaedah kuantitatif dan kesahan dan kebolehpercayaan. Kajian berdasarkan kaedah kuantitatif

yang merangkumi soal selidik ke atas masyarakat sekitar Alor Setar manakala kaedah kualitatif pula membincangkan soal kaedah kepustakaan yang bakal digunakan dalam menganalisis data.

Dalam bab IV, pengkaji bakal menghuraikan mengenai dapatan kajian yang diperoleh melalui analisis kajian borang soal selidik dengan menggunakan teori persepsi sebagai panduan dalam mendapatkan data. Bab ini sangat penting dalam mendapatkan maklumat daripada responden bagi mengkaji kajian dengan lebih mendalam dan terperinci.

Dan bab yang terakhir, pengkaji bakal menghuraikan mengenai cadangan kajian yang akan dihuraikan dalam bentuk rumusan. Dalam bab ini, segala persoalan kajian dapat dirumuskan melalui data daripada keseluruhan kajian.

## BAB II

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 PENGENALAN

Bab ini meliputi sejarah ringkas berkaitan penerangan konsep teori, kajian lepas, kajian teoritikal dan kerangka teori yang menyokong kepada kajian penyelidikan yang dijalankan. Konsep yang akan dibincangkan ialah suaiguna semula dan pelancongan warisan manakala kajian kerangka teori pula membincangkan berkaitan Teori Persepsi yang dijadikan panduan dan asas dalam menganalisis data kajian ini.

Selain itu, bab ini juga turut mengkaji dan membincangkan kajian-kajian lepas yang dilakukan sarjana lepas berkaitan kajian yang dihasilkan. Zulkarnaian (2001) kajian lepas ini perlu dibuat sebelum memulakan sesuatu kajian bagi mengelakkan dari berlakunya pertindihan serta pergulungan hasil penyelidikan orang lain manakala menurut Rohana Yusoff (2004) pengkaji dapat mempelajari serta menjadikan

pengalaman dan karya yang akan dirujuk sebagai panduan dalam penulisan sorotan karya atau dikenali sebagai *literature review* ini.

Justeru itu, dalam bab ini pengkaji akan membincangkan berkaitan teori yang dipilih untuk dijadikan panduan dalam melaksanakan kajian penyelidikan, sorotan kajian lepas yang ditulis pengkaji-pengkaji sebelum ini yang berkaitan tajuk kajian, definisi operasional yang terdiri daripada suaiguna semula dan pelancongan warisan, dan kerangka teoritikal yang dijadikan sebagai asas panduan dan susun atur dalam pelaksanaan kajian.

## **2.2 TEORI PERSEPSI GIBSON (1989)**

Persepsi merupakan teori yang berkaitan pengalaman tentang objek, peristiwa atau hubungan yang diperolehi dengan mentafsirkan serta menyimpan segala data (Jalaludin Rakhmat 2001). Pengertian persepsi berdasarkan pandangan (Noor Azrina 2008) persepsi ialah tanggapan seseorang individu berkaitan hal positif maupun negatif bergantung kepada faktor keadaan yang mempengaruhinya terhadap sesuatu perkara.

Menurut Purwodarminto (1990), persepsi adalah tindak balas secara langsung terhadap penyerapan ataupun proses rangsangan seseorang yang berlaku disebabkan terjadinya rangsangan di salah satu pancaindera manakala menurut Suharman (2005) pula menyatakan persepsi merupakan suatu proses dengan menginterpretasikan atau menafsir informasi yang diperoleh melalui pengamatan dan pengalaman manusia. Persepsi bakal berlaku setelah berlakunya proses penghantaran data ke anggota badan sebagai tindak balas ke atas rangsangan sama seperti pengertian teori yang dijelaskan Walgito (2010) yang mana persepsi adalah rangsangan yang diterima oleh individu

melalui proses rangsangan yang kemudian dihantar ke organ deria dalam diri seseorang individu.

Menurut Gibson (1989) yang turut menjelaskan dalam penulisannya, struktur persepsi adalah melalui proses kognitif (proses yang berlaku di struktur otak manusia yang melibatkan kesedaran) yang digunakan oleh seseorang untuk dapat memahami dan mentafsir objek di sekelilingnya. Dalam teori persepsi ini beliau menyatakan terdapat faktor dalaman dan luaran yang menjadi titik tolak kepada wujudnya persepsi seseorang individu.

Faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi seseorang individu (Gibson 1989) adalah seperti berikut:

- i. Faktor dalaman: Fisiologi, perhatian, minat, keperluan, pengalaman, ingatan dan suasana.
- ii. Faktor luaran: Warna, ukuran, penempatan, keunikan, kontras, kekuatan dan gerakan.

Beliau turut menyatakan bahawa persepsi merupakan proses memberi makna kepada alam sekitar melalui rangsangan yang dirasai atau perlakuan dari individu. Jadi tidak hairanlah jika setiap orang memberikan definisi dan makna yang berbeza walaupun objek atau perlakuan yang dirasai itu sama. Melalui kajian Gibson (1989) ini juga kita dapat melihat cara setiap individu melihat keadaan atau situasi itu lebih penting melebihi keadaan sekeliling kerana setiap individu tidak sama cara pandangannya dan berbeza dalam menerima rangsangan.

Di samping itu, persepsi adalah proses mengenal pasti atau mengenali sesuatu yang menggunakan pancaindera yang dimiliki seseorang. Kesan yang diterima oleh individu ini akan bergantung pada semua pengalaman yang telah diperoleh melalui proses belajar, berfikir dan dipengaruhi oleh faktor-faktor dari individu itu sendiri (Tiato dan Titik Trowulan 2006). Oleh itu, proses persepsi tidak dapat dilakukan jika tidak melibatkan proses rangsangan.

Wagner dan Hollenbeck (1995) menyatakan pendapat mereka bahawa:

*Kita manusia mempunyai lima deria di mana kita menggunakan dalam kehidupan sehari-hari kita; penglihatan, pendengaran, sentuhan, bau dan rasa. Persepsi adalah proses di mana individu memilih, menyusun, menyimpan dan menafsirkan maklumat yang dikumpulkan dari indera ini.*

Definisi persepsi menurut Wagner dan Hollenbeck itu sendiri adalah proses di mana seseorang dapat memilih, mengurus, menyimpan, dan menafsirkan maklumat yang telah dikumpulkan melalui lima deria. Pendapat ini kurang lebih membawa maksud bahawa kita manusia mempunyai lima pancaindera yang terdiri daripada deria penglihatan, pendengaran, rasa, sentuh dan bau.

Sekali lagi, persepsi adalah proses di mana seseorang bertindak untuk memilih, mengurus, menyimpan dan menafsirkan maklumat rangsangan yang dikumpulkan dan diterima indera ini. Setiap rangsangan yang diterima melalui indera akan bertindak balas berbeza mengikut cara penerimaan rangsangan terhadap seseorang individu.

Tidak semua yang dialami oleh seseorang itu bakal turut dialami juga oleh orang sekeliling jika ia tidak dikongsi.

Persepsi dipengaruhi oleh dua faktor iaitu faktor fungsi (fungsional) dan struktur. Faktor fungsi berasal dari keperluan, pengalaman lalu, dan perkara lain yang bersifat peribadi, seperti proses pembelajaran dan pengetahuan, latar budaya, pendidikan semuanya dirasai dan diwarnai oleh nilai keperibadiannya seseorang individu. Faktor ini biasanya disebut sebagai kerangka rujukan yang mana mempengaruhi bagaimana tindak balas seseorang individu dalam memberi makna kepada mesej yang diterimanya (Richard S. Krutch dan David Krech 2007) sebaliknya faktor struktur adalah faktor yang signifikan hadir atau berlaku dari luar seseorang individu atau dalam erti kata yang lain, ia melibatkan rangsangan dan persekitaran yang disedari oleh individu. Ringkasnya, rangsangan dapat dilihat kerana mempunyai sifat yang berbeza seperti pergerakan, intensiti rangsangan, perkara yang baru, dan berulang (Rahmat 2007).

Proses rangsangan dalam diri seseorang akan berlaku pada bila-bila masa melalui indera seperti mata sebagai alat penglihatan, telinga sebagai alat pendengar, hidung sebagai alat bau, lidah sebagai rasa, dan kulit di telapak tangan sebagai alat sentuhan. Pernyataan ini turut disokong oleh Thoha (2002) yang menjelaskan teori persepsi ini didefinisikan sebagai proses kognitif yang dialami oleh setiap orang dalam memahami maklumat tentang persekitarannya, baik melalui penglihatan, pendengaran, penghargaan, perasaan, dan bau. Kesemuannya adalah organ akal yang diluar kawal yang memberi rangsangan bergantung pada permerhatian individu untuk menterjemahkan sesuatu tindak balas. Ini jelas menunjukkan setiap individu mempunyai pengalaman yang berbeza termasuk perasaan dan kemampuan dalam berfikir

Sementara itu, Irwanto (2002) menyatakan bahawa persepsi adalah proses penerimaan rangsangan seperti objek, kualiti, hubungan antara gejala, dan peristiwa sehingga rangsangan itu disedari dan difahami kerana persepsi bukan sekadar pengamatan melalui pancaindera. Dalam pembentukan persepsi, terdapat proses penerimaan dan penafsiran rangsangan yang dirasakan oleh individu yang bertujuan memberi makna kepada rangsangan ini.

Justeru itu, setiap hasil persepsi juga akan sedikit berbeza bagi setiap individu. Oleh itu jelas menunjukkan, perasaan, kemampuan berfikir serta pengalaman-pengalaman yang dimiliki tidak sama maka hasil persepsi juga akan berbeza antara setiap individu.

Seterusnya, Sobur (2003) menjelaskan di dalam penulisannya, terdapat tiga komponen utama dalam proses persepsi yang dikenalpasti iaitu:

- i. Pemilihan adalah proses penyaringan oleh deria rangsangan luaran.
- ii. Tafsiran, iaitu proses menyusun maklumat yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor, seperti pengalaman masa lalu, motivasi keperibadian dan kegelisahan dalam memberikan makna dari setiap tindak balas.
- iii. Setiap persepsi dan tafsiran diterjemahkan sebagai reaksi tingkah laku.

Menurut Angga (2003) pula, beliau menjelaskan di dalam kajiannya, ia menemukan teori persepsi yang terdiri daripada lima ciri penting, iaitu:

- i. Rangsangan yang diterima yang menggabungkan pancaindera yang digunakan seperti deria sentuhan, penglihatan mahupun bau.

- 
- ii. Persepsi mempunyai skop khas tertentu yang meliputi mruang lingkup seperti sempit-luas, depan-belakang dan atas-bawah.
  - iii. Dimensi waktu atau masa seperti cepat-lambat dan tua-muda.
  - iv. Gejala atau objek yang berlaku melalui pemerhatian setiap individu yang menyatukan struktur dengan konteksnya.
  - v. Persepsi lebih banyak dilakukan melalui pemerhatian dan setiap makna yang berlaku mempunya kaitan dengan gejala hubungan antara diri individu.

Persepsi berlaku melalui beberapa faktor yang berbeza mengikut tindak balas seseorang individu dalam menghasilkan respons melalui pemerhatian mereka. Dalam konteks ini, Sarlito Wirawan Sarwono (1986) juga menunjukkan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi adalah seperti berikut:

- i. Perhatian sebagai kemampuan dalam tindak balas melalui rangsangan sekeliling
- ii. Penerimaan rangsangan yang wujud dalam diri seseorang.
- iii. Tahap rangsangan langsung atau berterusan seseorang yang berbeza persepsi.
- iv. Sistem penilaian yang dicetuskan atau digunakan pada setiap individu masyarakat.

Kesimpulannya, teori persepsi adalah panduan dalam memfokuskan kajian yang lebih khusus yang diperlukan dalam menilai bentuk persepsi responden terhadap sesuatu kajian. Teori persepsi ini juga penting dalam mengukur tahap tindakbalas seseorang terhadap tahap pemerhatian dan kepekaan seseorang dalam kajian yang dilakukan.

## 2.3 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Sorotan kajian lepas menjadi panduan asas yang menunjukkan jalan kepada pengkaji mengenai apa yang ingin dikaji (Rosmawati 2014) manakala menurut Sulistyo Basuki (1991), sorotan kajian merupakan pernyataan atau fakta yang menyokong objektif kajian. Menurutnya lagi, di dalam sorotan kajian, teori yang digunakan hanya rekaan yang terdiri daripada pernyataan, kaedah, teori dan pendapat penilaian mengenai tajuk kajian.

Sorotan kajian juga merupakan proses mengambil dan mengubah ayat nota hasil daripada kajian lepas seperti artikel, buku ilmiah, jurnal, tesis atau orang tua. Chua Yan Piaw (2011) pengkaji perlu membincangkan berkaitan kekuatan dan kelemahan sewaktu menulis sorotan kajian lepas secara kritikal.

Menurut DN & Beile (2005) dalam kajian mereka, maksud sorotan kajian adalah untuk membezakan yang baru dengan pembaharuan berkorelasi dengan menggabungkan beberapa bahagian hasil kerja penulis terdahulu daripada tajuk penyelidikan dalam pelbagai rujukan penyelidikan yang berasingan untuk menjana perspektif baru mengenai topik yang sama.

Dalam bab ini, pengkaji bakal membincangkan kajian-kajian lepas berkaitan dengan tajuk kajian iaitu suaiguna semula dan pelancongan warisan yang pernah dihasilkan oleh beberapa sarjana dan penyelidik di Malaysia.

Antaranya, Nurul Hamiruddin Salleh dan A. Ghafar Ahmad (2009), menyatakan di dalam kajianya iaitu *Fire safety management for heritage buildings in Malaysia: Practical guides and recommendations. Proceedings of the International Conference on Built Environment in Developing*, mengenai cabaran yang dihadapi dan



sebab dalam melindungi sesuatu struktur warisan yang telah melalui kaedah suaiguna bangunan warisan kepada memorial bagi tujuan tertentu untuk mengekalkan sejarah dan kepentingannya yang terdapat pada struktur sesebuah bangunan. Sebagai contoh di Malaysia, terdapat beberapa bangunan warisan yang mempunyai erti seni bina dan sejarah yang melalui proses suaiguna yang boleh diklasifikasikan ke dalam beberapa kategori, iaitu rumah tradisional binaan kayu, rumah kedai perang sebelum perang, bangunan pejabat kolonial, bangunan institusi dan bangunan keagamaan dan sebahagian daripadanya telah disenaraikan sebagai Bangunan Warisan atau bangunan Warisan Negara di bawah Akta Warisan Nasional 2005 (Akta 645) menjadi asbab kepada perlindungan struktur warisan ini. Manakala Walaupun begitu, dari segi cabaran pula setiap struktur tinggalan warisan perlulah menggunakan pendekatan keselamatan kebakaran. Hal ini kerana, bangunan warisan memerlukan pendekatan yang lebih sensitif dibandingkan dengan bangunan baru, standard keselamatan keselamatan kebakaran yang tinggi diperlukan bukan hanya untuk melindungi orang tetapi juga untuk melindungi kandungan sejarah, fabrik dan struktur sesebuah bangunan.

Nor Syahila Ab Rashid dan Nila Inangda Manyam Keumala H. Daud (2014) dalam kajian yang bertajuk *Kesesuaian Amalan Penyesuaigunaan Bangunan Kediaman Bersejarah kepada Memorial Kebangsaan* menyatakan amalan penyesuaigunaan bangunan kediaman bersejarah yang dilaksanakan di Malaysia boleh dijadikan panduan dan teladan untuk kerajaan, arkitek, pelajar dan banyak lagi. Selain itu, kajian ini turut menganalisis, membincangkan dan menyimpulkan aspek keperluan undang-undang bangunan dalam melaksanakan proses menukar fungsi bangunan, mendapatkan beberapa formula terbaik bagi kaedah penyesuaigunaan bangunan kediaman bersejarah berdasarkan beberapa isu di dalam kajian serta mengenalpasti prinsip-prinsip yang ditekankan dalam amalan penyesuaigunaan semula bangunan

kediaman bersejarah yang ditukar fungsi kepada memorial kebangsaan yang ada di Malaysia.

Seterusnya ialah kajian oleh Bie Plevoets dan Koenraad Van Cleempoel (2013) yang bertajuk *Adaptive reuse as an emerging discipline: An historis survey*, menyatakan sebab amalan suaiguna semula sebagai disiplin yang baru muncul bahkan timbul pelbagai persoalan yang merangkumi pemahaman dunia kontemporari mengenai perlunya corak pembangunan lestari, ekonomi semasa dan keperluan iklim untuk seni bina sesuatu struktur bangunan yang lebih murah agar nilai kesedaran semakin meningkat terhadap faedah dalam mengekalkan warisan seni bina. Bukan itu sahaja, istilah ini juga walaupun tidak sepenuhnya mapan dalam pemikiran orang yang terlibat dalam industri reka bentuk dan pembinaan tetapi ia masih berguna dan masih relevan dalam menjadi dasar yang paling jelas untuk mengubah fungsi bangunan sebagai keperluan ekonomi dan masyarakat dalam memberi nafas baru. Dalam konteks ini juga, mereka turut menyatakan di dalam kajian mereka bahawa kaedah *adaptive reuse* boleh menjadi pendekatan yang menggabungkan keprihatinan tipologi, teknikal, dan strategi. Justeru itu, kajian mereka juga mencadangkan usaha untuk menarik perhatian kepada perlunya pemahaman tentang amalan penyesuaigunaan.

Menurut Saiful Fazli Ramli (2011) menyatakan amalan suaiguna ini bertujuan untuk menunjukkan bahawa, dengan penggunaan semula amalan ini, sektor seperti ekonomi dan fungsi bangunan bersejarah di Malaysia dapat dipelihara secara berkekalan dalam jangka masa panjang dan diteruskan kepada generasi akan datang.

Dian dan Abdullah (2017) menyebutkan bahawa terdapat catatan kerosakan yang cepat dan kes peninggalan di kebanyakan laman warisan di Malaysia. Selain itu, tidak ada garis panduan yang betul atau perlindungan undang-undang mengenai

penggunaan suaiguna semula yang menyebabkan bangunan-bangunan tersebut tidak terkawal pengubahsuaian, pengubahan dan penukaran ruang. Dalam banyak kes, bahagian ekonomi dari amalan penyesuaigunaan semula telah memenuhi keperluan persekitaran dan kajian ini turut menyatakan terdapat banyak teknologi moden telah diperkenalkan di bangunan warisan seperti pencahayaan buatan, sistem keselamatan, sistem penggera kebakaran, akses kecacatan dan kawalan iklim sistem sebagai salah satu faktor yang perlu diambil kira di dalam amalan suaiguna semula bangunan warisan.

Manakala bagi kajian lepas berkaitan pelancongan warisan pula, menurut Mohamad Zaki Ahmad, Johan Afendi Ibrahim (2014) dalam kajiannya yang bertajuk *Pelancongan Warisan dan Penerapan Konsep Pelancongan Lestari dalam Pemuliharaan "Khazanah" Negara: Satu Diskusi* yang membincangkan mengenai aspek-aspek yang menjadi fokus utama dalam memperincikan berkaitan konsep, definisi, impak, pendekatan dalam memulihara warisan negara. Selain itu, pelancongan warisan di negara ini juga dapat menarik pelancong asing bagi melihat kepelbagaiannya dan keunikan sesuatu budaya ditambah pula dengan keindahan alam semula jadi yang mampu menjadikan khazanah warisan yang diiktiraf UNESCO ini sebagai produk yang berpotensi untuk dipromosikan ke luar sebagai salah satu tapak warisan dunia (Zuliskandar Ramli, 2015).

Menurut Baharuddin (2008) mendefinisikan pelancongan warisan sebagai salah satu sub dalam pelancongan budaya manakala Swarbrooke (1994) dalam kajiannya yang bertajuk *The future of the past: Heritage tourism into the 21st century*, mendefinisikan pelancongan warisan sebagai merupakan pelancongan menawarkan produk dan perkhidmatan yang menjadi tunjang kepada penggalak dalam ekonomi negara manakala menurut Razak (2006) pula menyatakan pelancongan khazanah

warisan adalah satu bentuk pelancongan warisan seperti sejarah, peninggalan budaya, seni, budaya, alam semula jadi dan sebagainya. Pelancongan warisan mampu memberikan kesan positif dalam beberapa aspek seperti aspek pelancongan sebagai nilai keamanan sejagat, meningkatkan nilai tradisi dan budaya, memperkuatkan sesebuah masyarakat dan juga dalam aspek kemudahan yang mampu memberikan manfaat kepada masyarakat dan penduduk setempat (Mohamad Zaki Ahmad, 2014). Jika dahulu pelancongan warisan merupakan satu fenomena yang masih baru, walaupun pada hakikatnya perjalanan yang dilakukan bertujuan melawat kebudayaan atau tempat bersejarah sudah dikenali dan wujud sejak dahulu lagi namun kini ia diterima secara meluas sebagai salah satu langkah meningkatkan ekonomi seiring negara maju (Cooke, 1982).

Secara khusunya, dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan beberapa contoh kajian lepas yang telah dijalankan oleh penyelidik-penyalidik tentang amalan suaiguna semula dan pelancongan warisan seiring dengan tajuk kajian yang dikaji. Secara ringkas, amalan suaiguna semula merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk menukar fungsi dalam sesebuah bangunan bagi menjaga serta memelihara khazanah warisan negara. Impak dari amalan ini, khazanah warisan negara kita sehingga ke hari ini masih boleh dikekalkan dan diperlihatkan untuk generasi yang akan datang. Sementara itu, pelancongan warisan boleh diertikan sebagai salah satu pelancongan berlandaskan sejarah, kesenian dan kebudayaan yang menjadi tonggak utama dalam peningkatan ekonomi negara.

### **2.3.1      Suaiguna semula**

Penggunaan suaiguna semula ke atas sesebuah bangunan bersejarah telah banyak digunakan dan diaplikasikan oleh kebanyakan negara luar sebagai salah satu usaha

dalam melindungi ia daripada dimodenisasi. Menurut Kincaid (2002), amalan suaiguna semula atau dipanggil *adaptive reuse* merupakan satu amalan atau kaedah yang amat berkesan dalam pemeliharaan bangunan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memelihara dan mengekalkan bangunan warisan yang terbiar dalam memastikan kepentingan dan kewujudannya terus terpelihara dari semasa ke semasa.

Amalan suaiguna bangunan lama dapat menghubungkan kita dengan masa lalu kita yang telah menjadi sebahagian daripada warisan budaya yang perlu dilestarikan (Zaitzevsky dan Bunnell, 1979). Kim Donghwan (2018) mendefinisikan *adaptive reuse* merupakan kaedah yang digunakan ke atas bangunan tua dengan tujuan penggunaanya yang tidak lagi sesuai digunakan berbeza dengan Burchell dan Listokin (1981) yang mendefinisikan *adaptive reuse* sebagai salah satu strategi revitalisasi yang berkaitan dengan proses merancang, memproses, memperoleh dan guna kembali.

Manakala menurut takrifan *Australia's Year of the Built Environment* (2004) suaiguna semula adalah proses yang mengubah penggunaan yang tidak digunakan atau tidak berkesan menjadi item baru yang boleh digunakan untuk tujuan yang berbeza. Kadang-kadang, tidak ada yang berubah melainkan penggunaan item tersebut. Penggunaan semula bangunan bersejarah yang melalui proses ini semestinya memberi kesan minimum bangunan warisan dan bangunannya. Bukan itu sahaja, pemaju harus dapatkan pemahaman mengapa bangunan tersebut mempunyai status warisan, dan kemudian meneruskan pembangunan yang bersimpati dengan bangunan untuk memberikannya yang baru tujuan.

Menurut Jasmine Williamson (2020) penggunaan *adaptive reuse* adalah sebagai salah satu proses mengambil bangunan lama dan menggunakan semula untuk tujuan seperti yang dirancang. Biasanya, ia berkait rapat dengan sejarah pemeliharaan atau pemuliharaan sekitar bandar dengan kaya sejarah, namun ia menjadi lebih popular sebagai cara membangun dan merancang. Ia juga adalah kritikal proses dalam memastikan masyarakat tidak kehilangan identiti serta sejarah. Menurut beliau juga, amalan penyesuaigunaan semula ini perlu dititik berat kerana amalan suaiguna ini merupakan salah satu cara dalam pemotongan kos binaan seperti mana kaedah ini tidak menggunakan bahan yang terlalu banyak daripada bahan kebiasaan yang diperlukan untuk membina sesebuah bangunan tetapi ia hanya memerlukan beberapa bahan penting sahaja. Hal ini terbukti, *adaptive reuse* merupakan salah satu jalan yang dapat mengurangkan perbelanjaan sekaligus menjimatkan perbelanjaan.

### **2.3.2 Pelancongan warisan**

Pengertian pelancongan warisan menurut Swarbrooke (1994) dalam penulisannya mentakrifkan pelancongan warisan sebagai pelancongan yang asasnya merupakan warisan dan menjadi peranan utama bagi perkhidmatan yang ditawarkan. Manakala, menurut Razak (2006) pula menyatakan pelancongan khazanah warisan sebagai satu bentuk pelancongan warisan yang telah diwariskan daripada orang lama sebagai contoh sejarah, artifak, kesenian, kebudayaan, semulajadi dan lain-lain dan menurut Lynn dalam penulisannya pada tahun 1992, sektor pelancongan merupakan ‘enjin pertumbuhan ekonomi negara’ atau dalam kata lain sebagai ‘nadi ekonomi negara’.

Sehingga hari ini, pembangunan dan promosi industri pelancongan telah diterima secara meluas sebagai langkah ekonomi positif, terutamanya di negara maju (Cooke, 1982). Pembangunan pelancongan dapat menarik dan menyumbang kepada pengembangan industri lain (Lankford, 1994) manakala menurut Jenkins (1993) beliau menyatakan terdapat lima faktor yang menjadi tarikan antarabangsa yang menjadi penentu dalam pemilihan destinasi pelancongan yang menjerumus kepada tarikan minat pelancong.

Pembangunan pelancongan warisan merupakan salah satu perubahan yang telah mengubah hubungan penduduk dengan penduduk yang lain dan sesuatu petempatan dengan petempatan yang lain (Huang dan Stewart, 1996). Ramai berpendapat bahawa warisan budaya dan khazah merupakan salah satu faktor yang penting dalam pertumbuhan ekonomi. Hal ini turut disokong oleh Zuliskandar Ramli (2015) yang berpendapat khazanah warisan yang diiktiraf UNESCO ini merupakan salah satu produk yang menjadi nadi kepada ekonomi negara manakala pelancongan warisan menurut Howard (1993) ialah pemilihan tarikan destinasi yang mempunyai nilai yang sesuai dalam menarik minat pelancong- pelancong bagi melawat tempat pelancongan yang menjadi pilihan mereka.

Ini jelas menunjukkan sumbangan pelancongan warisan merupakan salah satu faktor penting dan utama dalam ekonomi negara. Hal ini terbukti, destinasi pelancongan yang lebih bersifat warisan dilihat lebih menarik berbanding pelancongan yang lain. Jadi tidak hairanlah jika rumah kelahiran Mahathir Mohamad menjadi salah satu penyumbang terhadap pelancongan warisan di Alor Setar, Kedah.

## **2.4 KERANGKA TEORITIKAL**

H. Nawawi (1995), mendefiniskan bahawa kerangka teori sangat penting dalam penyelidikan. Hal ini kerana kerangka teori mengandungi teori-teori yang relevan dalam menjelaskan masalah yang dikaji, kerangka teori juga dapat membantu pengkaji dalam melakukan penelitian yang lebih jelas dan teratur terhadap kajian yang dilakukan (Koentjaraningrat 1990).

Selain itu, menurut Purwodarminto (1990), persepsi merupakan daripada aktiviti tindakbalas secara langsung terhadap proses atau penyerapan seseorang dalam mengetahui beberapa perkara melalui penderiaan. Bukan itu sahaja, rangka teori ini juga sebagai asas dalam penyelidikan yang dijalankan yang mengandungi titik pemikiran masalah yang diperoleh dalam kajian manakala menurut Suharman (2005) pula menyatakan persepsi merupakan suatu proses untuk menafsir atau menginterpretasikan informasi yang diperoleh melalui pengalaman atau pengamatan manusia.

Kerangka teoritikal ini merupakan salah satu kaedah yang dilakukan ke atas tinjauan lokasi kajian dalam menentukan kerangka pemikiran yang sedang dikaji. Kerangka ini juga perlu dihasilkan bagi memudahkan pengkaji untuk mencari tajuk kajian, tujuan kajian, maklumat-maklumat kajian lain yang diperoleh serta ia juga sebagai panduan dalam melaksanakan sepanjang melaksanakan kajian ini. Hal ini turut disokong Sofian Effendi (1998) yang mana setiap hasil kajian perlu mempunyai tujuan dan arah penelitian sebagai dasar dalam penghasilan kerangka teori bagi membantu dalam menentukan kajian yang dijalankan dengan dalam kajian lebih jelas dan konsisten.

Maka, kajian ini menggunakan Teori Persepsi Gibson (1989). Teori persepsi merupakan kaedah teori yang digunakan bagi menentukan persoalan dalam kajian

yang dilakukan. Gibson (1989) dalam buku *Organisation and Behavior Management, Structure*; memberi definisi persepsi ialah proses kognitif yang digunakan oleh individu untuk mentafsir dan memahami dunia di sekeliling mereka (berkaitan dengan objek). Gibson (1989) juga menjelaskan bahawa persepsi ialah proses di mana setiap orang menyampaikan seni kepada alam sekitar. Jadi, walaupun objek itu tetap sama, makna rangsangan setiap orang adalah berbeza.

Teori ini juga merupakan proses yang memberi makna kepada alam sekitar melalui rangsangan yang dirasai atau melalui perlakuan dari seseorang individu. Menurut Gibson (1989) dalam penulisan buku beliau yang bertajuk *Management: Principle and Function*, menyatakan dalam kajian beliau terdapat faktor dalaman dan luaran yang menjadi titik tolak kepada wujudnya persepsi seseorang individu.

Dari sudut ini dapat disimpulkan bahawa pemahaman persepsi ialah proses di mana seseorang individu menerima penderiaan jauh dan rangsangan melalui derianya dan kemudian mentafsirnya supaya individu itu dapat memahami melalui rangsangan yang diterimanya. Proses mentafsir rangsangan ini selalunya dipengaruhi oleh pengalaman peribadi dan proses pembelajaran.

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan teori persepsi yang digunakanapakai dalam kajian ini. Kerangka teori bagi kajian ini adalah seperti berikut:

## SUAIGUNA SEMULA RUMAH KELAHIRAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD DAN SUMBANGANNYA TERHADAP PELANCONGAN WARISAN DI ALOR SETAR KEDAH.

### Analisis: Teori Persepsi (Gibson 1989)

Teori yang mempengaruhi persepsi responden ialah faktor dalaman dan faktor luaran responden.

#### Faktor dalam teori

**Faktor dalaman:** Fisiologi, perhatian, minat, keperluan, pengalaman, ingatan, suasana, sikap, keperibadian individu, harapan atau keinginan, proses belajar, nilai dan keperluan serta minat dan motivasi.

**Faktor luaran:** Latar belakang galeri, maklumat yang diperolehi, pengetahuan dan keperluan di sekeliling fungsi, sumbangan, kelemahan dan sesuatu yang baru.

Pengetahuan tentang sejarah pembinaan galeri Mahathir Mohamad

Proses-proses perubahan fungsi rumah kelahiran Mahathir Mohamad kepada galeri.

Sumbangan rumah Mahathir Mohamad yang telah disuaiguna semula kepada pelancongan warisan

Soal selidik

Temu bual

Data diambil daripada responden melalui pengamatan pancaindera terhadap persekitaran, kaitan dan hubungan-hubungan yang diperolehi

#### Pencapaian/Obektif:

Keputusan data dalam tajuk suaiguna semula rumah kelahiran Mahathir Mohamad dan sumbangannya dalam sektor pelancongan warisan di Alor Setar, Kedah berjaya dikumpul

Rajah 2.1: Kerangka Teoritikal Persepsi (Gibson 1989)

Dalam Rajah 2.1 ini, menunjukkan melalui kerangka berkaitan teori persepsi oleh Gibson (1989) yang dipilih dan digunakan ia dapat membantu pengkaji dalam mencari pengetahuan tentang sejarah pembinaan galeri Mahathir Mohamad. Sejarah bagaimana terhasilnya pembinaan dengan menggunakan kaedah soal selidik yang akan diedarkan untuk mendapatkan jawapan yang bakal direkodkan nanti.

Selain itu, melalui rangka ini juga, pengkaji akan membincangkan tentang proses-proses perubahan fungsi rumah kelahiran Mahathir Mohamad kepada galeri tersebut. Proses ini meliputi dari awal proses sehingga berlaku perubahan fungsi. Teori ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji dalam melaksanakan dua prinsip teori yang saling bergantung untuk memahami tajuk kajian yang dijalankan.

Untuk prinsip yang pertama, faktor dalaman yang melibatkan fisiologi, perhatian, minat, keperluan, pengalaman, ingatan, suasana, sikap, keperibadian individu, harapan atau keinginan, proses belajar, nilai dan keperluan serta minat dan motivasi. Faktor dalaman ini akan digunakan di dalam soal selidik bagi mengukur demografi, minat, keinginan dan harapan. Hal ini sangat mempengaruhi dalam diri dan cara hidup seseorang individu dalam memberikan pendapat dan pandangan dalam mencapai sesuatu matlamat yang diberikan.

Untuk prinsip yang kedua pula ialah faktor luaran yang mana latar belakang galeri, maklumat yang diperolehi, pengetahuan dan keperluan, sumbangan, kelemahan dalam menerima situasi yang ada dengan memenuhi kehendak sumber di persekitaran seseorang. Melalui prinsip kedua ini, soalan yang dikemukakan di dalam temu bual bagi mengukur pandangan serta pendapat responden dalam mentafsirkan sesuatu jawapan.

Keputusan data dalam kajian ini akan dikumpul dan diukur menggunakan kaedah yang ditetapkan di dalam bab seterusnya. Keseluruhannya, kerangka teoritikal

ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji dalam mengembangkan idea dan susunatur perkembangan hasil kajian yang dijalankan.

## 2.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini sedikit sebanyak menghuraikan tentang kajian lepas yang telah dilakukan oleh penulis terdahulu. Sorotan kajian yang dilakukan adalah berkaitan dengan topik kajian. Keseluruhan kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji iaitu Suaiguna semula rumah kelahiran Mahathir Mohamad dan sumbangannya terhadap pelancongan warisan di Alor Setar, Kedah yang menggunakan teori persepsi melalui pancaindera terhadap objek, peristiwa atau hubungan-hubungan yang diperolehi sebagai panduan dalam mendapatkan data dan jawapan kepada persoalan. Faktor dalaman dan faktor luaran responden merupakan faktor yang mempengaruhi persepsi responden itu sendiri.

Faktor dalaman seperti fisiologi, perhatian, minat, keperluan, pengalaman, ingatan, suasana, sikap, keperibadian individu, harapan atau keinginan, proses belajar, nilai dan keperluan serta minat dan motivasi manakala bagi faktor luaran pula latar belakang galeri, maklumat yang diperolehi, pengetahuan dan keperluan di sekeliling fungsi, sumbangsan, kelemahan dan sesuatu yang baru. Pengetahuan tentang amalan suaiguna semula rumah atau bangunan yang ditukar fungsi menjadi memorial tidak ramai yang tahu kelebihannya sedangkan melalui kaedah dan amalan ini ia dapat mengangkat identiti warisan dalam sesebuah komuniti sekaligus memberi pelbagai impak positif salah satunya berpotensi ke arah menjana ekonomi negara khususnya dalam sektor pelancongan warisan negeri Kedah.

Oleh itu, pengkaji menggunakan teori persepsi bagi kajian ini kerana tajuk kajian ini bersesuaian dengan teori yang akan digunakan. bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu Suaiguna semula rumah kelahiran Mahathir Mohamad dan sumbangannya terhadap pelancongan warisan di Alor Setar, Kedah.

## BAB III

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian ialah penggunaan, kaedah atau cara yang digunakan untuk menjawab matlamat dan objektif kajian untuk menghasilkan penyelidikan yang dijalankan dengan lebih sistematik supaya penyelidikan terus mengikut prinsip yang betul untuk mencapai matlamat. Seperti yang ditakrifkan oleh Tengku Iskandar (1996), metodologi ialah definisi ilmu yang berkaitan dengan metodologi atau disiplin yang digunakan dalam menjalankan penyelidikan untuk mencapai matlamat tertentu manakala menurut Ahmad Mahdzan Ayob (1995) menjelaskan metodologi merupakan kaedah penyelidikan yang mana segala langkah yang diambil untuk mencapai segala objektif penyelidikan.

Selain itu, metodologi adalah pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan untuk mengumpulkan data dengan prosedur sistematik yang menggabungkan

penyesuaian pendekatan kajian dan analisis data yang sesuai bagi memastikan objektif penyelidikan dicapai dengan sempurna (Othman Mohamed, 2001)

Bab ini menerangkan kaedah yang digunakan dalam kajian dilakukan iaitu Suaiguna semula rumah kelahiran Mahathir Mohamad dan sumbangnya terhadap sektor pelancongan warisan di Alor Setar, Kedah. Bahagian ini merupakan bab yang penting dalam sesebuah kajian yang dilakukan bagi menentukan data yang diperolehi hasil dari tinjaun yang dilakukan. Seperti yang dinyatakan, bab ini juga, pengkaji menghuraikan tentang reka bentuk kajian, proses pengumpulan data, kaedah analisis data serta kesahan dan kebolehpercayaan.

### **3.2 PROSES PENGUMPULAN DATA**

Proses pengumpulan data dilakukan untuk mendapatkan data bagi mencapai objektif kajian. Menurut Suharsimi Arikunto (2000), instrumen pengumpulan data adalah alat yang dipilih dan digunakan oleh pengkaji dalam aktiviti pengumpulan data yang sistematis manakala menurut Ibn Hadjar (1996) berpendapat bahawa instrumen pengumpulan data adalah alat pengukur yang digunakan untuk mendapatkan maklumat kuantitatif mengenai variasi ciri boleh ubah dalam objektif kajian.

Menurut Sabitha Merican (2005), proses pengumpulan data ialah pengiraan ke atas ciri-ciri, kejadian, fakta atau ukuran ke atas sesuatu peristiwa yang boleh dikira. Proses pengumpulan data adalah proses, perbuatan, cara mengumpul atau menghimpun data bagi mendapatkan maklumat bagi sesuatu kajian (Afid Burhanuddin, 2014).

Pengumpulan data dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk mencapai objektif kajian. Objektif yang dinyatakan dalam bentuk hipotesis

adalah jawapan sementara bagi persoalan kajian. Jawapan itu masih perlu diuji secara kritis dan untuk tujuan inilah pengumpulan data diperlukan. Data yang dikumpulkan ditentukan oleh pemboleh ubah dalam hipotesis. Data dikumpulkan oleh sampel yang telah ditentukan. Dalam hal ini, proses pengumpulan data digunakan bagi tujuan memperolehi maklumat berkaitan kajian yang dijalankan. Oleh itu, sumber yang digunakan bagi proses pengumpulan data adalah seperti berikut:

### **3.2.1 Proses pengumpulan data primer**

Data Primer adalah sumber data penyelidikan yang diperoleh secara langsung dari sumber asal dalam bentuk temu bual, tinjauan penelitian dari individu atau kumpulan serta hasil pemerhatian terhadap sesuatu objek, peristiwa atau hasil data yang diperolehi. Kelebihan data primer adalah data yang dipilih berdasarkan kepada apa yang dilihat dan didengar oleh pengkaji secara langsung.

Menurut Umi Narimawati (2008) menjelaskan bahawa, data primer merupakan data yang berasal dari sumber asli atau pertama yang diperolehi melalui sumber atau responden sebagai cara untuk mendapatkan maklumat atau data manakala menurut Sugiyono (2013) data primer adalah sumber data dalam memberikan maklumat secara langsung kepada pengumpul kajian.

Data primer adalah data yang berasal dari sumber asli atau pertama (Rohana Yusof, 2004) manakala menurut Uma Sekaran (2011) data primer adalah data yang diperoleh dari data sumber asli dengan melakukan kajian khusus untuk mendapatkan tujuan maklumat dari data tersebut. Justeru itu, pengkaji memilih kaedah pengumpulan data yang diperoleh melalui kaedah seperti berikut:

### i. Soal selidik

Dalam kaedah ini, pengkaji menggunakan satu set soal selidik bagi mendapatkan data tentang tahap pemahaman masyarakat berkaitan tajuk kajian. Menurut Ghazali (2003), kaedah soal selidik merupakan kaedah atau pendekatan yang berkesan untuk mendapatkan maklumat kajian, dengan kata lain, soal selidik juga merupakan satu set soalan untuk mendapatkan maklumat untuk penyelidikan manakala menurut Gillham (2000), kos menghasilkan borang soal selidik yang murah dan memperuntukkan masa yang singkat merupakan sebab mengapa soal selidik menjadi pilihan kebanyakan pengkaji.

Bagi kaedah ini, pengkaji menyediakan satu set soal selidik di dalam bentuk *google docs* berdasarkan jenis soalan yang terdiri daripada soalan jenis berstruktur dan tidak berstruktur yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu A, B dan C. Ketiga-tiga bahagian adalah seperti di bawah:

#### **Bahagian A: Demografi**

Bahagian A atau yang pertama ialah soalan jenis demografi atau latar belakang yang terdiri daripada jantina, umur, bangsa, status, pekerjaan, negeri asal dan kekerapan dalam melancong. Bahagian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengkelasan dan identiti responden.

#### **Bahagian B: Latar Belakang Sejarah Pembinaan Galeri Mahathir Mohamad**

Soalan pada bahagian kedua atau bahagian B ini merupakan soalan jenis dikomutus yang menggunakan pilihan Ya atau Tidak yang merangkumi

pengetahuan tentang latar belakang sejarah pembinaan galeri Mahathir Mohamad. Soalan pada bahagian ini berkaitan dengan objektif kajian iaitu meneroka sejarah latar belakang pembinaan galeri mahathir Mohamad.

**Bahagian C: Sumbangan yang diberikan Galeri Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad yang telah disuaiguna semula untuk pelancongan warisan di Kedah.**

Untuk bahagian C iaitu bahagian terakhir merupakan soalan jenis skala likert yang menggunakan lima Interpretasi Skor Min dalam soalan berkaitan sumbangan yang diberikan galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad yang telah disuaiguna semula untuk pelancongan warisan di Kedah. Berikut merupakan 5 skala lkert iaitu Sangat Setuju (SS), Setuju (S), Tidak Pasti (TP), Tidak Setuju (TS), Sangat Tidak Setuju (STS)

Set soalan ini seterusnya diedarkan secara rawak kepada orang ramai yang gemar melancong di sekitar kawasan Kota Setar. Seramai 200 sampel dipilih dari 11,004 populasi sekitar kawasan tersebut untuk mendapatkan data maklumat bagi kajian yang dilakukan. Pemilihan responden adalah berdasarkan jadual Krejcie & Morgan (1970) seperti jadual 3.1 di bawah:

Jadual 3.1 Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970)

Populasi	Sampel										
10	10	85	70	220	140	440	205	1200	291	4000	351
15	14	90	73	230	144	460	210	1300	297	4500	354
20	19	95	76	240	148	480	214	1400	302	5000	357
25	24	100	80	250	152	500	217	1500	306	6000	361
30	28	110	86	260	155	550	226	1600	310	7000	364
35	32	120	92	270	159	600	234	1700	313	8000	367
40	36	130	97	280	162	650	242	1800	317	9000	368
45	40	140	103	290	165	700	248	1900	320	10000	370
50	44	150	108	300	169	750	254	2000	322	15000	375
55	48	160	113	320	175	800	260	2200	327	20000	377
60	52	170	118	340	181	850	265	2400	331	30000	379
65	56	180	123	360	186	900	269	2600	335	40000	380
70	59	190	127	380	191	950	274	2800	338	50000	381
75	63	200	132	400	196	1000	278	3000	341	75000	382
80	66	210	136	420	201	1100	285	3500	346	1000000	384

Sumber: Google

## ii. Temu bual

Rozmi Ismail (2015) mendefinisikan temu bual sebagai perbualan antara pengkaji dan responden dalam mendapatkan data yang mana data tersebut diperolehi dan dilengkapkan dengan pemerhatian Manakala menurut Denzin (2001) mendefinisikan ia sebagai salah satu kaedah dalam mengumpul data yang melibatkan interaksi secara bersemuka ataupun alam maya di antara pengkaji dan responden. Bukan itu sahaja, kaedah temu bual juga merupakan salah satu kaedah yang memperolehi maklumat secara lisan daripada responden yang mana ia bersifat reflektif dan nyata.

Temu bual terbahagi kepada tiga iaitu temu bual berstruktur, semi struktur dan tidak berstruktur. Bagi kaedah ini, pengkaji bakal menggunakan kaedah temu bual berstruktur. Responden hanya diminta untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan pengkaji. Tujuan pengkaji memilih kaedah temu bual berstruktur adalah kerana pengkaji ingin mengelakkan daripada berlakunya pertindihan data yang akan merumitkan kerja-kerja menganalisis data.

### **3.2.2 Proses pengumpulan data sekunder**

Definisi data sekunder adalah sumber data penyelidikan yang diperoleh melalui media secara langsung atau secara tidak langsung dalam bentuk buku, rekod, bukti yang ada, atau arkib, baik yang diterbitkan atau tidak diterbitkan secara umum. Dengan kata lain, pengkaji perlu mengumpulkan data dengan mengunjungi perpustakaan, pusat kajian, pusat arkib, melayari laman web yang diiktiraf atau membaca banyak buku yang berkaitan dengan penyelidikan kajian yang dijalankan. Menurut Uma Sekaran (2011) data sekunder diperolehi berdasarkan kepada perolehan maklumat kajian dari sumber yang telah ada. Heaton (2004) menjelaskan analisis data sekunder sebagai:

*A research strategy which makes use of preexisting quantitative data or pre-existing qualitative data for the purposes of investigating new questions or verifying previous studies.*

Manakala Johnston (2014) menjelaskan pendapat beliau bahwa: Analisis data sekunder itu masih tetap sebagai teknik penelitian yang jarang digunakan diberbagai bidang. Dengan semakin banyaknya data hasil penelitian yang tersedia untuk dimanfaatkan para peneliti, maka sangat penting untuk kemudian menegaskan analisis data sekunder itu sebagai metode penelitian yang sistematis.

Kaedah data sekunder membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang tidak mampu dijawab oleh responden dalam kajian. Oleh itu, kaedah pengumpulan data yang digunakan pengkaji ialah melalui kaedah kepustakaan di bawah data sekunder bagi memperoleh data dalam kajian yang dijalankan.

### **i. Kajian kepustakaan**

Kajian kepustakaan juga dikenali sebagai tinjauan kajian berkaitan. Kajian kepustakaan sangat penting bagi pengkaji mendapatkan maklumat yang akan dilakukan (Siti Sarah, 2015). Menurut Asmah Hj. Omar (1985), kajian kepustakaan merupakan fenomena percampuran dan penukaran sesuatu kod yang lazim dalam kalangan penutur dwibahasa atau polibahasa. Melalui sumber kajian ini, dapat membantu pengkaji dalam mencari bahan atau idea yang bersifat meluas.

Kaedah ini juga sering menjadi kaedah dominan dalam melaksanakan kajian bagi memperolehi maklumat yang tepat dan boleh digunakan sebagai rujukan dalam sesuatu kajian ilmiah. Bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian, kaedah kepustakaan dilakukan menerusi sumber-sumber bahan ilmiah terutamanya buku-buku ilmiah, tesis, artikel, akhbar berkaitan dengan objektif kajian yang dijalankan supaya data yang diperolehi adalah berasas dan boleh dipercayai.

### **ii. Laman sesawang/ Internet**

Kaedah laman sesawang dan internet juga dipilih sebagai salah satu kaedah dalam pengumpulan data sekunder. Pencarian maklumat dilakukan dalam laman sesawang ataupun website yang diiktiraf. Menurut Mohd Arif (2000) laman sesawang atau laman web mengandungi pelbagai jenis maklumat yang terdiri daripada teks, video, grafik, animasi dan lain-lain manakala perkataan www dikategorikan sebagai tunjang dalam membantu seseorang untuk mencari serta mendapatkan bahan dan data dengan mudah khususnya bagi mereka yang

mempunyai kekangan dalam mendapatkan data bagi kajian yang dilakukan (Mahidun, 2007).

Oleh yang demikian, pengkaji memilih penggunaan laman sesawang sebagai salah satu pengumpulan data bagi memudahkan urusan mendapatkan data memandangkan dengan keadaan negara sekarang ini yang tidak mengizinkan.

### **iii. Artikel**

Sumber seterusnya yang dipilih pengkaji ialah artikel. Artikel merupakan salah satu jalan mudah dalam mendapatkan data dalam menjalankan sesuatu kajian. Artikel merangkumi topik tertentu yang diterbitkan di majalah, surat khabar, dan media sosial. Selalunya artikel yang ditulis mengandungi idea, pendapat, dan fakta yang telah dinyatakan oleh seseorang untuk memberikan maklumat kepada pengkaji. Selain itu, artikel dedifiniskan sebagai alat mengkaji, menjelaskan, atau menggambarkan masalah yang dihadapi dengan terjemahannya bersifat umum, jelas dan terperinci (Abdillah, 2016). Justeru itu, penggunaan artikel sangat membantu dan memudahkan urusan pengkaji dalam mendapatkan data bagi maklumat yang tidak dapat diperoleh daripada sumber primer sekaligus dapat mengelakkan daripada berlakunnya pertindihan maklumat dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

#### **3.2.3 Persampelan kajian**

Persampelan merupakan satu usaha bagi seseorang pengkaji untuk memperolehi maklumat daripada sampel kajian yang dapat mewakili populasi (Sulaiman Masri, 2002). Populasi menentukan sejauh, atau sebanyak mana data dan maklumat perlu

dikumpul untuk dianalisis. Menurut Mohd. Majid Konting (2000), menjelaskan bahawa populasi yang tepat dan teliti akan menentukan parameter populasi yang dikaji.

Terdapat beberapa kaedah, antaranya adalah persampelan kebarangkalian dan persampelan tidak kebarangkalian. Persampelan kebarangkalian ialah persampelan yang bersifat rawak, mudah, sistematik dan berkelompok manakala tidak kebarangkalian bersifat kuota, sampel bola salji dan pertimbangan. Oleh itu, melalui kaedah ini pengkaji mengumpulkan data melalui jawapan atau sampel daripada orang ramai yang gemar melancang di sekitar kawasan Kota Setar yang dipilih secara rawak sebagai populasi kajian dengan menggunakan jadual saiz sampel Krejcie & Morgan (1970) yang memudahkan lagi pengkaji menjalankan kajian yang dijalankan.

### **3.2.4 Instrumen kajian**

Dalam bahagian ini, pengkaji menggunakan dua juga instrumen kajian yang digunakan ke atas kajian ini ialah borang soal selidik dan soalan temubual responden.

### **3.2.5 Kuantitatif**

Menurut Fraenkel (2007) menjelaskan kaedah kuantitatif ialah hasil kajian, yang memfokuskan kepada objektif kajian dan dilaksanakan melalui pengumpulan dan analisis data, manakala Nana (2005) menjelaskan dalam kajian mereka bahawa kaedah kuantitatif adalah hasil yang tertumpu kepada objektif penyelidikan yang dijalankan melalui pengumpulan dan analisis datamanakala menurut Dominick

(1997) menyatakan kaedah ini akan menggunakan maklumat dan data yang sedia ada sebagai sumber maklumat yang utama.

Justeru itu, pengkaji memilih kaedah soal selidik dan persampelan data bagi mengumpulkan data yang diperoleh di bawah tajuk kajian iaitu Suaiguna Semula Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad dan Sumbanganya Terhadap Sektor Pelancongan Warisan di Alor Setar, Kedah.

### **3.2.6      Kualitatif**

Bab ini membincangkan secara mendalam berkaitan bentuk data, kekekuatan serta kelemahan dalam setiap data yang dikumpul, diproses dan diselidik dalam penyelidikan kualitatif. Kualitatif merupakan kajian yang dijalankan ke atas situasi dan individu bagi memperolehi data dan maklumat secara mendalam. Menurut Denzin dan Lincoln (1994) mendefinisikan kualitatif sebagai kepelbagaiannya sesuatu kaedah yang berfokus dan semula jadi manakala menurut Cresswell (1994) berpendapat bahawa, kualitatif merupakan proses kearah kefahaman dengan mengumpulkan data sewaktu melakukan tinjauan.

Menurut Patton (1990) data kualitatif terhasil daripada tiga jenis antaranya hasil pemerhatian yang menghuraikan secara terperinci berkaitan situasi, kejadian, dan tingkah laku sewaktu berada di kajian lapangan. Kedua, hasil pembicaraan yang berhubung kait dengan kutipan data secara langsung dari pernyataan dan maklumat orang-orang tentang pengalaman, keyakinan, sikap, dan juga pemikiran secara mendalam dan yang terakhir, bahan tertulis yang berdasarkan petikan, dokumen, rakaman, surat-menjurat, dan sejarah. Oleh itu, pengkaji memilih dan menggunakan kaedah temu bual bagi mengumpul data melalui wawancara yang dilakukan ke atas responden.

### **3.3 KAEADAH ANALISIS DATA**

Menurut Taylor (1975), menjelaskan kaedah analisis data merupakan proses yang dilakukan secara terperinci untuk merumuskan hipotesis manakala Menurut Lexy J. Moleong (2002), pengertian analisis data merupakan proses menyusun data mengikut corak, kategori, dan unit penerangan asas. Analisis data mentah juga memerlukan penelitian yang terperinci bagi memastikan hasil kajian dapat dibuktikan kesahihan dan buktinya.

Selain itu, analisis data juga merupakan proses yang memperincikan usaha secara formal untuk mencari tema dan merumuskan hipotesis seperti yang disarankan sebagai usaha dalam mewujudkan hipotesis (Taylor, 1975). Oleh hal demikian, dalam bab ini, hanya kaedah kuantitatif yang digunakan. Kaedah ini digunakan bagi mengukuhkan serta memudahkan proses penganalisisan data dalam kajian yang dilakukan. Analisis data dipermudahkan lagi dengan berpandukan kepada persoalan kajian dan objektif kajian, maka analisis data yang dihasilkan adalah mengikut objektif yang telah dirangka dalam kajian.

#### **3.3.1      Analisis Data Kuantitatif**

Menurut persepsi Wiersma (2000) analisis deskriptif ialah kaedah mengukur dan menghuraikan data kuantitatif manakala menurut Pallant (2007), sesuatu analisis kajian yang dilakukan hendaklah bersesuaian dengan objektif kajian agar keputusan hasil kajian yang diperolehi lebih tepat, menyeluruh dan lebih bermakna. Data analisis kuantitatif merupakan hasil daripada soal selidik, yang dikumpul daripada jawapan yang diberikan oleh pihak responden.

Analisis dapatan data bagi kajian ini melibatkan pendekatan kuantitatif yang mana data-data yang diperoleh, dipaparkan ke dalam bentuk deskriptif statistik dalam bentuk peratusan. Formula yang digunakan dalam kajian ini ialah jumlah skor jawapan yang dipilih dibahagikan dengan jumlah responden seterusnya didarabkan dengan nilai seratus bagi mendapatkan jumlah data yang tepat seperti yang ditunjuk dalam jadual di bawah berikut:

$$\text{Peratusan} = \frac{\text{Jumlah skor jawapan}}{\text{Jumlah responden}} \times 100$$

Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif, data yang dianalisis dapat menyokong maklumat dan memberikan hasil yang tepat dan sedia ada dengan lebih kukuh. Pendekatan kualitatif merupakan salah satu cara dalam menganalisis data yang mana hasilnya dapat memberikan penjelasan yang lebih bermakna dan diikuti oleh fakta atau bukti yang diperoleh daripada kajian.

Penganalisisan data dibuat mengikut analisis deskriptif yang menggunakan kekerapan, peratus ataupun min untuk mendapatkan keputusan data yang memerihalkan pemboleh ubah yang dikaji dalam kajian ini. Soalan bahagian skala likert yang memerlukan persetujuan dari responden mengenai kefahaman daripada hasil kajian. Selain itu, pengkaji menggunakan skala jawapan yang berbentuk nilai min skala lima likert dibuat berdasarkan julat skor seperti dalam jadual seperti di bawah:

Jadual 3.2 Interpretasi Skor Min

Julat Skor	Interpritasi
4.21 – 5.00	Sangat Setuju (SS)
3.41 – 4.20	Setuju (S)
2.61 – 3.40	Tidak Pasti (TP)
1.81 – 2.60	Tidak Setuju (TS)
1.00 – 1.80	Sangat Tidak Setuju (STS)

Sumber: Google

Bagi soalan jenis demografi, pengkaji akan memfokuskan soalan berkaitan latar belakang maklumat diri responden yang terdiri daripada jantina, umur, status, pekerjaan dan negeri asal tempat tinggal responden manakala soalan jenis tertutup pula, pengkaji menggunakan kaedah dikotomus untuk memperolehi keputusan data melalui jawapan daripada responden yang mana responden diminta untuk memilih salah satu dari dua pilihan jawapan yang disediakan oleh pengkaji seperti ya atau tidak, benar atau salah, setuju atau tidak setuju di ruangan jawapan yang disediakan seperti contoh soalan di bawah:

Contoh:

Ya      Tidak

Adakah anda memahami kepentingan suaiguna dalam sesebuah bangunan warisan? ( ) ( )

### **3.3.2      Analisis Data Kualitatif**

Menurut Denzin dan Lincoln (1994) mendefinisikan kualitatif sebagai kepelbagaian sesuatu kaedah yang berfokus dan semula jadi manakala menurut Cresswell (1994) berpendapat bahawa, kualitatif merupakan proses kearah kefahaman dengan mengumpulkan data sewaktu melakukan tinjauan. Data analisis kualitatif dikumpul daripada borang temu bual yang telah diperolehi daripada jawapan yang diberikan pihak responden terhadap soalan yang dikemukakan.

Analisis dapatan data bagi kajian ini melibatkan pendekatan kuanlitatif yang mana data-data yang diperoleh, dipaparkan ke dalam bentuk temubual, analisis dokumen dan pemerhatian. Dalam analisis data kualitatif, ia terbahagi kepada tiga langkah atau urutan dalam mengumpulkan data kualitatif yang terdiri daripada penyaringan, persembahan data dan penulisan kesimpulan yang di bawahnya terdiri daripada *open coding*, *axial coding* dan *selective coding*. Justeru itu, pengkaji memperolehi data melalui temu bual secara tertutup dan berstruktur yang terbahagi kepada beberapa pertanyaan umum dengan pihak yang bertanggungjawab seperti pihak Arkib, pihak Rancangan Bandar Dan Desa Negeri Kedah, serta pihak galeri Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad yang mempunyai pengetahuan dalam bidang pemuliharaan dan pemeliharaan.

## **3.4 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN**

Menurut Fraenkel dan Wallen (1996), kesahan ialah ketepatan, ketulenan, makna, dan kebolehgunaan alatan yang membolehkan data dilaksanakan. Kesahan juga bermaksud memaksimumkan persetujuan antara dua percubaan untuk mengukur ciri yang sama menggunakan kaedah yang berbeza (Campbell & Fiske, 1959). Kesahan juga

bermaksud bahawa dua percubaan menggunakan kaedah yang berbeza secara maksimum sebagai tanda persetujuan di antara ciri yang sama (Campbell D. & Fiske D., 1959).

Kesahan ini digunakan untuk mengukur ketepatan ukuran yang digunakan dalam penyelidikan untuk menentukan sama ada ukuran yang digunakan mengandungi semua ciri atau idea baharu tentang konsep yang diukur manakala menurut Frankael, J.R, dan Wallen, N.E (1996), tujuan kesahan dilakukan dalam sesebuah kajian adalah sebagai instrumen menjamin kesahan instrumen supaya setiap instrument yang dilakukan mempunyai sifat. (Fraenkel, J.R., and Wallen, N.E., 1996)

Manakala kebolehpercayaan pula ialah satu konsep yang merujuk kepada kekekalan dan kestabilan ukuran, alat ukur, persoalan kajian atau penyelidikan sepanjang masa terhadap sesuatu idea. Kebolehpercayaan bertujuan untuk mengetahui sama ada ukuran memberikan jawapan yang sama jika digunakan untuk mengukur konsep yang sama kepada populasi, sampel atau responden yang sama (Sabitha Marican, 2005). Bukan itu sahaja, menurut Sabitha Marican (2005), kebolehpercayaan merupakan data kualitatif berkaitan dengan perhatian ke atas kawasan kajian supaya data yang diperoleh dapat disusun dalam bentuk yang lebih teratur walaupun data dari kaedah pemerhatian yang diperoleh melalui pelbagai sumber data yang lain (Sabitha Marican 2005).

Kesahan dan kepercayaan ini dapat diukur dengan penglibatan responden yang dipilih di sekitar kawasan kajian yang dijalankan dalam menjawab setiap soal selidik yang diberikan. Setiap maklumat yang diperolehi dapat memastikan keputusan dari hasil yang diperolehi bagi mencapai tahap terbaik dalam kajian yang dijalankan. Penggunaan kesahan dan kebolehpercayaan yang digunakan dalam soal selidik bagi

kajian yang dijalankan ini sangat penting dalam memastikan setiap jawapan yang diberikan. Hal ini kerana, soal selidik yang diberikan melibatkan jawapan responden yang berada di sekitar kawasan kajian yang dijalankan. Justeru itu, kesahan dan kebolehpercayaan dalam borang soal selidik merupakan cara pengumpulan data yang paling tepat kerana melibatkan responden yang dipilih secara rawak.

### **3.5 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, bab ini menghuraikan tentang metodologi kajian dan kaedah analisis yang digunakan dalam kajian secara menyeluruh. Perbincangan bab ini merangkumi proses pengumpulan data, kaedah analisis dan kesahan dan kobelehpercayaan data bagi mendapatkan maklumat yang tepat. Bab ini membincangkan tentang kaedah kajian yang boleh digunapakai bagi mendapatkan suatu maklumat dengan lebih terperinci dan sahih berdasarkan aspek kajian yang dikaji.

Oleh itu, metodologi kajian yang digunakan sedikit sebanyak membantu kajian pengkaji dalam melaksanakan kajian. Kaedah kajian yang digunapakai dalam merekod data daripada responden adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu temubual berstruktur dan tertutup manakala untuk kuantitatif iaitu soal selidik dengan persampelan secara rawak yang mana kesemua data dan maklumat yang diperolehi dianalisis menggunakan skala likert bagi menjawab persoalan kajian.

## BAB IV

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian daripada sumber data penyelidikan yang diperoleh secara langsung dari sumber temu bual mengenai perubahan fungsi rumah kelahiran Mahathir Mohamad kepada galeri.

Kaedah temu bual ini dijalankan ke atas empat orang responden daripada pelbagai latar belakang pekerjaan iaitu Pihak Rancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah (PLAN), pihak Arkib, pengurus dan pekerja galeri Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad. Seperti yang telah dijelaskan di awal penulisan kajian ini, data temu bual dianalisis dengan menggunakan kaedah temu bual berstruktur manakala untuk kaedah soal selidik pula, hasil dapatan kajian diperolehi dan dianalisis menggunakan kekerapan dan peratusan yang dipersembahkan dalam bentuk jadual. Data mengenai persepsi

responden terhadap suaiguna semula rumah kelahiran Mahathir Mohamad dan sumbangnya terhadap pelancongan warisan yang diperolehi melalui soalan soal selidik yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A merangkumi soalan berkaitan latar belakang atau data demografi responden seperti jantina, umur, bangsa, status, pekerjaan, negeri asal responden dan kekerapan dalam melancong. Bahagian B, merangkumi soalan berkaitan pengetahuan tentang latar belakang sejarah pembinaan galeri Mahathir Mohamad di Alor Setar, Kedah dan bahagian C pula merangkumi sumbangan rumah kelahiran Mahathir Mohamad yang telah disuaiguna semula untuk pelancongan warisan di Kedah.

#### **4.2 ANALISIS DAPATAN TEMU BUAL RESPONDEN**

Seperti yang dijelaskan di awal bab, data temu bual dianalisis dengan menggunakan kaedah temu bual berstruktur dalam menghuraikan proses-proses kerja perubahan fungsi rumah kelahiran Mahathir Mohamad kepada galeri. Pandangan, pendapat dan pengalaman dari pakar bidang ini dikelaskan mengikut kategori tema dan sub tema yang dibentuk bagi tujuan analisis data responden mengikut pengelasan seperti jadual berikut:

Jadual 4.1 Kod responden

<b>Kod</b>	<b>Pengkelasan</b>
<b>PLAN</b>	Pihak Rancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah
<b>ANM / ARKIB</b>	Arkib Negara Malaysia Negeri Kedah/Perlis
<b>KRKMM</b>	Kompleks Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Kaedah temu bual telah dilaksanakan ke atas empat orang responden yang terdiri daripada responden yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang kepakaranya. Kesemua responden yang dipilih ini dari lelaki dan perempuan, berbangsa Melayu, berumur 28 tahun hingga 40 tahun ke atas, mempunyai kelulusan dan mempunyai pengalaman bekerja. Responden ini terdiri daripada salah satunya adalah seorang wakil daripada Pihak Rancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah, seorang pegawai daripada Arkib Negara Malaysia Negeri Kedah/Perlis, Pihak pengurusan dan pekerja galeri Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad.

Jadual 4.2: Profil responden berdasarkan jantina, umur, bangsa, kelulusan dan pengalaman bekerja.

<b>Profil Responden</b>	<b>R1-PLAN</b>	<b>R2-ANM/ARKIB</b>	<b>R3-KRKMM</b>	<b>R4-KRKMM</b>
<b>Jantina</b>	/	/	/	/
Lelaki	/	/	/	/
Perempuan				
<b>Umur</b>	/	/	/	/
28 tahun	/	/	/	/
33 tahun				
40 tahun ke atas				
<b>Bangsa</b>	/	/	/	/
Melayu	/	/	/	/
<b>Kelulusan</b>	/	/	/	/
Diploma	/	/	/	/
Ijazah Sarjana Muda/Sarjana				
<b>Pengalaman bekerja</b>				
1-3 tahun			/	
4 tahun	/	/		/
5 tahun ke atas				

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Jadual 4.3: Senarai kategori tema dan sub tema temu bual responden

No.	Tema		Sub tema
A.	Kepentingan yang dimiliki rumah kelahiran Mahathir Mohamad	A1:	Sejarah galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad
		A2:	Lokasi galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad.
		A3:	Ciri dan seni bina galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad.
		A4:	Bukti kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum bergelar Perdana Menteri.
B.	Faktor yang dimiliki rumah ini sehingga ia melalui proses perubahan fungsi daripada sebuah rumah kepada galeri.	B1:	Bukti kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad bersama keluarga.
		B2:	Bukti sumbangan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.
		B3:	Keunikan seni bina galeri.
		B4:	Sumber pelancongan warisan sejarah dan Pendidikan.
C.	Proses perubahan yang dilakukan ke atas rumah kelahiran Mahathir Mohamad dalam menukar fungsinya kepada galeri.	C1:	Perancangan dan penambahbaikan ke atas galeri rumah Mahathir Mohamad.
D.	Sumbangan yang diberikan rumah ini terhadap sektor pelancongan warisan di Kedah	D1:	Bukti peninggalan sejarah kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad.
		D2:	Reka bentuk rumah Melayu
		D3:	Langkah menarik minat dalam generasi muda dalam memelihara warisan negara
		D4:	Kepentingan dalam sektor pelancongan di Kedah.

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

#### 4.3 ANALISIS KEPENTINGAN RUMAH KELAHIRAN MAHATHIR

##### MOHAMAD

Analisis bagi tema pertama ini diperolehi daripada empat pecahan sub tema iaitu sejarah galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad, lokasi galeri, ciri- ciri galeri dan

bukti kehidupan beliau sebelum bergelar Perdana Menteri. Data daripada hasil temubual bersama responden berkaitan tema ini adalah seperti berikut:

#### **4.3.1 Sejarah galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad**

Hasil analisis daripada sub tema ini merangkumi ulasan terperinci daripada responden. Majoriti responden berpendapat dan mengatakan bahawa galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad merupakan rumah yang dibeli oleh bapa beliau iaitu Mohamad bin Iskandar daripada seorang penjual yang mana ketika itu penjual tersebut memerlukan wang untuk mengahwinkan anaknya, tidak bercat mempunyai serambi tetapi tidak bertangga.

*Galeri rumah kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad ni dibeli oleh bapanya dulu pada tahun 1900 daripada seorang penjual ni lah, yang kita sendiri tak dapat nak pastikan siapa orang yang dimaksudkan bapa beliau, cuma waktu rumah tu dibeli memang tak bercat, orang kata nampak warna kayu, ada satu bilik, ada serambi hat di depan rumah tu tapi takdak tangga.*

(R1- PLAN)

*Untuk makluman Syazana, rumah ni sebenarnya dah berusia lebih dari 120 tahun, iaitu dibeli oleh ayah Tun Dr Mahathir pada tahun 1900 dari seorang penjual pada ketika itu di mana rumah ini adalah merupakan rumah papan dan juga beratapkan nipah dan juga mempunyai beranda di depan dan juga ruang kosong di bawah. Ok...rumah ni maksudnya dah lebih 120 tahun la tapi masih lagi kukuh dibawah jagaan Arkib Negara Malaysia.*

(R2- ANM/ARKIB)

*Kalau tanya sejarah tu, saya rasa semua pakat bagi jawapan lebih kurang sama sebab hat mai sini pon pakat baca hat dekat batu tanda tu, tapi takpa saya bagi juga walaupun jawapan lebih kurang sama. Ok, macam yang tertulis dekat batu tanda, rumah ni dulu milik seorang penjual..saya pon tak pasti sapa dia..dia jual dekat bapa Tun M laa sebab duit tak cukup nak bagi anak kawin..pastu dia p la juai dekat pak Tun M...dan masa beli ni memang cat takdak..tangga takdak..bilik nasib baik ada..tu pun ada satu ja dan berlantai papan, tidak berelektrik dan bahagian anjung bersilingkan dengan kain putih..rumah ni pun ada juga serambi tapi tak bertangga dan beberapa tahun kemudian barulah ditambah lagi dengan bahagian hadapan dan bercat.*

(R3- KRKMM)

*Macam yang sedia maklum, kompleks Galeri rumah kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan bangunan bersejarah di Negeri Kedah dan dijaga serta dikelola oleh Jabatan Arkib Negara Malaysia. Pada mulanya rumah yang bermnobor 18 Lorong Kilang Ais dahulunya merupakan rumah milik penjual yang pada ketika itu penjual tersebut memerlukan duit untuk mengahwinkan anaknya. Jadi tak dak cara lain, penjual ni dia jual dekat bapa Dr Mahathir dan memang waktu beli tu rumah ni tak dicat sama sekali, memang original warna asli dari kayu, ada sebilik lepas tu ada serambi tu pon serambi takdak tangga.*

(R4- KRKMM)

Menurut ketiga-tiga responden, rumah ini dibeli oleh ayah Mahathir iaitu Mohamad bin Iskandar sebagai tempat untuk mereka berteduh seisi keluarga. Sejarah rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini merupakan perkampungan masyarakat melayu di Lorong Kilang Ais yang mana sebelum tertubuhnya galeri ini, di sekeliling kawasan tersebut turut mempunyai beberapa rumah yang didiami penduduk di sekitar namun dirobohkan dan diberi pampasan oleh pihak Arkib dalam membangunkan galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad. Secara keseluruhannya, setiap responden memberikan jawapan yang hampir sama walaupun ada sebahagiannya memberikan jawapan secara terperinci.

#### **4.3.2 Lokasi galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad.**

Hasil analisis daripada sub tema ini merangkumi ulasan terperinci mengenai lokasi galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad. Majoriti keempat-empat responden berpendapat bahawa lokasi galeri ini terletak di Lorong Kilang Ais. Kenyataan ini seperti yang dijelaskan oleh responden berikut:

*Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad ni bertempat di Lorong Kilang Ais, Jalan Pegawai Alor Star, Kedah dengan beralamat Nombor 18, rumah ni sebenarnya adalah rumah milik keluarga yang menjadi tempat mereka sekeluarga...adik beradik berteduh sebelum Tun Dr Mahathir Mohamad berkahwin dan berpindah dengan isterinya ke rumah sendiri iaitu di Titi Gajah.*

*Lorong Kilang Ais diambil semperna lokasi kilang ais lama yang terletak di bahagian depan Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad ni yang kilang ais ni dulu menjadi salah satu punca pendapatan penduduk sekitar kampung waktu tu.*

(R1- PLAN)

*Pada 20 Disember 1925, Tun Dr. Mahathir Mohamad iaitu Perdana Menteri Keempat Malaysia telah dilahirkan di rumah No.18, Lorong Kilang Ais, Jalan Pegawai, Seberang Perak, Alor Setar, Kedah Darul Aman. Untuk pengetahuan Syazana... kilang ais di bahagian depan kompleks galeri ini dan tanah-tanah di sekeliling rumah ni yang mana kiri kanan ada rumah...ada jiran tau...ada orang, jadi Arkib Negara belilah tanah kiri kanan dan depan rumah kelahiran Tun Mahathir dalam mengekalkan kawasan dan sejarahnya.*

(R2- ANM/ARKIB)

*Tun Dr. Mahathir Mohamad iaitu bekas Perdana Menteri Keempat Malaysia telah dilahirkan di lokasi rumah No.18, Lorong Kilang Ais, Jalan Pegawai, Seberang Perak, Alor Setar, Kedah Darul Aman pada 20 Disember 1925 yang mana Kompleks Galeri Tun Mahathir Mohamad ni terletak berdekatan dengan lampu isyarat dan di belakang kilang ais lama.*

(R3- KRKMM)

*Rumah Kelahiran Tun M ni merupakan salah satu bangunan bersejarah yang berada di Negeri Kedah dan rumah ni juga dijaga oleh Jabatan Arkib Negara Malaysia. Lokasi rumah ni macam Cik dah sedia maklum iaitu terletak di Jalan Pegawai yang berdekatan lampu isyarat Simpang Empat Seberang Perak yang bersebelahan Kilang Ais Lama, dengan nombor rumah yang bertanda 18.*

(R4- KRKMM)

Rumah kelahiran yang terletak di Lorong Kilang Ais merupakan jawapan yang diberikan oleh setiap responden. Keseluruhannya, setiap responden yang ditemubual mengetahui lokasi terletaknya rumah kelahiran ini walaupun ada sebahagian responden memberikan lokasi secara terperinci.

#### **4.3.3 Ciri dan seni bina galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad.**

Hasil analisis daripada sub tema ini merangkumi ulasan terperinci mengenai ciri dan seni bina galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad. Keempat empat

responden saling menyatakan pendapat yang berbeza berkenaan sub tema yang dikemukakan:

*Rumah kelahiran Tun Mahathir Mohamad ini mempunyai banyak ciri-ciri antaranya salah satu dia adalah seni bina yang ditonjolkan rumah ini sendiri..kalau Cik perasan rumah ni sebenarnya merupakan salah satu contoh seni bina rumah tradisional Melayu yang mana kalau boleh kita perincinkan..rumah ni terdapat tiang seri di dalamnya, rumah panggung yang di bahagian depan dan di rumah ni juga kalau kita perasan turut dibina menggunakan kayu dan berbungkangkan atap nipah yang mana sekarang ni jarang kita nak tengok rumah-rumah kampung lama yang masih mengekalkan identiti tradisional tu sendiri.*

(R1- PLAN)

*Rumah ini juga merupakan rumah tradisional Melayu di negeri Kedah. Di rumah ini, sebenarnya bukan sahaja rumah semata-mata tetapi di dalam rumah ini kita juga mengekalkan susun atur barang-barang original seperti kerusi, katil, tema dan sebagainya untuk tatapan pelawat yang mana bila mereka lihat rumah ni mereka akan tahu serba sedikit berkaitan Tun Dr Mahathir dari kecil sehingga besar Tun Mahathir besar.*

(R2- ANM/ARKIB)

*Kalau ditanya mengenai ciri-ciri tu antaranya macam... rumah ni dibina dan diperbuat dari kayu dan berkonsepkan rumah tradisional...yang mana memang kalau kita pandang dekat rumah ni...memang takdak langsung orang kata apa ciri-ciri moden tu...dengan atap nipah...tingkap gerigi kayu dan kalau dekat atas tingkap tu pon kalau kita boleh nampak ia dibina sebagai pengudaraan semulajadi...sebab dulu kampung, nak beli kipas pon mahai jadi guna yang semula jadi. Selain tu, rumah ni juga berlantaikan kayu dan kat depan pintu nak masuk ada disediakan tempayan beda basuh kaki dan kalau kita masuk ke dalam bahagian rumah pula...kita akan nampak pecahan-pecahan fungsi antaranya sudut dapur, sudut tetamu, sudut keluarga dan macam-macam lagi dan kalau ke bahagian belakang kita akan nampak tandas angkut...hat ni untuk yang berat-berat...kalau hat dalam lebih pada mandi. Melalui ciri-ciri seni bina yang ada dalam rumah ni pun cukup menjelaskan bahawa seni bina rumah Melayu dulu sangatlah mementingkan adab.*

(R3- KRKMM)

*Sebut pasai rumah kelahiran Mahathir Mohamad ni saya rasa semua tau yang ianya berkonsepkan rumah Melayu tradisional dengan memfokuskan elemen-elemen penting seperti adat, adab, kaum dan budaya masing-masing. Sebagai contoh, kalau rumah Melayu dulu jarang kita nak tengok tandas di dalam kan. Selain tu, seni bina bentuk rumah yang mana kalau rumah Melayu dulu mereka*

*akan membina rumah panggung di depan...kiranya kalau jiran-jiran nak mai bertandang akan nampak rumah panggung dulu seterusnya dapur...tiang rumah yang bersifat tinggi...dan di rumah kelahiran Tun M ni sendiri kita boleh tengok dapur yang digunakan adalah dapur arang dan di bahagian dapur juga akan ada satu bahagian yang mana lantainya dibina sedikit jarang bagi tujuan basuh tangan, basuh pinggan dan sebagainyalah. Selain itu, rumah kelahiran Mahathir Mohamad turut ada tiang seri...yang mana kalau rumah-rumah lama dulu mesti kena ada tiang seri sebagai struktur utama rumah.*

(R4- KRKMM)

Menurut A. Ghafar (2010), bangunan bersejarah mempunyai nilai estetik seni binanya sendiri dalam menonjolkan warisan seni bina sesebuah negara dan tempat. Secara keseluruhannya, setiap responden sedia maklum bahawa galeri rumah ini bercirikan rumah tradisional Melayu pada zaman dahulu yang mampu mengembalikan kembali nostalgia rumah Melayu lama.

#### **4.3.4 Kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum bergelar Perdana Menteri.**

Analisis daripada sub tema ini merangkumi ulasan terperinci mengenai bukti kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum bergelar Perdana Menteri. Data daripada hasil temubual bersama responden berkaitan tema ini adalah seperti berikut:

*Di rumah inilah beliau dibesarkan sehingga beliau berkahwin sebelum berpindah ke rumah sendiri di kawasan Titi Gajah. Tidak dinafikan rumah ini menjadi salah satu bukti kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri. Kerana itu kalau kita menjelak kaki ke rumah kelahiran ini kita akan disajikan dengan beberapa galeri yang mana galeri-galeri tersebut dibina atas tujuan berkongsi cerita peribadi hidupnya dari bermulanya di bahagian ruang tamu rumah hingga ke beberapa barang tinggalan yang dipakai Tun Dr Mahathir Mohamad dari beliau kecil hingga besar.*

(R1- PLAN)

*Ok asalnya rumah...dan dijadikan kepada galeri adalah sebenarnya kerja-kerja untuk baikpulih rumah ini adalah atas cadangan Lembaga Muzium Negeri Kedah. Di dalam mesyuarat Lembaga Muzium Negeri Kedah yang bertarikh 21 ogos 1990, Lembaga sendiri mencadangkan kepada Arkib negara Malaysia untuk memelihara rumah ni di bawah projek arkib Perdana Menteri. Rumah ini diminta oleh Lembaga Muzium Negeri Kedah adalah kerana rumah ni adalah tempat beliau dibesarkan yang mempunyai banyak kenangan beliau dengan keluargalah...dari beliau dilahirkan sehingga beliau dewasa, berkahwin dan berpindah.*

(R2- ANM/ARKIB)

*Ok seperti yang kita tau, rumah ni mempunyai kepentingannya tersendiri antaranya sebagai bukti kehidupan beliau yang banyak dan ada di antara kita yang taktau sejarah sebelum beliau bergelar Perdana Menteri antaranya pendidikan beliau...pengajian beliau, jadi dengan adanya rumah kelahiran ni sedikit sebanyak dapat menceritakan kisah beliau.*

(R3- KRKMM)

*Dekat rumah bumbung lima kita memaparkan berkaitan Pendidikan beliau dari peringkat sekolah, universiti dan sehingga menjadi doktorlah dan contohnya kalau dekat rumah ni ada peralatan beliau dalam bidang kedoktoran, sijil kursus latihan dan banyak lagi la dan makanan kegemaran beliau contoh yang ada dekat sini kuih karas, kuih loyang, halwa dan macam-macam lagi laa.*

(R4- KRKMM)

Secara keseluruhannya, kesemua responden berpendapat dan bersetuju bahawa galeri rumah ini merupakan sebahagian daripada bukti kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum bergelar Perdana Menteri.

#### **4.4 FAKTOR PERUBAHAN FUNGSI DARI RUMAH KE GALERI.**

Analisis bagi tema kedua pula diperolehi daripada empat pecahan sub tema iaitu bukti kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad bersama keluarga, bukti sumbangan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri, keunikan seni bina galeri dan sub tema yang terakhir iaitu sumber pelancongan warisan sejarah dan pendidikan. Data daripada hasil temubual bersama responden berkaitan tema ini adalah seperti berikut:

#### **4.4.1      Bukti kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad bersama keluarga.**

Data hasil analisis daripada sub tema ini merangkumi ulasan terperinci daripada responden. Majoriti responden berpendapat dan mengatakan bahawa galeri rumah kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan bukti kehidupan beliau bersama keluarga:

*Faktor yang dimiliki rumah ini seperti yang kita semua tau salah satunya bukti kehidupan beliau dengan keluarganya dari kecil sampailah ke besar...aktiviti apa yang beliau suka lakukan dengan keluarga dan macam-macam lagi.*

(R1- PLAN)

*Seperti yang dikatakan tadi, untuk pengetahuan Syazana, rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini mempunyai banyak kisah, kenangan dan sejarah yang kita sendiri tak tau. Antaranya salah satunya adalah salah silah keluarga beliau, gambar keluarga beliau, bibliografi dan lain-lain lagi. Secara ringkasnya kalau Lemabaga Muzium Negeri Kedah tidak menyatakan hasrat untuk membaik pulih dan merubah fungsi daripada rumah kepada galeri, mungkin sampai sekarang kita tak dapat nak merekod dan menyimpan barang-barang peribadi beliau, perkakasan dalam rumah dan gambar sebagai tontonan umum.*

(R2- ANM/ARKIB)

*Dekat sini turut mempamerkan pelbagai barang dan fakta sejarah dan gambar-gambar, barang-barangan lama yang digunakan oleh Tun Dr Mahathir dari beliau kecil sehingga meningkat dewasa sebagai contoh botol susu yang digunakan beliau, pelita minyak tanah yang mana beliau dan adik beradiknya guna sewaktu membaca buku di tengah malam, lanca yang digunakan beliau dan adik beradik untuk ke sekolah, bilik tidur ibubapa beliau dan beberapa lagi la barang dan perkakasan yang menjadi tempat mereka sekeluarga jalankan aktiviti harian.*

(R3- KRKMM)

*Dekat sini kita masih memelihara ruang-ruang sudut rumah, perkakasan ruang tamu, dapur...semua tu masih dipelihara supaya kita dapat tunjuk, dapat 'share' kehidupan beliau dari kecil, jadi pelajar, masuk universiti selain dapat berkongsi ruang-ruang yang selalu digunakan beliau dan keluarganya setiap hari.*

(R4- KRKMM)

Daripada hasil temubual ke atas keempat-empat responden berpendapat dan menyokong bahawa perubahan fungsi yang berlaku ke atas rumah ini merupakan salah satu cara untuk menjaga bukti kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad bersama keluarga yang jarang dipertontonkan kepada umum.

#### **4.4.2 Bukti sumbangan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.**

Hasil analisis daripada sub tema ini merangkumi ulasan mengenai bukti sumbangan beliau sebagai perdana Menteri. Majoriti responden memberikan jawapan yang hampir kurang sama. Kenyataan ini seperti yang dijelaskan oleh responden berikut:

*Selain itu, untuk pengetahuan Cik, rumah ini juga sebagai bukti sumbangan beliau semasa menjadi Perdana Menteri. Sejarah beliau ini boleh dilihat di Rumah Bujang yang memaparkan koleksi-koleksi beliau sejak kali pertama terlibat dalam dunia politik dari ahli UMNO, Parlimen, Menteri cabinet dan Perdana Menteri.*

(R1- PLAN)

*Seperti yang Syazana tau, kita sedia maklum bahawa Tun Dr Mahathir Mohamad ini merupakan Perdana Menteri yang mempunyai pengaruh yang sangat besar di mana semasa pentadbiran Tun Mahathir Mohamad, beliau berjaya membawa pembangunan dan juga banyak menjadikan negara Malaysia ni terkenal melalui dasar-dasar dan perancangan yang baik sehingga Malaysia menjadi salah satu negara yang maju dan menjadi tanggungjawab Arkib Negara juga untuk mengekalkan rumah kelahiran ni untuk tatapan umum.*

(R2- ANM/ARKIB)

*Pengaruh dan sumbangan beliau selama bergelar Perdana Menteri yang membuatkan terwujudnya idea untuk merubah rumah kepada galeri sebagai contoh Arkib mewujudkan Rumah Bujang bagi menyimpan koleksi-koleksi beliau sepanjang beliau bergelar ahli politik dari sebelum bergelar Perdana Menteri sampai jadi Perdana Menteri.*

(R3- KRKMM)

*Ok..bukan tu saja, Arkib turut membangunkan bangunan baru antaranya adalah Rumah Bujang yang memaparkan koleksi-koleksi beliau sepanjang*

*beliau terlibat dengan politik dari ahli UMNO, Parlimen, Menteri cabinet dan Perdana Menteri memandangkan sumbangan beliau pada negara boleh dikatakan memberi impak yang hebat..kat pameran ni juga kita turut paparkan baju beliau, hobi, aktiviti rekreatif dan kalau pakaian pula yang jenis ‘bush jacket’ dan fesyen ala ‘cowboy’ yang mana beliau gemar pakai sepanjang bergelar Perdana Menteri dan dekat rumah ni juga kita turut paparkan penulisan-penulisan beliau serta buku-buku yang dikeluarkan beliau mengenai pengalaman beliau sepanjang menjadi ahli politik.*

(R4- KRKMM)

Galeri rumah ini bukan hanya bukti kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad sahaja namun ia juga berkaitan sumbangan yang disumbang oleh beliau sepanjang bergelar Perdana Menteri. Hal ini disokong oleh keempat-empat responden yang ditemubual.

#### **4.4.3 Keunikan seni bina galeri.**

Analisis daripada sub tema ini merangkumi ulasan daripada responden. Majoriti responden berpendapat dan mengatakan bahawa galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad perlulah dipelihara seni binanya:

*Seterusnya, seni bina rumah kelahiran Mahathir Mohamad merupakan faktor kenapa perlu dipelihara rumah ini. Seni bina rumah Melayu tradisional yang kini jarang kita lihat di rumah-rumah lama. Keunikan yang ada pada rumah-rumah lama ni tak boleh kita samakan dengan rumah-rumah sekarang yang sedia ada walaupun rumah yang sedia ada sekarang ni masih di kawasan pedalaman.*

(R1- PLAN)

*Ok...faktor yang lain juga adalah seperti seni bina rumah tu sendirilah...yang mana kalau kita tengok dengan rumah papan yang beratap nipah...sistem pengudaran, beranda di depan dan juga ruang kosong di bawah.. Ok...tujuan ruang kosong dibawah adalah seperti yang kita tau adalah untuk rumah-rumah kampung untuk mengelakkan daripada haiwan-haiwan berbisa dan untuk mengelak banjir...jadi melalui idea-idea yang dipersembahkan dalam seni bina rumah ni menunjukkan rumah zaman dulu bukanlah dibina sekadar untuk berteduh saja tapi juga dibina disebabkan kepentingan-kepentingan seperti yang dijelaskan tadi.*

*Jarang kalau kita nak tengok rumah kampung lama-lama yang masih mengekalkan keunikan rumah tersebut...mesti akan ada bahagian-bahagian yang telah dimodenkan. Jadi sebabkan tulah rumah ni dipilih untuk dijaga dan ditukar fungsinya saja supaya kepentingan seni binanya ini tidak hilang ditelan zaman.*

(R3- KRKMM)

*Seterusnya yang menjadi faktor kenapa rumah ni ditukar fungsinya saja adalah kerana pihak Arkib sendiri nak menjaga kepentingan rumah ni...sebab kita sendiri tau.rumah kelahiran Mahathir Mohamad ni merupakan rumah yang dibina dengan elemen-elemen kemelayuan sebagai contoh penggunaan tiang seri, kekisi tertingkap, rumah yang tinggi yang mana kesemua elemen ini hanya terdapat di rumah-rumah lama susah kalau kita nak tengok rumah-rumah lama yang masih kekal terjaga kepentingannya.*

(R4- KRKMM)

Menurut Powell (1994), bangunan warisan adalah unik dan mempunyai kelebihan dari segi seni bina. Reka bentuk dan gaya seni bina ini boleh dilihat pada beberapa elemen bangunan lama seperti ruang dinding, menara, tingkap, pintu, tiang dan ruang dalaman. Malah, beberapa elemen yang terdapat dalam bangunan ini telah dipinjam dan diubah suai oleh arkitek moden Malaysia yang menggunakan elemen dan reka bentuk yang boleh dilihat pada kebanyakan bangunan moden hari ini. Perkara yang sama juga disokong oleh kesemua responden yang mengatakan seni bina rumah tradisional sangat mementingkan elemen-elemen kemelayuan. Hal ini jelas dapat dilihat melalui penggunaan tiang tinggi, kekisi tertingkap, bumbung beratap nipah dan banyak lagi seperti yang dinyatakan oleh responden.

#### **4.4.4 Sumber pelancongan warisan sejarah dan pendidikan.**

Dalam sub tema ini menerangkan rumah kelahiran Mahathir Mohamad sebagai salah satu sumber pelancongan warisan sejarah dan pendidikan di Kedah. Hasil

temu bual antara respon, rata-ratanya memberikan jawapan hampir kurang sama.

Kenyataanya adalah seperti berikut:

*Jadi tidak hairanlah kalau misalnya perubahan yang berlaku ke atas rumah kelahiran ni dengan info-info yang tepat menjadi faktor kepada pelancongan warisan di Kedah.*

(R1- PLAN)

*Bukan sahaja sebagai pusat tempat kajian oleh pelajar-pelajar sekolah juga pelajar-pelajar Univeriti malah ia juga sebagai pusat perlancongan di negeri Kedah bukan setakat pelancong dalam negara malah luar negara turut datang. Jadi sebab tu kita ubahkan rumah ni dari sebuah rumah keluarga menjadikan ianya sebuah galeri dan juga tempat pelancongan dan dalam masa yang sama pendidikan di negeri Kedah.*

(R2- ANM/ARKIB)

*Perubahan-perubahan yang berlaku di rumah kelahiran Mahathir Mohamad telah membuka peluang dalam pelancongan di Kedah bagi pengunjung di dalam Kedah mahupun di luar dari Kedah.*

(R3- KRKMM)

*Seterusnya, proses perubahan fungsi di rumah ini juga bukan saja sebagai tempat pelancongan malah ia juga sebagai tempat Pendidikan, penyelidikan dan sebagainya. Sebab ada yang mai sini terutamanya pelajar-pelajar dari bidang arkitek, mai untuk buat penyelidikan dan ada juga pelajar-pelajar STPM, SPM dan Universiti.*

(R4- KRKMM)

Perkembangan pendidikan dan pelancongan sebagai industri telah memberi impak positif kepada aspek ekonomi dan sosial abad ini (Ritchie, 2006). Sehingga kini, pelancongan pendidikan telah mencapai beberapa kejayaan dalam industri pelancongan.

Pelancongan Pendidikan merupakan sub-industri pelancongan berdasarkan program latihan dan pendidikan yang memfokuskan kepada kursus kemahiran,

lawatan sambil belajar dan program pendidikan dan sebagainya. Hal ini turut diyakini oleh kesemua responden yang berpendapat bahawa galeri rumah ini bukan sahaja sebagai tempat pelancongan malah ia juga sebagai tempat pelancongan pendidikan.

#### **4.5 PROSES PERUBAHAN FUNGSI RUMAH KELAHIRAN MAHATHIR MOHAMAD KEPADA GALERI.**

Analisis bagi tema ketiga ini diperolehi daripada sub tema iaitu perancangan dan penambahbaikan ke atas galeri rumah Mahathir Mohamad. Data daripada hasil temubual bersama responden berkaitan tema ini adalah seperti disediakan:

##### **4.5.1 Perancangan dan penambahbaikan ke atas galeri rumah Mahathir Mohamad.**

Hasil analisis daripada sub tema ini merangkumi ulasan perancangan dan penambahbaikan ke atas galeri yang berlaku sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 90-an, 2000 dan 2017. Majoriti responden memberikan jawapan yang hampir kurang sama. Kenyataan ini seperti yang dijelaskan oleh responden seperti di bawah:

*Projek membaikpulih rumah ini adalah atas cadangan pihak Lembaga Muzium Negeri Kedah, yang mana mencadangkan pihak Arkib Negara untuk mengambil alih dan memelihara rumah. Pada tahun 1990 Lembaga mendapat kebenaran bertulis dari pihak saudara dan Tun Mahathir sendiri untuk dibaikpulih rumah ni dan pada tahun 1993 secara rasminya rumah ni dibawah Arkib Negara. Untuk pengetahuan Cik, rumah kelahiran Mahathir Mohamad ni telah melalui tiga fasa proses perubahan antara salah satunya pada tahun 2000 pihak Arkib mencadangkan dan membina bangunan-bangunan baru seperti bangunan 1 dan bangunan 2, cafeteria, surau, tempat letak kereta dan macam-macam lagi dan untuk makluman Cik juga pada tahun 2000 proses membaikpulih menelan kos sebanyak 5.3 juta dan pada 2017 dengan projek*

*penaiktarafan yang melibatkan susun atur ruang pameran dan pembesarananya yang mengambil masa setahun menelan kos sebanyak RM1.8 juta.*

(R1- PLAN)

*Ok..proses yang kita buat ni kita ada tiga kali la yang pertama sekali pada tahun 1992 iaitu masa mula-mula sekali Arkib Negara Malaysia mengambil alih rumah ini bagi tujuan membaikpulih dan pemeliharaan..tu yang pertama dan yang kali kedua, usaha untuk memelihara rumah ni diteruskan pada tahun 2000 dengan kos sebanyak 5.3 juta dan pada waktu ini tanah-tanah di sekeliling rumah ni..contohnya rumah putih ni kalau dekat sini dipanggil juga sebagai rumah putih..jadi Arkib negara beli tanah penduduk sekeliling rumah tersebut dan bagi pampasan dekat mereka dan Arkib juga turut beli kilang ais di depan kompleks ni dan setelah dibeli pihak Arkib membina beberapa ruang tambahan dan membaikpulih kilang ais dan juga rumah kelahiran la contohnya membaikpulih dinding rumah, atap nipah, bina cafeteria, surau dan banyak lagi la..*

(R2- ANM/ARKIB)

*Ok..rumah Mahathir Mohamad ni pernah melalui proses perubahan fungsi dalam membaikpulih rumah ni. Antaranya pada tahun 1990 yang mana tahun ni memang proses perubahan untuk menukar rumah kepada galeri dan proses-proses yang lain tu lebih kepada penambahbaikan yang mana proses yang lain tu dijalankan pada tahun 2000 dan 2017.*

(R3- KRKMM)

*Sepanjang saya berkhidmat dekat sini, lebih dari sekali rumah Mahathir Mohamad ni melalui proses perubahan antara tahun 1990..tahun 2000 dan 2017 tak silap saya yang mana berlaku proses pembesaran kompleks la dari segi ruang-ruang tambahan seperti auditorium, tandas-tandas awam, surau, wakaf, tempat letak kenderaan dan galeri. Semua ni dilakukan bagi orang kata apa bagi lagi nampak kompleks ni lebih teratur dan tersusun.*

(R4- KRKMM)

Pemuliharaan bangunan warisan ini penting untuk mengekalkan bentuk asalnya dan secara tidak langsung memahami perkembangan dan teknologi masa lalu. Tanpa usaha pemuliharaan yang berterusan, terdapat keimbangan bahawa bangunan warisan ini akan terus lenyap dari masa ke masa (Hobson, 2004; Ashurst, 2006). Penyelenggaraan merupakan faktor utama dan penting dalam memastikan jangka hayat sesebuah bangunan. Usaha mesti dilakukan untuk mengoptimumkan penggunaan serta

fungsi bangunan, terutamanya apabila melibatkan bangunan lama. Hal ini turut dibuktikan daripada penjelasan kesemua responden yang ditemubual.

#### **4.6 SUMBANGAN YANG DIBERIKAN RUMAH INI TERHADAP SEKTOR PELANCONGAN WARISAN DI KEDAH**

Data analisis bagi tema yang terakhir ini diperolehi daripada empat pecahan sub tema iaitu bukti peninggalan sejarah kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad, reka bentuk rumah Melayu, langkah menarik minat dalam generasi muda dalam memelihara warisan negara dan sub tema yang terakhir kepentingan dalam sektor pelancongan di Kedah. Data daripada hasil temubual bersama keempat-empat responden adalah seperti di bawah:

##### **4.6.1      *Bukti peninggalan sejarah kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad.***

Hasil analisis daripada sub tema ini merangkumi ulasan daripada responden. Majoriti responden berpendapat dan mengatakan bahawa galeri rumah kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad bukti peninggalan sejarah.

*Selaku Perdana Menteri yang keempat dan ketujuh, masyarakat semestinya mempunyai minat yang mendalam untuk mengetahui tentang kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad terutamanya ketika zaman dahulu. Secara tak langsung ia membantu dari segi pertumbuhan ekonomi negeri Kedah dan dapat membantu menambah bilangan pelancong yang datang melawat negeri Kedah sebagai salah satu destinasi pelancongan mereka dan bukan tu saja, Kerajaan Pusat dengan kerjasama Kerajaan Kedah akan terus memperkasakan kompleks ni sebagai destinasi pelancongan utama kerana ia mempunyai kaitan dengan nilai sejarah seorang negarawan terbilang.*

(R1- PLAN)

*Rumah kelahiran Mahathir Mohamad merupakan salah satu bangunan bersejarah negeri Kedah yang menempatkan segala koleksi barang yang telah digunakan oleh Tun Dr Mahathir Muhamad pada ketika dahulu, jadi kalau Syazana pernah datang sini dan akan datang sini, jadi bila Syazana naik atas rumah tu Syazana boleh tengok ada gambar Tun, bibliografi keluarga, keluarga, adik beradik, isteri anak-anak dan macam-macam lagi la bermula daripada ruang tamu sehingga ke dapur dan bukan sekadar atas rumah saja malahan bawah rumah juga kita sediakan juga kapsyen mengenai basikal, lensung dan macam-macam lagi la.*

(R2- ANM/ARKIB)

*Pada pandangan saya, sejarah zaman kanak-kanak Tun Dr Mahathir Muhamad merupakan salah satu faktor yang memberikan sumbangan dalam sektor pelancongan di Kedah dengan membantu menarik pengunjung yang labih ramai untuk mengetahui lebih lanjut tentang zaman dulu yang dilalui oleh Dr Mahathir Mohamad sendiri jadi kita tak payah nak ‘google’ dah nak tau berkaitan Dr Mahathir Mohamad ni.*

(R3- KRKMM)

*Bagi individu yang meminati warisan sejarah semestinya teruja untuk melihat segala koleksi barang yang dijaga dan disimpan rapi sehingga kini tambah-tambah rumah keluarga salasilah bekas perdana Menteri yang masih kukuh sampai lani. Maka secara tidak langsung ia telah menunjukkan sumbangannya dari segi sejarah keluarga Mahathir Mohamad yang harus dijaga dan dipelihara bagi tujuan pendedahan dan kenangan.*

(R4- KRKMM)

Menurut Powell (1994), pemeliharaan bangunan dan kawasan bersejarah akan dapat dijadikan sebagai bukti sejarah. Kesemua ini mempunyai nilai yang terikat dengan budaya hidup penghuni, atau secara tidak langsung membentuk persekitaran bandar yang bermakna dari segi fungsi fizikal dan kepentingan budaya masyarakat. Keseluruhannya, responden berpendapat bahwa bukti peninggalan sejarah kehidupan beliau yang mana tidak banyak info tentang sejarah kehidupan beliau yang diceritakan kepada umum merupakan sumbangan yang diberikan galeri rumah ini kepada masyarakat.

#### **4.6.2      Reka bentuk rumah Melayu**

Hasil analisis daripada sub tema ini merangkumi ulasan mengenai sumbangan beliau sebagai perdana Menteri. Majoriti responden memberikan jawapan yang hampir kurang sama. Kenyataan ini seperti yang dijelaskan oleh responden berikut:

*Seterusnya sumbangan yang diberikan rumah ni ke sektor pelancongan warisan di Kedah juga adalah seperti salah satunya seni bina. Seni bina reka bentuk rumah ini dilihat daripada struktur rumah itu sendiri. Faktor-faktor seperti ni yang perlu kita jaga agar kawasan...struktur rumah tidak hilang ditelan zaman dan terus menjadi batu lonjatan dalam memperkenalkan terus reka bentuk ni tak kira la untuk pelancong dalam ataupun luar negara.*

(R1- PLAN)

*Lagi kalau dari segi sumbangan untuk pelancongan warisan selain daripada koleksi-koleksi beliau, dari segi reka bentuk rumah tu sendiri dah memberi sedikit sebanyak sumbangan dalam sektor pelancongan, sebab macam yang saya kata tadi zaman sekarang susah nak tengok rumah-rumah lama yang 100% daripada kayu dengan ada elemen-elemen kemelayuan tu jarang..jadi kesemua ni perlu perlu dijaga dan dipelihara supaya identiti Melayu itu sendiri tidak hilang dan dapat ditunjukkan kepada pelancong-pelancong luar.*

(R2- ANM/ARKIB)

*Rumah kelahiran Mahathir ni boleh dikatakan turut ajar kita nilai-nilai Melayu dan kepandaian orang dulu dari segi rekaan dia. Kepandaian depa dalam ukir mengukir corak-corak bunga di kayu, buat lubang supaya tak dak la nampak ‘boring’ kayu tu kosong pon kan...jadi sebabkan tu juga kita pelihara jaga rumah ni supaya nanti kalau pengunjung mai depa dapat tengok sendiri reka bentuk ukiran rumah Melayu.*

(R3- KRKMM)

*Pada pandangan pelancong luar, reka bentuk rumah warisan Melayu sentiasa menggamit pandangan mereka. Kebanyakan mereka mencari keunikan budaya dan seni Melayu terutamanya rumah kampung yang kaya dengan seni ukiran kayu yang orang kata apa cantik dan serasi dengan gaya hidup waktu tu dan alam sekitar.*

(R4- KRKMM)

Menurut Mohamed Anwar Omar Din dan Zulayti Zakaria (2011), pelancongan budaya merujuk kepada aktiviti yang berkait rapat dengan aspek warisan, tradisi, warisan kuno dan cara hidup masyarakat hari ini, ditawarkan sebagai produk pasaran pelancongan. Warisan sejarah seperti bangunan dan tapak merupakan salah satu faktor penting dalam pembentukan produk pelancongan sesebuah negara. Pelancongan budaya dan warisan merupakan salah satu tarikan yang dikunjungi oleh pelancong di sesesuatu kawasan. Dapat dilihat daripada penjelasan kesemua yang ditemui bual bahawa reka bentuk galeri rumah ini merupakan lambang Kemelayuan yang menyumbang kepada sektor pelancongan di Kedah.

#### **4.6.3 Langkah menarik minat dalam generasi muda dalam memelihara warisan negara.**

Dalam sub tema ini, responden didapati mempunyai tanggapan yang hampir sama antara satu sama lain. Kenyataan ini dapat dilihat dalam petikan temu bual di bawah:

*Klau dari segi sumbangan rumah ni antaranya juga catatan dan gambar-gambar yang menceritakan tentang sejarah keempat-empat bekas Perdana Menteri Malaysia sejak Tunku Abdul Rahman lagi dan pada 2018 kompleks ini ditutup sementara la untuk kerja-kerja baik pulih dan naik taraf dengan teknologi baharu berbentuk animasi hologram serta tiga dimensi (3D) bagi menarik lebih ramai pengunjung yang mahu mendapatkan maklumat dan gambaran awal Tun Dr Mahathir yang dilahirkan dan dibesarkan di sini terutamanya generasi-generasi muda sekarang ni.*

(R1- PLAN)

*Seperti yang kita tau tadi rumah ni merupakan rumah tradisional Melayu jadi bila pelancong datang sini terutama sekali budak-budak mudalah yang luar daripada Kedah mereka akan rasa macam depa balik kampung balik rumah nenek-nenek mereka kadang ada yang lama dah tak balik kampung...ada yang ada kampung pun dah bersifat moden takdak dah yang macam ni sebab semua dah buat rumah batu jadi bila depa mai sini depa akan teringat balik la rumah kampung-kampung dulu.*

(R2- ANM/ARKIB)

*Kalau dari pelancong banyak juga VIP yang datang sini contohnya bulan 10 haritu Dato Seri Mukriz mai tengok kemudian bulan 11 haritu Tun Mahathir sendiri datang turun tengok rumah dia, jadi selepas daripada Tun Mahathir mai tu lebih ramai pelawat yang datang ke sini untuk tengok sendiri rumah Mahathir Mohamad ni sebab budak-budak muda lani depa lebih suka pi tempat-tempat hat viral-viral...bila viral baru depa mai.*

(R3- KRKMM)

*Kita juga mendapat bantuan daripada Arkib negara Malaysia di bawah seksyen pameran dan Arkib Pendidikan di mana seksyen pameran ini bertanggungjawab untuk menyediakan maklumat dan juga tema, poster-poster di rumah kelahiran, maklumat-maklumat yang dikumpulkan dengan gambar-gambar dan kemudian kami akan buat kapsyenlah dalam rumah kelahiran ni jadi senang untuk generasi-generasi muda ni senang baca dan senang faham kalau mai dekat sini.*

(R4- KRKMM)

Bangunan warisan adalah aset milik kerajaan dan mesti diwarisi dari generasi ke generasi. Dengan kemunculan bangunan warisan ini, generasi muda akan lebih menghargai dan peka terhadap perkembangan sejarah negara. Ini telah mewujudkan masyarakat yang sensitif terhadap sebarang perobohan dan pemusnahan bangunan dan monumen bersejarah. Secara keseluruhannya, setiap responden berpendapat bahawa sumbangan yang diberikan galeri rumah ini dapat menarik minat generasi muda dalam memelihara warisan negara.

#### **4.6.4 Kepentingan dalam sektor pelancongan di Kedah.**

Dalam sub tema yang terakhir ini, responden didapati mempunyai pandangan yang berbeza antara satu sama lain. Setiap responden mempunyai tanggapan yang berbeza bagi menjelaskan kepentingannya. Kenyataan ini dapat dilihat dalam petikan temu bual di bawah:

*Seperti yang Cik tau, keperibadian Tun Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa disegani dan dihormati oleh masyarakat tidak dinafikan telah memberikan banyak sumbangan terhadap sektor pelancongan warisan di Kedah baik dari segi pengunjung la di mana yang mai ke rumah ataupun kompleks ni bukan saja dari dalam Kedah tapi juga dari Brunei, Thailand dan banyak lagi.*

(R1- PLAN)

*Kalau ikutkan sebelum ni rumah kelahiran ni, rakyat kedah sendiri pon tak ‘aware’ tak tau pon mengenai rumah ni dan juga walaupun masuk percuma tetapi kurang mendapat sambutan kan sebab tak tau tapi setelah dibuat naik taraf dan diadakan majlis pembukaan semula dan kami juga menjemput penduduk di sekitar Alor Setar jadi waktu itulah rakyat di negeri Kedah ni tau mengenai rumah kelahiran Mahathir Mohamad yang merupakan salah satu kawasan pelancongan di Alor Setar bila mendapat liputan yang meluas jadi orang tau dan makanya ramai la yang datang bukan saja pelancong dalam negara malah luar negara juga turut sama datang dalam masa yang sama kita juga dapat memperkenalkan lagi la ‘Negeri Jelapang Padi’ ni.*

(R2- ANM/ARKIB)

*Dengan sumbangan yang diberikan rumah ni, ia juga mampu membuka peluang dan menyasarkan sektor-sektor pelancongan yang lain yang ada di Kedah.*

(R3- KRKMM)

*Kadang dengan sumbangan-sumbangan ni dapat memberi dan menarik lebih banyak pengunjung ke destinasi pelancongan yang lain dalam menjana ekonomi di negeri Kedah.*

(R4- KRKMM)

Salah satu kepentingan pelancongan ialah pertumbuhan ekonomi yang meningkat berikutan kemasukan pelancong dari seluruh dunia. Sesebuah destinasi pelancongan mesti menyediakan persekitaran yang stabil untuk menarik pelancong dengan membina infrastruktur perkhidmatan yang cekap. Sebagai contoh, menurut Murphy et al. (2000) menegaskan bahawa pengalaman pelancong sesuatu destinasi dipengaruhi oleh dua elemen destinasi iaitu infrastruktur perkhidmatan dan persekitaran destinasi yang menarik. Hal ini dapat dilihat daripada jawapan yang diberikan oleh setiap responden yang menjelaskan kepentingan galeri rumah ini

dalam sektor pelancongan di Kedah walaupun sesetengahnya mempunyai cara penjelasan yang berbeza dalam memberi penjelasan namun kesemua jawapan yang diberikan oleh responden bersifat positif dan menjawab.

## 4.7 ANALISIS DAPATAN SOAL SELIDIK RESPONDEN

Analisis ini merangkumi tiga bahagian iaitu bahagian demografi, pengetahuan tentang latar belakang sejarah pembinaan galeri Mahathir Mohamad dan sumbangan rumah kelahiran Mahathir Mohamad yang telah disuaiguna semula untuk pelancongan warisan di Kedah.

### 4.7.1 Demografi Responden

Seperti yang telah diperjelaskan pada awal bab ini, seramai 200 orang responden yang dipilih secara rawak sebagai sampel kajian bagi meneroka latar belakang sejarah pembinaan galeri Mahathir Mohamad dan melihat sejauhmanakah sumbangan rumah kelahiran Mahathir Mohamad yang telah disuaiguna semula kepada pelancongan warisan di Kedah. Bahagian A merangkumi soalan berkaitan latar belakang atau data demografi responden seperti ialah jantina, umur, bangsa, status, pekerjaan, negeri asal responden dan kekerapan dalam melancong yang dipersembahkan dalam bentuk jadual seperti jadual 4.1 berikut:

Jadual 4.1: Demografi Responden

	KATEGORI	KEKERAPAN (n)	PERATUSAN (%)
<b>Jantina</b>	Lelaki	90	45%
	Perempuan	110	55%

<b>Umur</b>	18 tahun -21 tahun 22 tahun -25 tahun 26 tahun -29 tahun 30 tahun -34 tahun 35 dan ke atas	40 60 30 32 38	20% 30% 15% 16% 19%
<b>Bangsa</b>	Melayu India Cina	132 30 38	66% 15% 19%
<b>Status</b>	Bujang Berkahwin Lain-lain	95 86 19	47.5% 43% 9.5%
<b>Pekerjaan</b>	Pelajar Sendiri Kerajaan Swasta Tidak bekerja	102 62 12 16 8	51% 31% 6% 8% 4%
<b>Negeri asal tempat tinggal responden</b>	Kedah Perlis Pulau pinang Perak Kelantan Melaka Selangor Negeri Sembilan Pahang Johor Sabah Sarawak	94 26 10 6 20 	47% 13% 5% 3% 10% 3% 11% 1.5% 1.5% 3.5% 1.5% 0%
<b>Kekerapan dalam melancong</b>	Jarang Kadang-Kadang Kerap	88 66 46	44% 33% 23%

(N= Kekerapan, % = Peratus)

Sumber: Kajian Lapangan 2021

Berdasarkan jadual 4.1, analisis kajian terhadap demografi responden menunjukkan seramai 90 orang responden (45%) adalah terdiri daripada responden lelaki, manakala seramai 110 orang responden (55%) adalah perempuan. Selain itu, kebanyakan responden kajian berumur 35 tahun ke atas iaitu seramai 38 orang (19%) diikuti dengan responden berumur antara 30 tahun – 34 tahun iaitu seramai 32 orang (16%). Bagi responden yang berumur 26 tahun – 29 tahun iaitu seramai

30 orang dengan jumlah peratusan sebanyak 15%. Untuk responden yang berumur 22 tahun-25 tahun dengan jumlah peratusan sebanyak 30% dengan jumlah seramai 60 orang manakala bagi responden berumur 18 tahun – 21 tahun adalah seramai 40 orang bersamaan 20% sahaja.

Selain itu, demografi responden juga menunjukkan terdapat tiga jenis bangsa yang dikenalpasti dalam kalangan responden. Majoriti responden dalam kajian ini antaranya ialah responden yang berbangsa Melayu iaitu seramai 132 orang responden dengan jumlah peratusan sebanyak 66% manakala responden dari bangsa India hanya seramai 30 orang responden (15%) dan dari bangsa Cina pula iaitu seramai 38 orang responden (19%).

Bagi status responden pula, terdapat tiga jenis status yang dikenalpasti antaranya responden yang berstatus bujang iaitu seramai 95 orang responden (47.5%) manakala untuk yang berstatus berkahwin pula seramai 86 orang (43%) dan bagi status lain-lain pula sebanyak 19 orang responden dengan jumlah peratusan sebanyak (9.5%). Seterusnya, dari segi bidang pekerjaan pula, banyak dikuasai oleh pelajar dengan jumlah seramai 102 orang (51%) dan diikuti oleh responden yang bekerja sendiri iaitu seramai 62 orang dengan jumlah peratusan sebanyak 31% peratus manakala sektor kerajaan pula seramai 12 orang (6%) diikuti dengan sektor swasta iaitu sebanyak 16 orang dengan jumlah peratus sebanyak 8% dan diakhiri dengan tidak bekerja yang mencatat sebanyak 8 orang dengan jumlah peratusan (8%) sahaja.

Sehubungan dengan itu, kajian terhadap analisis demografi responden juga mendapati terdapat beberapa negeri asal tempat tinggal responden yang dapat dikenalpasti. Majoriti responden terdiri daripada Kedah iaitu seramai 94 orang

responden (47%), diikuti pula dengan negeri Perlis iaitu seramai 26 orang (13%), Selangor seramai 22 orang (11%), Kelantan seramai 20 orang (10%), Pulau Pinang seramai 10 orang (5%). Bagi ditangga keenam, negeri Johor seramai 7 orang dengan jumlah peratusan sebanyak (3.5%) diikuti dengan Perak dan Melaka yang mana masing-masing mencatatkan jumlah responden yang sama iaitu seramai 6 orang (3%). Bagi negeri Pahang, Sabah dan Negeri Sembilan masing-masing berkongsi jumlah responden yang sama iaitu seramai 3 orang dengan jumlah peratusan sebanyak 1.5% dan Sarawak menduduki tempat terakhir dengan jumlah 0 responden.

Seterusnya, jadual di atas juga menunjukkan kekerapan responden dalam melancong yang mana majoritinya jarang dalam melancong. Hal ini dapat dibuktikan dari hasil data demografi iaitu seramai 88 orang responden (44%) kekerapan mereka dalam melancong jarang disebabkan faktor kerja, masa dan wang ringgit manakala untuk seramai 66 orang responden (33%) yang memilih kadang-kadang melancong dan bagi responden yang memilih kerap melancong pula mencatatkan seramai 46 orang (23%) sahaja. Ini menunjukkan bahawa kategori responden adalah dari pelbagai sekaligus membenarkan tindak balas yang berbeza dari segi pengetahuan dan perspektif.

#### **4.7.2 Pengetahuan tentang latar belakang sejarah pembinaan galeri Mahathir Mohamad di Alor Setar Kedah.**

Pengetahuan tentang latar belakang sejarah pembinaan galeri Mahathir Mohamad dikalangan responden diperoleh daripada analisis soalan soal selidik bahagian B yang dipersembahkan dalam jadual 4.2 di bawah. Bahagian ini menghuraikan pengetahuan responden mengenai latar belakang sejarah pembinaan, lokasi dan seni

bina galeri Mahathir Mohamad dan soal selidik pada bahagian ini bertujuan untuk meneroka latar belakang sejarah pembinaan galeri Mahathir Mohamad.


Jadual 4.2: Pengetahuan tentang latar belakang sejarah pembinaan galeri Mahathir Mohamad di Alor Setar Kedah.

ITEM	YA		TIDAK	
	(n)	(%)	(n)	(%)
1. Adakah anda mengetahui tentang asal usul sejarah pembinaan galeri ini.	107	53.5	93	46.5
2. Pernahkah anda mengetahui lokasi letaknya galeri Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad.	101	50.5	99	49.5
3. Lokasi rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini terletak di Lorong Kilang Ais, Seberang Perak Alor Setar.	126	63	74	37
4. Rumah kelahiran Mahathir Mohamad dibina menggunakan atap nipah, tidak dicat dan mempunyai satu bilik dan serambi tidak bertangga.	104	52	96	48
5. Rumah kelahiran Mahathir Mohamad merupakan bukti peninggalan reka bentuk identiti rumah tradisional masyarakat Melayu.	166	83	34	17
6. Pada 2000, beberapa ruang tambahan telah ditambah bagi mempamerkan gambar-gambar dan artifak mengenai Tun Dr. Mahathir.	134	67	66	33
7. Galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad telah melalui proses suaiguna semula bagi mengekalkan kepentingan dan keunikannya.	190	95	10	5
8. Pembinaan galeri ini dibuat bagi menyelamatkan bangunan yang mempunyai nilai sejarah daripada ancaman kepupusan.	194	97	6	3
9. Galeri perlu dilawat untuk menanam semangat patriotism dalam diri.	188	94	12	6

Sumber: Kajian lapangan, 2021


Hasil tinjauan berkaitan item 1 iaitu *adakah saya mengetahui tentang asal usul sejarah pembinaan galeri* menunjukkan responden yang memilih jawapan ya adalah majoriti dalam kajian ini iaitu seramai 107 orang responden (53.5%)

berbanding jawapan tidak iaitu seramai 93 orang responden (46.5%). Hal ini menunjukkan bahawa 50% daripada jumlah responden mengetahui akan asal usul galeri rumah ini yang mana ia dibeli oleh bapa Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri iaitu Mohamad bin Iskandar manakala seramai 101 orang responden (50.5%) yang memilih ya dalam kenyataan item 2 iaitu *Pernahkah anda mengetahui lokasi letaknya galeri Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad* berbanding 99 orang responden (49.5%) memilih jawapan tidak. Majoriti responden memilih ya untuk pernyataan di atas adalah kerana lokasi kawasan ini terletak berhampiran lokasi yang menjadi laluan utama penduduk Kedah untuk ke kawasan pekan.



Gambar 4.1: Potret wajah Mohamad bin Iskandar bapa kepada Tun Dr Mahathir Mohamad

Sumber: Rumah kelahiran Mahathir Mohamad, 2021



Gambar 4.2: Lokasi galeri yang terletak di kawasan tumpuan

Sumber: Google Maps

Selain itu, kenyataan 3 iaitu *lokasi rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini terletak di Lorong Kilang Ais, Seberang Perak Alor Setar*, seramai 126 orang responden (63%) yang memilih Ya manakala yang memilih Tidak pula sebanyak 37% iaitu seramai 74 orang responden. Hal ini kerana, jalan kilang ais tersebut tidak ramai yang mengetahui disebabkan kilang ais tersebut sudah tidak beroperasi dan keadaan rumah kelahiran Mahathir Mohamad yang terletak sedikit dalam dan dilindung kilang ais di bahagian depan turut memberi kesukaran kepada orang ramai untuk mengenal pasti lokasinya yang sebenar.




Gambar 4.3: Bahagian depan Kilang Ais

Sumber: Rumah kelahiran Mahathir Mohamad, 2021

Bagi kenyataan 4 pula, seramai 104 orang (52%) yang memilih ya tentang kenyataan bahawa *rumah kelahiran Mahathir Mohamad dibina menggunakan atap nipah, tidak dicat dan mempunyai satu bilik dan serambi tidak bertangga* dan seramai 96 responden (48%) yang memilih tidak. Berdasarkan dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah, rumah kayu beratap nipah ini dibeli oleh bapa beliau iaitu Mohamad bin Iskandar daripada seorang penjual rumah ketika itu. Pada masa pembelian, rumah ini tidak dicat, hanya mempunyai satu bilik yang mempunyai serambi dan tidak mempunyai tangga di hadapan rumah.

Seterusnya, hasil analisis juga menemukan majoriti responden seramai 166 (83%) mengatakan ya kepada item 5 iaitu *rumah kelahiran Mahathir Mohamad merupakan bukti peninggalan reka bentuk identiti rumah tradisional masyarakat Melayu* manakala sebahagian lagi iaitu seramai 34 (17%) mengatakan tidak kepada item tersebut. Seni bina tradisional rumah Melayu mempunyai empat elemen utama yang membentuk rumah Melayu tradisional iaitu tangga, pengudaraan melalui reka bentuk tingkap, bumbung berbentuk vernakular serta rumah panggung yang menjelaskan keindahan seni bina dan reka bentuk Melayu yang sesuai dengan iklim dan gaya hidup masyarakat Melayu (Mhd Zaini, 2020). Hal ini dapat dilihat melalui reka bentuk laluan angin di atas tingkap mempunyai lubang angin yang dibina bagi tujuan pengudaraan, reka bentuk dua pintu masuk yang dibina bagi tujuan untuk membezakan laluan masuk lelaki dan perempuan yang mana lelaki di laluan bahagian depan dan perempuan di bahagian belakang, reka bentuk rumah tinggi yang dibina dengan beberapa tiang untuk mengelakkan binatang luas, liar dan faktor iklim seperti hujan yang boleh mengelakkan banjir, reka bentuk rumah panggung yang dibina seakan balai dan lebih tinggi daripada yang lain bagi tujuan majlis kekeluargaan seperti majlis perpinangan antara pengantin serta untuk mengelakkan

banjir dan binatang buas. Reka bentuk tiang seri juga turut dibina di rumah-rumah kampung masyarakat Melayu yang perletakkannya di bahagian tengah di dalam rumah yang berfungsi sebagai tiang utama ataupun pemegang asas kepada bumbung dan struktur lantai rumah. Ini jelaslah menunjukkan, imej reka bentuk rumah Melayu tradisional dapat memberi peluang kepada orang ramai mengenali dan menghargai bentuk, kelebihan dan keindahan reka bentuknya.



Gambar 4.4: Pelan rumah Melayu tradisional Kedah.

Sumber: Architectural Design of Traditional Malay House, 2007




Gambar 4.5: Reka bentuk rumah kelahiran Mahathir Mohamad di sisi kiri rumah.

Sumber: Rumah kelahiran Mahathir Mohamad, 2021



Gambar 4.6: Reka bentuk hadapan rumah kelahiran Mahathir Mohamad yang dilengkapi dengan rumah panggung

Sumber: Rumah kelahiran Mahathir Mohamad, 2021



Gambar 4.7: Reka bentuk tiang seri rumah Melayu

Sumber: Sinar Harian, 2019

Untuk soalan item yang ke 6 seramai 134 orang responden dengan peratus 67% megatakan ya untuk *beberapa ruang tambahan telah ditambah bagi mempamerkan gambar-gambar dan artifak mengenai Tun Dr.Mahathir pada tahun 2000* dan sebahagiannya memilih tidak dengan jumlah responden seramai 66 orang (33%),

untuk item seterusnya seramai 190 responden dengan jumlah peratus sebanyak 95% memilih ya bagi kenyataan *galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad telah melalui proses suaiguna semula bagi mengekalkan kepentingan dan keunikannya* manakala selebihnya 10 orang responden (5%) sahaja yang memilih tidak. Rumah ini telah melalui proses suaiguna dimana rumah tersebut dipulihara, dipelihara dan diperbaiki bagi tujuan menyelamatkan tempat yang mempunyai nilai sejarah serta sebagai tanda penghargaan kepada Tun Mahathir Mohamad sepanjang beliau bergelar Perdana Menteri.

Hasil tinjauan berkaitan item 8 iaitu *pembinaan galeri ini dibuat bagi menyelamatkan bangunan yang mempunyai nilai sejarah daripada ancaman kepupusan* menunjukkan responden yang memilih jawapan ya adalah majoriti dalam kajian ini iaitu seramai 194 orang responden (97%) berbanding jawapan tidak iaitu seramai 6 orang responden (3%). Manakala seramai 188 orang responden (94%) menyokong bagi kenyataan item adakah *galeri perlu dilawat untuk menanam semangat patriotism dalam diri* jelas di sini terlihat kebanyakkan responden memilih ya dengan jumlah 188 orang responden (94%) dengan perbezaan sebanyak 12 orang responden (6%) yang memilih tidak. Kepentingan warisan dapat membantu meningkatkan kesedaran orang ramai tentang nilai warisan budaya dan semula jadi, menggalakkan kebanggaan terhadap warisan tempatan dan kebangsaan, serta menyokong pemuliharaan sumber warisan ini. Usaha ini sedikit sebanyak mampu menghidupkan semangat patriotism yang bukan hanya dipupuk melalui pembelajaran sahaja tetapi ia juga boleh dipupuk dengan berkunjung ke tempat-tempat sejarah bagi memberi kesedaran.

### **4.7.3 Sumbangan rumah kelahiran Mahathir Mohamad bagi pelancongan warisan di Kedah.**

Analisis data berkaitan Sumbangan rumah kelahiran Mahathir Mohamad yang telah disuaiguna semula untuk pelancongan warisan di Kedah diperoleh dalam bahagian C yang dipersembahkan dalam jadual 4.3 di bawah. Bahagian ini bertujuan untuk menganalisis sejaughmanakah sumbangan rumah Mahathir Mohamad yang telah disuaiguna semula kepada pelancongan warisan.

Jadual 4.3: Sumbangan rumah kelahiran Mahathir Mohamad yang telah disuaiguna semula untuk pelancongan warisan di Kedah.

ITEM	SANGAT SETUJU		SETUJU		TIDAK PASTI		TIDAK SETUJU		SANGAT TIDAK SETUJU	
	(n)	(%)	(n)	(%)	(n)	(%)	(n)	(%)	(n)	(%)
1. Rumah kelahiran Mahathir Mohamad merupakan reka bentuk identiti masyarakat budaya Melayu.	78	39	94	47	26	13	1	0.5	1	0.5
2. Rumah kelahiran Mahathir Mohamad perlu dikekalkan sebagai menghargai usaha-usaha dan sumbangan bekas Perdana Menteri yang menghasilkan pembangunan negara.	66	33	112	56	16	8	3	1.5	3	1.5
3. Memperkenalkan reka bentuk rumah Melayu kepada pelancong luar.	98	49	76	38	23	11.5	3	1.5	0	0
4. Rumah kelahiran Mahathir Mohamad tidak memberikan sumbangan dalam sektor pelancongan warisan di Kedah.	8	4	6	3	13	6.5	81	40.5	92	46
5. Sumbangan daripada aktiviti suaiguna semula merupakan salah satu langkah	94	47	70	35	35	17.5	1	0.5	0	0

mempertahankan warisan sejarah yang berada di Kedah.											
6. Rumah kelahiran Mahathir Mohamad disuaiguna semula adalah bertujuan untuk menjaga serta menyelamatkan bangunan yang mempunyai nilai sejarah daripada ancaman kepupusan.	75	37.5	75	37.5	25	12.5	15	7.5	10	5	
7. Bagi memastikan galeri rumah kelahiran ini terus dikunjungi, beberapa ruang tambahan telah ditambah bagi mempamerkan gambar-gambar dan artifak mengenai Tun Dr. Mahathir.	65	32.5	65	32.5	63	31.5	0	0	7	3.5	
8. Di rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini juga turut disediakan ruang pameran, pembesaran kompleks bagi memberi lebih keselesaan kepada pelawat-pelawat seperti auditorium, surau, tandas awam, wakaf dan tempat letak kenderaan.	55	27.5	68	34	77	38.5	0	0	0	0	
9. Rumah-rumah baru yang didirikan seperti Rumah Bumbung Lima dan Rumah Bujang yang berfungsi sebagai auditorium sebagai salah satu tarikan untuk menarik pelancong ke sini.	50	25	67	33.5	78	39	5	2.5	0	0	
10. Hasil sumbangan daripada kerja-kerja pemuliharaan serta pemeliharaan mampu membuka mata generasi muda akan kepentingan tinggalan seni bina masyarakat Melayu dahulu.	70	35	94	47	33	16.5	2	1	1	0.5	

11. Pemuliharaaan serta pemeliharaan mampu membuka mata generasi muda akan kepentingan tinggalan warisan khazanah dahulu.	78	39	76	38	16	8	13	6.5	17	8.5
---	----	----	----	----	----	---	----	-----	----	-----

(N= Kekerapan, %= Peratus)

Sumber: Kajian lapangan, 2021


Hasil tinjauan bagi item 1, *rumah kelahiran Mahathir Mohamad merupakan reka bentuk identiti masyarakat budaya Melayu* telah disokong seramai 94 orang responden (47%) setuju berbanding hanya seramai 26 orang responden (13%) tidak pasti dan hanya seramai 1 orang responden (0.5%) sahaja tidak setuju. Reka bentuk rumah Melayu bukan sahaja unik dari segi bentuk dan teknologi pembinaan, tetapi juga mencerminkan budaya, falsafah hidup dan tamadun sesebuah bangsa. Menurut A. Gafar Ahmad (2010), bangunan lama tersebut merangkumi rumah kayu tradisional Melayu dengan ciri reka bentuk yang unik. Ia adalah bukti kemahiran, kemajuan, budaya dan tamadun sesebuah negara. Bangunan bersejarah yang masih hidup ini bukan sahaja penting untuk masa kini, tetapi juga kepada generasi akan datang. Hal ini jelas terlihat daripada jumlah responden yang memilih setuju berbanding responden yang memilih sebaliknya. Kenyataan item 2, *rumah kelahiran Mahathir Mohamad perlu dikekalkan sebagai menghargai usaha-usaha dan sumbangaan bekas Perdana Menteri yang menghasilkan pembangunan negara* dapat dilihat dari jadual yang disediakan seramai 112 orang responden (56%) memilih setuju, tidak pasti seramai 16 responden (8%) dan tidak setuju dan sangat tidak setuju masing-masing berkongsi jumlah yang sama iaitu seramai 3 orang (1.5%) sahaja.

Seterusnya, data analisis kajian responden menunjukkan seramai 98 orang responden (49%) menyokong dengan bersetuju dengan kenyataan item 3 iaitu *memperkenalkan reka bentuk rumah Melayu kepada pelancong luar* berbanding 23 responden memilih tidak pasti (11.5%) dan hanya seramai 3 orang (1.5%) sahaja menolak kenyataan tersebut. Rumah tradisional melambangkan unsur dan identiti sesuatu kaum. Kebanyakan rumah tradisional mempunyai unsur mewakili suku kaum, kaum dan adat resam masing-masing dengan teknik kerja kayu yang berbeza seperti Negeri Sembilan yang terkenal dengan reka bentuk Minangkabau, Sarawak yang terkenal dengan keunikan rumah Panjang, Pulau Pinang dengan ketinggian aras bumbung yang berbeza. Pada masa yang sama, Sarawak mempunyai rumah bumbung melintang panjang atau dikenali dengan rumah Panjang dan Melaka, rumah tradisional yang terkenal dengan reka bentuk tangga. Secara umumnya, tidak semua reka bentuk rumah tradisional adalah sama, baik dari segi bahan, pertukangan dan seni binanya. Dengan pencerahan seperti ini, kita bukan hanya memperkenalkan reka bentuk namun kita juga membantu mereka untuk memahami fungsi-fungsi di sebalik reka bentuk yang terdapat di dalam setiap rumah tradisional. Bagi kenyataan item 4 pula, seramai 92 responden (46%) yang memilih sangat tidak setuju untuk kenyataan *rumah kelahiran Mahathir Mohamad tidak memberikan sumbangan dalam sektor pelancongan warisan di Kedah*, seramai 13 orang (6.5%) yang memilih tidak pasti dan 8 orang responden (4%) yang memilih sangat setuju. Bagi sesetengah responden merasakan rumah kelahiran ini tidak mendatangkan sumbangan yang banyak kerana terdapat banyak lagi destinasi yang menarik serta yang boleh menjadi tumpuan pelancong sebagai contoh, negeri Kedah turut mempunyai Muzium Padi, Masjid Zahir, Menara Alor Setar dan banyak lagi yang menjadi tarikan pengunjung.

Manakala seramai 94 orang responden (47%) menyokong dengan bersetuju dengan kenyataan item 5 iaitu *sumbangan daripada aktiviti suaiguna semula merupakan salah satu langkah dalam mempertahankan warisan sejarah yang berada di Kedah* berbanding hanya seorang sahaja (0.5%) yang menolak dengan manakala 35 orang responden (17.5%) memilih tidak pasti. Kesedaran adalah perkara penting yang perlu wujud pada generasi muda dalam menjaga harta warisan, dan kepentingannya dalam menjaga dan melindungi harta peribadi yang perlu diterapkan bersama. Oleh itu, pihak yang terlibat perlulah memperbanyakkan lagi bangunan-bangunan yang disuaiguna dalam menjaga dan mempertahankan warisan bangsa kita. Kenyataan yang seterusnya pula, *rumah kelahiran Mahathir Mohamad disuaiguna semula adalah bertujuan untuk menjaga serta menyelamatkan bangunan yang mempunyai nilai sejarah daripada ancaman kepupusan* yang mana seramai 75 responden (37.5%) memilih sangat setuju, tidak pasti 25 responden (12.5%) dan seramai 10 orang responden (5%) yang memilih sangat tidak setuju. Petikan Rencana keluaran Berita Minggu pada tarikh 27 Julai 2008, menjelaskan bahawa garis panduan konservasi yang memperaktikan pemuliharaan bangunan sedia ada serta pembinaan bangunan atau infrastruktur dan insentif konservasi adalah untuk menjaga kepentingan warisan budaya, terutamanya bangunan-bangunan warisan sejarah yang dibina dari kayu.

Selain itu, kenyataan 7 iaitu, *memastikan galeri rumah kelahiran ini terus dikunjungi, beberapa ruang tambahan telah ditambah bagi mempamerkan gambar-gambar dan artifak mengenai Tun Dr. Mahathir*, seramai 65 orang responden (32.5%) yang memilih sangat setuju, tidak pasti 63 responden (31.5%) dan seramai 7 orang responden (3.5%) yang memilih sangat tidak setuju. Hal ini dibuktikan dengan pembinaan beberapa ruang baru seperti balai pameran, auditorium, surau,

wakaf dan sebagainya. Selain itu, turut juga dibina replika tong padi yang berfungsi sebagai alat untuk mengasingkan padi dari tangkainya yang mana padi menjadi lambang kepada Negeri Kedah.



Gambar 4.8: Ruang bahagian dalam Rumah Bujang

Sumber: Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, 2021



Gambar 4.9: Ruang bahagian dalam Rumah Bumbung Lima

Sumber: Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, 2021



Gambar 4.10: Replika tong padi di Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad

Sumber: Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, 2021

Kenyataan 8 iaitu di *rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini juga turut disediakan ruang pameran, pembesaran kompleks bagi memberi lebih keselesaan kepada pelawat-pelawat seperti auditorium, tandas awam, surau, wakaf dan tempat letak kenderaan dan galeri* dapat dilihat dari jadual yang disediakan seramai 77 orang responden (38.5%) yang memilih tidak pasti, 68 orang (34%) yang memilih setuju manakala untuk tidak setuju tiada data yang direkodkan. Bagi kenyataan item 9 pula, seramai 78 responden (39%) yang memilih tidak pasti untuk kenyataan rumah-rumah baru yang didirikan seperti Rumah Bumbung Lima dan Rumah Bujang yang berfungsi sebagai auditorium sebagai salah satu tarikan untuk menarik pelancong, seramai 67 orang (33.5%) yang memilih setuju dan 5 orang responden (2.5%) yang memilih tidak setuju.

Di samping itu, hasil tinjauan bagi item seterusnya iaitu hasil *sumbangan daripada kerja-kerja pemuliharaan serta pemeliharaan mampu membuka mata generasi muda akan kepentingan tinggalan seni bina masyarakat Melayu dahulu*

telah disokong dengan jumlah responden sebanyak 94 orang responden (47%) setuju berbanding hanya seramai 33 orang responden (16.5%) tidak pasti dan hanya seramai 1 orang responden (0.5%) sahaja tidak setuju manakala untuk item yang terakhir, *pemuliharaan serta pemeliharaan mampu membuka mata generasi muda akan kepentingan tinggalan warisan khazanah dahulu* dengan jumlah responden yang memilih sangat setuju 78 orang (39%), 16 orang (8%) memilih tidak pasti dan 17 orang (8.5%) memilih yang sebaliknya. Akta Benda Purba 1976 (No. 168) menyatakan bahawa usaha pemuliharaan, termasuk kawalan, pemeliharaan, penyelidikan dan pemuliharaan monumen dan monumen purba adalah penting dan mengekalkan maklumat tentang sejarah lampau dan identiti budaya. Kesemua ini mempunyai nilai yang saling bergantung dan berkait dengan budaya kehidupan yang secara tidak langsung membentuk persekitaran yang bermakna dari segi fungsi material dan kepentingan budaya masyarakat, dan kerana itulah warisan ini sangat berharga yang perlu dipastikan untuk terus mengekalkan dan dipelihara untuk generasi kini dan akan datang.

#### **4.8 SUAIGUNA SEMULA RUMAH KELAHIRAN MAHATHIR MOHAMAD DAN SUMBANGANNYA TERHADAP PELANCONGAN WARISAN DI ALOR SETAR KEDAH.**

Menurut PERZIM (2006), istilah pemuliharaan merujuk kepada pemulihan monumen dan tapak bersejarah dengan mengekalkan kaedah bahan binaan yang sama atau hampir sama dengan yang asal. Ia direka bagi memulihara dan mengekalkan bangunan atau monumen ke tahap yang paling hampir dengan yang asal. Usaha pemuliharaan menumpukan pada bangunan sebagai rupa binaan terawal dengan bahan binaan asli

untuk dipelihara, diperkuuh atau dibina semula dan digunakan sebagai bangunan atau monumen. Menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), amalan penyesuaigunaan semula merupakan salah satu kaedah pemuliharaan yang di dalamnya termasuk kaedah pemeliharaan, pembinaan semula, pemberkualihan dan memulihara (Jabatan Warisan Negara, 2009). Ia merupakan satu proses yang mana memulihara serta menjaga semula bangunan-bangunan tinggalan dengan menukar fungsi asalnya dengan fungsi yang baru.

Menurut pandangan Zaitzevsky and Bunnell (1979) dalam kajian mereka yang bertajuk *Built to Last: A Handbook on Recycling Old Buildings* yang menjelaskan, bangunan lama secara amnya menghubungkan kita dengan masa lalu dan menjadi sebahagian daripada warisan budaya kita dan ia seharusnya terpelihara disebabkan keindahan seni bina dan keunikan serta sifat yang diterapkan dan dimasukkan ke dalam sesuatu binaan. Kepentingan suaiguna dalam sesebuah bangunan menunjukkan bahawa ia merupakan faktor dalam memastikan sesebuah negara terus terjaga nilai warisannya sebagai salah satu langkah dalam menjadikan ia sebagai tarikan pelancongan seperti yang disokong Lynn dalam penulisannya pada tahun 1992, sektor pelancongan merupakan ‘enjin pertumbuhan ekonomi negara’ atau dalam kata lain sebagai ‘nadi ekonomi negara’.

#### **4.9 PERSEPSI PENDUDUK SETEMPAT TERHADAP SUAIGUNA SEMULA RUMAH KELAHIRAN TUN MAHATHIR**

Persepsi pada asasnya adalah proses kognitif yang dilalui setiap orang untuk memahami maklumat tentang persekitaran mereka melalui penglihatan, pendengaran, penghayatan serta perasaan merupakan proses seseorang memperoleh rangsangan daripada


persekitarannya yang melibatkan faktor pemikiran dan emosi, menjadikannya bermakna dan mencetuskan tindak balas tertentu. Menurut Atkinson dan lain-lain (1997) persepsi ialah proses mengatur dan mentafsir pola rangsangan dalam persekitaran. Proses ini adalah untuk mengatur dan menerangkan rangsangan yang dirasai oleh individu supaya individu itu sedar atau memahami apa yang dirasai. Kunci untuk memahami persepsi ialah menyedari bahawa persepsi adalah tafsiran unik tentang situasi. Seperti kata Krech (dalam Thoha, 2000) persepsi ialah proses kognitif yang kompleks yang menghasilkan gambaran unik tentang realiti yang mungkin berbeza dengan realiti.

Gibson (1989) juga menjelaskan bahawa persepsi adalah proses memberi seni kepada persekitaran oleh setiap individu dan ia juga mengungkapkan bahawa teori persepsi merupakan kaedah teori yang digunakan bagi menentukan persoalan dalam kajian yang dilakukan sebagai contoh dalam penulisan beliau yang bertajuk *Organisation and Behavior Management, Structure*; yang mendefinisikan persepsi adalah proses kognitif yang digunakan oleh seseorang individu untuk memahami dan mentafsir objek di sekeliling mereka. Di dalam teori persepsi ini terdapat dua faktor iaitu faktor dalaman dan faktor luaran yang menjadi titik tolak kepada wujudnya persepsi dalam diri seseorang individu. Oleh itu, setiap individu mempunyai pendapat yang tersendiri dalam memberi makna kepada rangsangan yang diterima. Faktor dalaman bergantung kepada proses memahami sesuatu, termasuk sistem nilai, matlamat, kepercayaan, dan reaksi terhadap keputusan yang dicapai. Faktor luaran dalam bentuk persekitaran. Kedua-dua faktor ini menyebabkan persepsi kerana ia mempunyai proses yang dipanggil komunikasi.

## SUAIGUNA SEMULA RUMAH KELAHIRAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD DAN SUMBANGANNYA TERHADAP PELANCONGAN WARISAN DI ALOR SETAR KEDAH.

### Analisis: Teori Persepsi (Gibson 1989)

- **Faktor dalaman:** Menganalisis minat, pengalaman, perhatian, dan minat dalam dapatan kajian.
- **Faktor luaran:** Menganalisis latar belakang galeri, pengetahuan, fungsi, sumbangan dalam dapatan kajian.



Tindak balas daripada responden melalui pengamatan pancaindera terhadap persekitaran, kaitan dan hubungan-hubungan yang diperolehi.

### Pencapaian/Positif:

Mengetahui suaiguna semula rumah kelahiran Mahathir Mohamad dan sumbangnya dalam sektor pelancongan warisan di Alor Setar, Kedah.

Rajah 4.1: Kerangka Teoritikal Suaiguna Semula Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Dan Sumbangannya Terhadap Pelancongan Warisan Di Alor Setar Kedah.

Melalui analisis dapatan kajian yang dilakukan, terdapat dua faktor yang mempengaruhi tindakbalas responden terhadap soal selidik yang diedarkan iaitu faktor

dalam dan faktor luaran. Antaranya, faktor dalam merangkumi perhatian, minat dan pengalaman. Manakala faktor luaran terdiri daripada latar belakang responden atau maklumat yang diperoleh. Persepsi responden melalui perhatian bergantung kepada cara penglihatan dan taksiran yang dibuat oleh responden berdasarkan sudut pandang sekeliling manakala persepsi melalui pengalaman pula bergantung sejauhmana seseorang responden mengingati peristiwa atau kejadian yang pernah berlaku. Sebagai contoh, tarikh galeri ditubuhkan, siapa yang menubuhkan dan banyak lagi. Selain itu, persepsi seseorang juga dipengaruhi oleh minatnya yang boleh mempengaruhi persepsi responden dalam membentuk pengetahuan. Minat yang mendalam dapat mewujudkan keinginan seseorang dalam mencari jawapan dan mendorong responden untuk mencari maklumat atau membaca serba sedikit maklumat tentang suaiguna dan rumah kelahiran Mahathir Mohamad seperti yang dijelaskan Miftah Toha (2000) yang menyatakan bahawa faktor dalaman dipengaruhi oleh pemikiran seseorang yang memberi kesan kepada tindakan, tanggapan atau penerimaan terhadap sesuatu.

Analisis terhadap persepsi responden terhadap suaiguna semula rumah kelahiran Mahathir Mohamad dan sumbangnya terhadap pelancongan warisan di Alor Setar, Kedah yang memberikan kesedaran dan manfaat kepada masyarakat khususnya kepada pelancong dalam mahupun luar negeri Kedah yang kurang pengetahuan, minat dan info berkaitan kewujudan galeri rumah kelahiran ini. Berdasarkan kajian ini juga, pandangan dan pemahaman pelancongan terhadap suaiguna semula rumah kelahiran Mahathir Mohamad dan sumbangannya terhadap pelancongan warisan di Alor Setar, Kedah dapat dianalisis menggunakan teori persepsi. Berdasarkan analisis dapatan kajian melalui soal selidik yang diedarkan, majoriti responden pernah mendengar, mengetahui serta melawat rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini walaupun ketika itu masih belum banyak perubahan yang berlaku termasuklah responden yang mengetahui

tetapi belum pernah melawat, masing-masing menunjukkan keinginan dan minat terhadap sejarah pembinaan galeri rumah kelahiran ini. Justeru, minat responden terhadap sejarah pembinaan rumah ini jelas menunjukkan keinginan dan ketertarikan apabila ada sebahagian dari mereka meminta untuk berkongsi maklumat lanjut berkaitan galeri rumah ini. Menurut McKercher (2004), apabila memberikan pengalaman kepada pelawat atau pelancong, ia sebenarnya telah menimbulkan satu perasaan unik berkaitan dengan apa yang mereka lawati.

Bukan itu sahaja, melalui analisis kajian yang dilakukan juga mendapati generasi muda yang kurang berminat untuk melawat di tempat-tempat sebegini juga turut mempengaruhi sektor pelancongan. Keinginan atau minat sangat mempengaruhi corak tingkah laku yang akan ditunjukkan oleh seseorang. Hal ini turut disokong oleh Deci dan Ryan (1991) mengatakan bahawa minat memainkan peranan yang penting dan secara langsung boleh menarik minat seseorang secara semulajadi. Berdasarkan dari data analisis yang Berjaya dilakukan, dapat disimpulkan bahawa minat yang ditunjukkan oleh responden dapat mendorongnya melakukan sesuatu bagi memahami sesuatu yang menarik perhatiannya.

Faktor luaran juga mempengaruhi pengetahuan responden terhadap pengetahuan dan sumbangan yang diberikan galeri rumah ini kepada sektor pelancongan warisan di Alor Setar, Kedah. Faktor ini dapat mengubah sudut pandangan responden terhadap dunia sekitarnya dan mempengaruhi proses penerimaan atau persepsi terhadap penilaian serta pengetahuan mengenai galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini.

Kreitner dan Kinicki (2005) menyatakan bahawa persepsi yang melibatkan faktor luaran merupakan suatu proses tafsiran dan pemahaman terhadap persekitaran

yang memberi impak positif maupun negatif terhadap individu yang mengalaminya. Antara faktor luaran yang dapat dikenalpasti dalam kajian ini ialah latar belakang responden, latar belakang galeri, pengetahuan, perubahan fungsi dan sumbangan yang mempengaruhi persepsi responden terhadap pengetahuan dan info berkaitan galeri rumah kelahiran ini. Hal ini kerana, kebanyakkan pelancong maupun penduduk setempat mengetahui akan kewujudan galeri rumah kelahiran ini tetapi tidak mengetahui asal usul pembinaan serta perubahan yang dialami rumah ini. Kesukaran dalam menggalakkan penduduk tempatan dan pelancong untuk berkunjung ke sana juga terbatas akibat daripada promosi yang kurang berkesan.

Selain itu, dalam faktor luaran ini juga melibatkan faktor pendidikan yang juga mempengaruhi persepsi responden. Hasil analisis data temu bual menunjukkan peranan rumah kelahiran ini juga bukan hanya tertumpu pada sektor pelancongan namun ia juga tertumpu pada sektor pendidikan yang mana sebahagian yang datang melawat ke rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini bukan hanya sekadar membuat lawatan namun ada sebahagian yang datang membuat penyelidikan untuk tujuan pembelajaran. Seperti yang dinyatakan oleh Ritchie (2006), pelancongan pendidikan boleh ditakrifkan sebagai aktiviti yang dilakukan oleh pelancong yang destinasi utamanya berkaitan pendidikan atau pembelajaran.

Seterusnya, faktor luaran juga mempengaruhi perancangan dan penambahbaikan ke atas galeri rumah Mahathir Mohamad dalam menggalakkan lagi pelancong untuk berkunjung ke sini. Hasil analisis mendapati, seperti yang dinyatakan oleh Pihak Rancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah (PLAN) yang mengatakan bahawa rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini telah melalui proses membaik pulih dengan penambahan bangunan-bangunan galeri baru, cafeteria, surau, tempat letak

kereta dan macam -macam lagi bagi menarik pengunjung dan memastikan keselesaan kepada pengunjung apabila berkunjung ke sini.

#### **4.10 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, seramai 200 orang responden yang gemar melancong di sekitar kawasan Kota Setar yang anggaran usia dari 18 tahun hingga 35 tahun ke atas telah dipilih untuk mengkaji Suaiguna semula rumah kelahiran Mahathir Mohamad dan sumbangannya terhadap pelancongan warisan di Alor Setar, Kedah manakala responden untuk temubual pula seramai empat orang yang berusia 28 tahun hingga 40 tahun ke atas. Hasil daripada soal selidik dan temubual yang dianalisis mendapati majoriti responden mengetahui lokasi dan pernah melawat ke rumah kelahiran Mahathir Mohamad manakala sebahagian lagi responden belum pernah menjelak kaki namun pernah mendengar tentang kewujudan rumah kelahiran ini yang berada di Kedah.

Hasil dapatan kajian melalui soal selidik yang dianalisis menunjukkan majoriti responden mempunyai pengetahuan berkaitan asal usul sejarah pembinaan galeri ini baik dari segi sejarah, seni bina, reka bentuk serta sumbangannya. Penerimaan responden terhadap rumah kelahiran Mahathir Mohamad adalah ditahap baik dan memuaskan. Meskipun terdapat beberapa orang dalam kalangan responden tidak mahir dan mempunyai kuang pengetahuan berkenaan rumah ini, namun mereka masih berminat untuk mengetahui dan melawat sendiri rumah kelahiran ini. Di samping itu, kesemua responden yang dipilih setuju dan memilih ‘YA’ kepada usaha-usaha pemeliharaan yang perlu dilakukan untuk mengekalkan kepentingan dan keunikannya bagi menyelamatkan rumah kelahiran Mahathir Mohamad yang mempunyai nilai sejarah daripada ancaman kepupusan. Dengan adanya usaha-usaha pemeliharaan,

rumah kelahiran ini dapat terus dijaga dan dipelihara bagi tujuan tontonan untuk generasi yang akan datang.

FTKWW



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB V

### RUMUSAN DAN PENUTUP

#### 5.1 RUMUSAN KAJIAN

Bab ini membincangkan rumusan secara ringkas keseluruhan bab yang dikaji iaitu dari bab I hingga bab V berkaitan suaiguna semula rumah kelahiran Mahathir Mohamad dan sumbangnya terhadap pelancongan warisan di Alor Setar, Kedah. Bab ini merangkumi pengenalan, sorotan kajian lepas yang pernah dilakukan oleh pengkaji terdahulu dan metodologi kajian iaitu kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data kajian. Seterusnya, penganalisisan data hasil daripada dapatan kajian diperoleh dari pengumpulan data dan menjadi hasil akhir yang menggunakan kaedah yang dipilih. Manakala, rumusan pada bab akhir merupakan keseluruhan akhir hasil terhadap penerimaan dan pengetahuan responden terhadapa suaiguna semula rumah kelahiran Mahathir Mohamad dan sumbangnya terhadap pelancongan warisan.

Bab I membincangkan mengenai pengenalan kajian yang merangkumi permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, sorotan kajian literatur, kepentingan kajian, metodologi kajian, definisi istilah dan penutup. Suaiguna merupakan kaedah yang penting dalam memastikan sesebuah bangunan tersebut terus kekal berdiri walaupun pada hakikatnya telah berlaku perubahan fungsi yang merupakan definisi kepada suaiguna semula. Dalam bab I ini juga turut membincangkan permasalahan kajian yang difokuskan yang mana pembinaan galeri ini tidak diketahui akan sejarah latar belakangnya. Hal ini berkemungkinan daripada kurang pendedahan serta tarikan yang ada pada galeri ini sehingga individu sekarang sekadar membuat lawatan tanpa mengetahui nilai kepentingan yang ada pada sesebuah bangunan warisan. Terdapat tiga persoalan kajian yang difokuskan dalam bahagian ini iaitu apakah sejarah latar belakang pembinaan galeri Mahathir Mohamad, bagaimanakah rumah kelahiran Mahathir Mohamad bertukar fungsi kepada galeri, dan sejauhmanakah sumbangan rumah Mahathir Mohamad yang telah disuaiguna semula kepada pelancongan warisan manakala untuk objektif kajian pula meneroka sejarah latar belakang pembinaan galeri Mahathir Mohamad, menghuraikan proses-proses kerja perubahan fungsi rumah kelahiran Mahathir Mohamad kepada galeri dan menganalisis sejauhmanakah sumbangan rumah Mahathir Mohamad yang telah disuaiguna semula kepada pelancongan warisan. Di samping itu, di dalam bab I ini juga turut menyatakan definisi operasional yang memfokuskan kepada definisi suaiguna dan definisi pelancongan warisan. Untuk kepentingan kajian pula, turut dibahas di dalam bab I ini yang mana pengkaji sendiri terdedah dengan budaya, peradaban dan sejarah kehidupan negarawan negara yang dikongsikan di dalam galeri tersebut yang mana sedikit sebanyak mampu menyematkan nilai-nilai moral dan perasaan patriotism yang ada dalam diri. Bukan itu sahaja, suaiguna semula terhadap rumah kelahiran beliau ini juga

mampu mengekalkan imej seni bina melayu yang dapat membuka minda dan pembentukan sikap dalam diri seseorang individu dalam mengekalkan serta mengangkat identiti warisan selain berpotensi ke arah menjana ekonomi negara khususnya dalam sektor pelancongan warisan negeri Kedah. Kaedah kajian dalam bab ini, secara ringkasnya membincangkan kaedah yang digunakan dalam proses pengumpulan data mengenai kajian yang dilakukan. Hal ini, bertujuan agar setiap data yang dikumpul tepat dan membantu dalam proses analisis kajian bagi mencapai matlamat dan objektif kajian.

Bab II pula membincangkan mengenai kerangka teori dan sorotan kajian lepas bagi kajian ini. Kerangka Teori Persepsi Gibson (1989) digunakan dalam kajian bagi mengetahui dengan lebih jelas pengetahuan dan penerimaan responden terhadap suaiguna semula rumah kelahiran Mahathir Mohamad dan sumbangnya terhadap pelancongan warisan di Alor Setar, Kedah. Terdapat dua faktor mempengaruhi persepsi seseorang individu dalam teori ini iaitu faktor dalaman dan faktor luaran manakala untuk sorotan kajian pula terdapat pelbagai pendapat berkaitan suaiguna dan pelancongan warisan yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Sorotan kajian juga merupakan proses mengambil dan mengubah ayat nota hasil daripada kajian lepas seperti artikel, buku ilmiah, jurnal, tesis atau orang tua. Dalam kajian ini, sorotan kajian lepas yang dikenalpasti ialah sebanyak 30 sorotan kajian lepas oleh pengkaji terdahulu yang berjaya dicatat.

Seterusnya, di dalam Bab III turut dibincangkan secara terperinci berkaitan proses pengumpulan data berkenaan data skunder dan primer, persampelan kajian, kaedah analisis data kuantitatif dan kualitatif serta kesahan dan kebolehpercayaan. Data sekunder terdiri daripada laman sesawang atau internet, jurnal, artikel, dan akhbar

manakala data primer pula terdiri daripada soal selidik dan temubual. Hasil data kajian yang diperolehi adalah daripada soal selidik, temu bual, artikel, lama sesawang dan kajian kepustakaan manakala untuk bahagian persampelan kajian pula, pengkaji menggunakan kaedah persampelan jenis demografi dan dikotomus malah pengkaji juga menggunakan skala jawapan yang berbentuk nilai min skala lima likert dan dibahagikan dengan jumlah responden dan didarabkan dengan nilai seratus bagi mendapatkan jumlah data yang tepat manakala temubual dilakukan secara tertutup.

Bab berikutnya adalah Bab IV yang membincangkan dapatan hasil kajian yang diperoleh melalui kaedah soal selidik dan temu bual. Segala maklumat yang diperoleh dianalisis untuk memastikan objektif yang ditetapkan tercapai dengan mempersempahkan dalam bentuk jadual seperti yang dinyatakan dalam lampiran. Borang soal selidik ini diagihkan melalui *Google Form* dan diedarkan secara rawak melalui *Whatsapp* dan *Instagram*. Melalui persampelan secara rawak, seramai 200 orang responden berjaya diperoleh. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A merangkumi soalan berkaitan latar belakang atau data demografi responden seperti jantina, umur, bangsa, status, pekerjaan, negeri asal responden dan kekerapan dalam melancong. Bahagian B, merangkumi soalan berkaitan pengetahuan tentang latar belakang sejarah pembinaan galeri Mahathir Mohamad di Alor Setar Kedah dan bahagian C pula merangkumi sumbangsan rumah kelahiran Mahathir Mohamad yang telah disuaiguna semula untuk pelancongan warisan di Kedah dan peratusan dan bilangan pemilihan jawapan yang diberikan responden mengikut nilai peratusan dan jumlah responden. Bagi soalan temubual pula, responden terdiri daripada empat orang yang mempunyai pengalaman dalam bidang kepakaran masing-masing iaitu terdiri daripada seorang wakil daripada Pihak Rancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah, seorang pegawai daripada Arkib

Negara Malaysia Negeri Kedah/Perlis, Pengurus dan pekerja rumah kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad yang dijalankan secara dalam talian (panggilan telefon) dan soalan yang dikemukakan sebanyak 4 item soalan dan dipecahkan kepada beberapa sub item yang lain.

Bab terakhir adalah bab V yang mana menyimpulkan rumusan daripada keseluruhan kajian daripada bab I sehinggalah bab V. Hasil dari rumusan kajian ini dapat melihat kepentingan dan perbezaan setiap bab yang dinyatakan. Di dalam bab ini juga turut disertakan penutup sebagai penyudah kepada kajian yang ditulis bagi menyimpulkan dan menyiapkan kajian yang dilakukan.

## **5.2 PENUTUP**

Secara keseluruhannya, penggunaan suaiguna semula ke atas sesebuah bangunan bersejarah telah banyak digunakan dan diaplikasikan oleh kebanyakan negara luar sebagai salah satu usaha dalam melindungi ia daripada dimodenisasi dan juga sebagai salah satu usaha untuk memelihara serta menjaga bangunan-bangunan warisan agar bangunan tersebut dapat terus menerapkan kepentingan dan kelebihan yang ada dengan semaksimum yang boleh dalam mengikut peredaran zaman. Tidak dinafikan, bidang ini, seperti bidang lain yang menghadapi pelbagai masalah. Usaha memelihara dan mempertahankan identiti bangunan bersejarah sebagai salah satu manfaat untuk generasi akan datang. Tanpa usaha, kesedaran, kasih sayang dan jati diri dalam setiap diri individu, bangunan bersejarah yang dipenuhi nostalgia dan kenangan silam dilihat mampu mengancam kewujudannya. Bukan itu sahaja, penggunaan suaiguna semula ke atas bangunan juga mampu memberikan keuntungan dalam sektor ekonomi di bawah

sektor pelancongan warisan di Kedah. Sumbangan pelancongan warisan merupakan salah satu faktor penting dan utama dalam ekonomi negara. Hal ini terbukti, destinasi pelancongan yang lebih bersifat warisan dilihat lebih menarik berbanding pelancongan yang lain. Jadi tidak hairanlah jika rumah kelahiran Mahathir Mohamad menjadi salah satu penyumbang terhadap pelancongan warisan di Alor Setar, Kedah.

Disamping itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada individu terutamanya golongan muda yang merupakan aset dan individu terpenting dalam membantu kerajaan Malaysia dalam memelihara dan memahami kepentingan suaiguna ke atas bangunan. Justeru, kajian ini menyumbang impak positif kepada responden untuk lebih menghargai warisan ini dan menjaga serta merawat sebagai langkah proaktif dalam memelihara kepentingnya. Oleh itu, galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad merupakan bangunan bersejarah yang banyak sumbangnya kepada pelancongan warisan di Kedah yang perlu dipelihara. Pewarisnya iaitu generasi kini perlu bersama-sama dalam langkah pemeliharaan agar warisan ini terus berkekalan dan mempunyai penyambung warisannya.

Melalui kajian yang dillakukan dapat dilihat sejauhmanakah pengetahuan, pemahaman serta sikap individu ke atas galeri rumah kelahiran ini. Melalui soal selidik dan temubual yang dijalankan, pengkaji dapat mengetahui tahap pengetahuan sejarah tentang galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini serta sumbangnya dalam pelancongan warisan di Alor Setar, Kedah.

## RUJUKAN

- Azhar Kamaruddin. (2014). *Siri sejarah rumah tradisional: Rumah tradisi Johor dan Pahang*. Kuala Lumpur: Penerbitan D E. Diambil daripada ([PDF\) STRUKTUR SENI BINA MELAYU "TANGGA" DALAM PERIBAHASA MELAYU: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF](#) (Malay Architecture Structure "Staircase" In Malay Proverbs: A Semantic Inquisitive Analysis) ([researchgate.net](#))
- Abdul Rahman, A. R. (1999). The traditional Malay Architectural World View (with Emphasis on The Role of The Tukang. *Jurnal Alam Bina*, 2(1), 1-12. Diambil daripada [eprints.utm.my/id/eprint/9904/1/ARazakARahman1999\\_TheTraditionalMalayArchitecturalWorldTheTraditionalMalayArchitecturalWorld.pdf](#)
- Brooker, G. and Stone, S. (2004). *Interior Architecture and The Design Principles of Remodelling Existing Buildings* (London: RIBA Enterprises)
- Carswell, A. 'Adaptive Reuse', in N. Cohen and Robbins, P. (eds.) *Green Cities. An A-to-Z Guide* (Los Angeles/Londen/Nes Delhi/Signapore/Washington DC: Sage, 2011). Diambil daripada [https://www.researchgate.net/publication/261064403\\_Adaptive\\_reuse](#)
- Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan (2012) Jabatan Warisan Negara. Diambil daripada [garis-panduan-pemuliharaan-bangunan-warisan.pdf \(wordpress.com\)](#)
- Ibanez-Moreno, A. (2005). An analysis of the cognitive dimension of proverb in English and Spanish: The conceptual power of language reflecting popular beliefs. *SKASE Journal of Theoretical Linguistic*, 2(1), 45 – 54. Diambil daripada [http://www.skase.sk/Volumes/JTL02/moreno.pdf](#).
- Janis Taurens. (2008). 'Meaning' and 'context' in the Language of Architecture. Eva Naripea, Virve Sarapik, & Jaak Tomberg (Eds.), *KOHT ja Paik/ Place and Location Studies in Environmental Aesthetic and Semiotics VI* (pp. 71 – 82). Diambil daripada [http://www.eki.ee/km/place/pdf/kp6\\_05\\_taurens.pdf](#)
- Mohd Qawien Bin Mootar (2019) *Pemuliharaan Bangunan Warisan Dari Aspek Sejarah di George Town, Pulau Pinang*. Diambil daripada [http://eprints.usm.my/48361/1/Pemuliharaan%20Bangunan](#)
- Mohamed Taib Osman. (2004). *Adat resam masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
- Noor Faizah aziz, Jamaluddin, Kadir dan Aziz. (2014) Pengaruh Adat Resam, Kepercayaan dan Kebudayaan terhadap Pembinaan Rumah Melayu Tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 2: 105-111.
- Orbasli, A. (2008). *Architectural conservation*. Oxford: Blackwell.

- Orbasli, A. (2001). *Tourists in historic towns: Urban conservation and heritage management*. England: Taylor & Francis. Diambil daripada [Review on JSTOR](#)
- Othman Yatim. (2013). Rumah-rumah Melayu tradisional: Manifestasi kearifan tempatan. In Nazarudin, Rahimah, & Mohd. Kipli (Eds.). *Kearifan tempatan: Pengalaman Nusantara. Berasal dari Akar*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. (Vol. 1) pp. 43 – 59.
- Prof. Dr Ahmad Ramly (2006), *Cadangan Penyelidikan ‘Kerosakan Binaan Kayu oleh Serangga Kulat dan Serangga ke atas Rumah-rumah Tradisional Alam Bina Melayu’* Uinversiti Malaya.
- Roddin, R., Yusof, Y., Mukhtar, M. I., Awang, H., Bakar, F. D. A., & Hariri. (2019). *Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Budaya Komuniti Orang Asli Melalui Pelancongan Lestari*. Jurnal Dunia Pengurusan, 1(2), 8-16. Diambil Daripada <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/download/6838/2780>
- Rusdin M., N., (2021). *Modul Persampelan Rawak*. Universiti Pendikan Sultan Idris. Diambil Daripada [https://www.academia.edu/33892012/Modul\\_Persampelan\\_Rawak](https://www.academia.edu/33892012/Modul_Persampelan_Rawak)
- Smith, M. E. (2007). *Tourism, culture, and regeneration*. p.186. Oxford: CABI.
- Siti Norlizaiha Harun. (2005). Perkembangan sejarah dan pengaruh ke atas seni bina di Malaysia: Sebuah tinjauan ringkas. *Buletin Perancang*. JPBD: UiTM Perak. Diambil daripada [\(PDF\) Sejarah dan Pengaruh Senibina | Siti Norlizaiha Harun - Academia.edu](#)
- Siti Norlizaiha Harun (2019) Pembangunan Pelancongan Warisan Melalui Pemuliharaan Dan Persebahana Interpretasi. Universiti Teknologi Mara, Shah Alam Selangor. Diambil daripada [\(PDF\) PEMBANGUNAN PELANCONGAN WARISAN MELALUI PEMULIHARAAN20190730\\_100482\\_1h2zv3v | Siti Norlizaiha Harun - Academia.edu](#)
- Yaakub Idrus. (1966). *Rumah tradisional Negeri Sembilan: Satu analisis seni bina Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti. Diambil daripada [Microsoft Word - PAPER 35.doc \(usm.my\)](#)
- Yazid Saleh (2010) *Pengenalan Pemuliharaan Bandar*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Zalina Haji Samadi, Shahril Anwar Mahmud, Mawar Masri (2003) *Pemuliharaan Warisan Senibina Rumah Kedai Bagi Kemakmuran Bandar: Isu dan Cabaran*. Universiti Teknologi MARA, Perak. Diambil daripada [\(PDF\) Pemuliharaan Bandar: Satu Nota \(researchgate.net\)](#)

## LAMPIRAN

### BORANG SOAL SELIDIK

#### SUAIGUNA SEMULA RUMAH KELAHIRAN MAHATHIR MOHAMAD DAN SUMBANGNNYA TERHADAP PELANCONGAN WARISAN DI ALOR SETAR, KEDAH.

Saya merupakan pelajar dari Universiti Malaysia Kelantan dalam jurusan Pengajian Warisan Dengan Kepujian. Soal selidik ini dijalankan bagi memenuhi kursus Projek Penyelidikan. Soal selidik ini juga bertujuan bagi mendapatkan data untuk dianalisis mengenai suaiguna semula rumah kelahiran Mahathir Mohamad serta sumbangannya terhadap pelancongan warisan di Alor Setar, Kedah. Segala maklumat yang diberikan adalah sulit dan hanya tujuan penyelidikan sahaja.

#### BAHAGIAN A: DATA DEMOGRAFI RESPONDEN

Tandakan (/) dalam ruang di bawah:

##### 1. Jantina

- |              |       |           |       |
|--------------|-------|-----------|-------|
| a) Lelaki    | (   ) | a) Melayu | (   ) |
| b) Perempuan | (   ) | b) Cina   | (   ) |
|              |       | c) India  | (   ) |

##### 3. Bangsa

##### 2. Umur

- |                  |       |              |       |
|------------------|-------|--------------|-------|
| a) 18 – 21 tahun | (   ) | 4. Status    |       |
| a) 22 – 25 tahun | (   ) | a) Bujang    | (   ) |
| b) 26 – 29 tahun | (   ) | b) Berkahwin | (   ) |
| d) 30 – 34 tahun | (   ) | c) Lain-lain | (   ) |
| c) 35 dan keatas | (   ) |              |       |

**5. Pekerjaan**

- a) Pelajar ( )
- b) Sendiri ( )
- c) Kerajaan ( )
- d) Swasta ( )
- e) Tidak bekerja ( )

**7. Kekerapan dalam melancong**

- a) Jarang ( )
- b) Kadang-kadang ( )
- c) Kerap ( )

**6. Negeri asal tempat tinggal responden**

- a) Kedah ( )
- b) Perlis ( )
- c) Pulau Pinang ( )
- c) Perak ( )
- d) Kelantan ( )
- e) Melaka ( )
- f) Selangor ( )
- g) Negeri Sembilan ( )
- h) Pahang ( )
- i) Johor ( )
- j) Sabah ( )
- k) Sarawak ( )

## **BAHAGIAN B: PENGETAHUAN TENTANG LATAR BELAKANG SEJARAH PEMBINAAN GALERI MAHATHIR MOHAMAD DI ALOR SETAR KEDAH.**

Tandakan (/) dalam ruang jawapan YA atau TIDAK.

ITEM	YA	TIDAK
1.Adakah anda mengetahui tentang asal usul sejarah pembinaan galeri ini.		
2.Pernahkah anda mengetahui lokasi letaknya galeri Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad.		
3.Lokasi rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini terletak di Lorong Kilang Ais, Seberang Perak Alor Setar.		
4.Rumah kelahiran Tun Dr Mahathir dibina menggunakan atap nipah, tidak dicat dan mempunyai satu bilik dan serambi tidak bertangga.		
5.Rumah kelahiran Mahathir Mohamad merupakan bukti peninggalan reka bentuk identiti rumah tradisional masyarakat Melayu.		
6.Pada 2000, beberapa ruang tambahan telah ditambah bagi memperkenalkan gambar-gambar dan artifak mengenai Tun Dr.Mahathir.		
7.Galeri rumah kelahiran Mahathir Mohamad telah melalui proses suaiguna semula bagi mengekalkan kepentingan dan keunikannya.		
8.Pembinaan galeri ini dibuat bagi menyelamatkan bangunan yang mempunyai nilai sejarah daripada ancaman kepupusan.		
9.Galeri perlu dilawat untuk menanam semangat patriotism dalam diri.		

## **BAHAGIAN C: SUMBANGAN RUMAH KELAHIRAN MAHATHIR**

### **MOHAMAD BAGI PELANCONGAN WARISAN DI KEDAH.**

ITEM	SANGAT SETUJU	SETUJU	TIDAK PASTI	TIDAK SETUJU	SANGAT TIDAK SETUJU
1.Rumah kelahiran Mahathir Mohamad merupakan reka bentuk identiti masyarakat budaya Melayu.					
2.Rumah kelahiran Mahathir Mohamad perlu dikekalkan sebagai menghargai usaha-usaha dan sumbangan bekas Perdana Menteri yang menghasilkan pembangunan negara.					
3. Memperkenalkan reka bentuk rumah Melayu kepada pelancong luar.					
4. Rumah kelahiran Mahathir Mohamad tidak memberikan sumbangan dalam sektor pelancongan warisan di Kedah.					
5. Sumbangan daripada aktiviti suaiguna semula merupakan salah satu langkah dalam mempertahankan warisan sejarah yang berada di Kedah.					
6. Rumah kelahiran Mahathir Mohamad disuaiguna semula adalah bertujuan untuk menjaga serta menyelamatkan bangunan yang mempunyai nilai sejarah daripada ancaman kepupusan.					
7. Bagi memastikan galeri rumah kelahiran ini terus dikunjungi, beberapa ruang tambahan telah ditambah bagi memamerkan gambar-gambar dan artifak mengenai Tun Dr. Mahathir.					

8.Di rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini juga turut disediakan ruang pameran, pembesaran kompleks bagi memberi lebih keselesaan kepada pelawat-pelawat seperti auditorium, surau, tandas awam, wakaf dan tempat letak kenderaan.				
9.Rumah-rumah baru yang didirikan seperti Rumah Bumbung Lima dan Rumah Bujang yang berfungsi sebagai auditorium sebagai salah satu tarikan untuk menarik pelancong ke sini.				
10.Hasil sumbangan daripada kerja-kerja pemuliharaan serta pemeliharaan mampu membuka mata generasi muda akan kepentingan tinggalan seni bina masyarakat Melayu dahulu.				
11.Pemuliharaan serta pemeliharaan mampu membuka mata generasi muda akan kepentingan tinggalan warisan khazah dahulu.				

UNIVERSITI  
 MALAYSIA  
 KELANTAN

## TRANSKRIP TEMUBUAL

### INFORMAN 1

Tarikh temubual: 13 November 2021

Durasi temubual: 1 Jam

Lokasi: Panggilan telefon

Nama	Abd Hakim bin Mohamad
Umur	28 Tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Seorang pegawai di Pihak Rancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah
Pengalaman bekerja	5 tahun

TRANSKRIP TEMUBUAL	
A	Assalamualaikum, saya Nurul Syazana Binti Yusoff yang meminta untuk menjalankan temubual dengan pihak PLAN melalui e-mel.
B	Ohh yaa. Okay-okay nanti kalau nak mulakan bagi tau naih.
A	Okay baik Encik, boleh kita mulakan?
B	Okey. Boleh.
A	Sebelum tu boleh En bgitau nama, jawatan, dan pengalaman bekerja.
B	Boleh. Nama saya Abd Hakim, seorang Pegawai Pengurusan dan Pembangunan di PLAN selama 5 tahun.
A	Okay..saya akan mulakan soalan yang pertama boleh En??
B	Boleh..
A	Menurut En, apakah kepentingan yang dimiliki rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini?
B	Okay baik.. kepentingan yang dimiliki rumah ni antaranya kerana galeri rumah kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad ni dibeli oleh bapanya dulu pada tahun 1900 daripada seorang penjual ni lah, yang kita sendiri tak dapat nak pastikan siapa orang yang dimaksudkan bapa beliau, cuma waktu rumah tu dibeli memang tak bercat..orang kata nampak warna kayu, ada satu bilik, ada serambi hat di depan rumah tu tapi takdak tangga. Yang kedua lokasi dia, sebabnya rumah Kelahiran Mahathir Mohamad ni bertempat di Lorong Kilang Ais, Jalan Pegawai Alor Star, Kedah dengan beralamat Nombor 18, rumah ni sebenarnya adalah rumah milik keluarga yang menjadi tempat mereka sekeluarga..adik beradik berteduh sebelum Tun Dr Mahathir Mohamad berkahwin dan berpindah dengan isterinya ke rumah sendiri iaitu di Titi Gajah. Lorong Kilang Ais diambil semperna lokasi kilang ais lama yang terletak di bahagian depan Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad ni yang kilang ais ni dulu menjadi salah satu punca pendapatan penduduk sekitar kampung waktu tu.

A	Kalau kepentingannya dari segi seni bina dengan ciri dia tu pulak macam mana En?
B	Apa yang saya boleh cakap kepentingan rumah ni boleh dilihat daripada seni bina, Rumah kelahiran Tun Mahathir Mohamad ini mempunyai banyak ciri-ciri antaranya salah satu dia adalah seni bina yang ditonjolkan rumah ini sendiri..kalau Cik perasan rumah ni sebenarnya merupakan salah satu contoh seni bina rumah tradisional Melayu yang mana kalau boleh kita perincinkan..rumah ni terdapat tiang seri di dalamnya, rumah panggung yang di bahagian depan dan di rumah ni juga kalau kita perasan turut dibina menggunakan kayu dan berbungkungkan atap nipah yang mana sekarang ni jarang kita nak tengok rumah-rumah kampung lama yang masih mengekalkan identiti tradisional tu sendiri. Dan kalau kepentingan yang umum tu macam rumah ni bukti kehidupan Tun M sebelum jadi perdana Menteri dan bukti kehidupan beliau dengan keluarga.
A	Bolehkan En menjelaskan faktor yang dimiliki rumah ini sehingga ia melalui proses perubahan fungsi daripada sebuah rumah kepada galeri ini berlaku?
B	Okay boleh. Faktor yang demiliki rumah ini seperti yang kita semua tau salah satunya bukti kehidupan beliau dengan keluarganya dari kecil sampailah ke besar..aktiviti apa yang beliau suka lakukan dengan keluarga dan macam-macam lagi. Di rumah inilah beliau dibesarkan sehingga beliau berkahwin sebelum berpindah ke rumah sendiri di kawasan Titi Gajah. Tidak dinafikan rumah ini menjadi salah satu bukti kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri. Kerana itu kalau kita menjek kaki ke rumah kelahiran ini kita akan disajikan dengan beberapa galeri yang mana galeri-galeri tersebut dibina atas tujuan berkongsi cerita peribadi hidupnya dari bermulanya di bahagian ruang tamu rumah hingga ke beberapa barang tinggalan yang dipakai Tun Dr Mahathir Mohamad dari beliau kecil hingga besar. Selain itu, untuk pengetahuan Cik, rumah ini juga sebagai bukti sumbangan beliau semasa menjadi Perdana Menteri. Sejarah beliau ini boleh dilihat di Rumah Bujang yang memaparkan koleksi-koleksi beliau sejak kali pertama terlibat dalam dunia politik dari ahli UMNO, Parlimen, Menteri cabinet dan Perdana Menteri. Seterusnya, seni bina rumah kelahiran Mahathir Mohamad merupakan faktor kenapa perlu dipelihara rumah ini. Seni bina rumah Melayu tradisional yang kini jarang kita lihat di rumah-rumah lama. Keunikan yang ada pada rumah-rumah lama ni tak boleh kita samakan dengan rumah-rumah sekarang yang sedia ada walaupun rumah yang sedia ada sekarang ni masih di kawasan pedalaman. Jadi tidak hairanlah kalau misalnya perubahan yang berlaku ke atas rumah kelahiran ni dengan info-info yang tepat menjadi faktor kepada pelancongan warisan di Kedah.
A	Okay faham. Kita akan ke soalan seterusnya ok En?
B	Okay boleh.
A	Soalan yang seterusnya bolehkah En kongsikan antara proses perubahan yang dilakukan ke atas rumah kelahiran Mahathir Mohamad dalam menukar fungsinya kepada galeri?

B	Perubahan fungsi kepada galeri. Okay. Baik. Sebenarnya rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini telah melalui Projek membaikpulih rumah ini adalah atas cadangan pihak Lembaga Muzium Negeri Kedah, yang mana mencadangkan pihak Arkib Negara untuk mengambil alih dan memelihara rumah. Pada tahun 1990 Lembaga mendapat kebenaran bertulis dari pihak saudara dan Tun Mahathir sendiri untuk dibaikpulih rumah ni dan pada tahun 1993 secara rasminya rumah ni dibawah Arkib Negara. Untuk pengetahuan Cik, rumah kelahiran Mahathir Mohamad ni telah melalui tiga fasa proses perubahan antara salah satunya pada tahun 2000 pihak Arkib mencadangkan dan membina bangunan-bangunan baru seperti bangunan 1 dan bangunan 2, cafeteria, surau, tempat letak kereta dan macam -macam lagi dan untuk makluman Cik juga pada tahun 2000 proses membaikpulih menelan kos sebanyak 5.3 juta dan pada 2017 dengan projek penaiktarafan yang melibatkan susun atur ruang pameran dan pembesarannya yang mengambil masa setahun menelan kos sebanyak RM1.8 juta. Tulah sedikit sebanyak perubahan fungsi yang berlaku.
A	Okay..untuk pengetahuan En kita dah sampai ke soalan yang terakhir. Untuk soalan terakhir ni saya nak tanya sejauh manakah sumbangan yang diberikan rumah ini terhadap sektor pelancongan warisan di Kedah?
B	Selaku Perdana Menteri yang keempat dan ketujuh, masyarakat semestinya mempunyai minat yang mendalam untuk mengetahui tentang kehidupan Tun Dr Mahathir Mohamad terutamanya ketika zaman dahulu. Secara tak langsung ia membantu dari segi pertumbuhan ekonomi negeri Kedah dan dapat membantu menambah bilangan pelancong yang datang melawat negeri Kedah sebagai salah satu destinasi pelancongan mereka dan bukan tu saja, Kerajaan Pusat dengan kerjasama Kerajaan Kedah akan terus memperkasakan kompleks ni sebagai destinasi pelancongan utama kerana ia mempunyai kaitan dengan nilai sejarah seorang negarawan terbilang sebabnya bukti peninggalan beliau ni bukan sesuatu yang senang untuk kita dengar. Seperti yang Cik tau, keperibadian Tun Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa disegani dan dihormati oleh masyarakat tidak dinafikan telah memberikan banyak sumbangan terhadap sektor pelancongan warisan di Kedah baik dari segi pengunjung la di mana yang mai ke rumah ataupun kompleks ni bukan saja dari dalam Kedah tapi juga dari Brunei, Thailand dan banyak lagi. Seterusnya sumbangan yang diberikan rumah ni ke sektor pelancongan warisan di Kedah juga adalah seperti salah satunya seni bina. Seni bina reka bentuk rumah ini dilihat daripada struktur rumah itu sendiri. Faktor-faktor seperti ni yang perlu kita jaga agar kawasan..struktur rumah tidak hilang ditelan zaman dan terus menjadi batu lonjatan dalam memperkenalkan terus reka bentuk ni tak kira la untuk pelancong dalam ataupun luar negara. Klau dari segi sumbangan rumah ni antaranya juga catatan dan gambar-gambar yang menceritakan tentang sejarah keempat-empat bekas Perdana Menteri Malaysia sejak Tunku Abdul Rahman lagi dan pada 2018 kompleks ini ditutup sementara la untuk kerja-kerja baik pulih dan naik taraf

	dengan teknologi baharu berbentuk animasi hologram serta tiga dimensi (3D) bagi menarik lebih ramai pengunjung yang mahu mendapatkan maklumat dan gambaran awal Tun Dr Mahathir yang dilahirkan dan dibesarkan di sini terutamanya generasi-generasi muda sekarang ni.
A	Ok terima kasih atas pengkongsian maklumat dan info serta terima kasih juga sebab En meluangkan masa untuk menjawab soalan-soalan saya.
B	Baik sama-sama. Tak dak masalah. (Sesi temubual tamat)

UNIVERSITI  
 ━━━━  
 MALAYSIA  
 ━━━━  
 KELANTAN

FTKUW

## INFORMAN 2

Tarikh temubual: 16 November 2021

Durasi temubual: 55 Minit

Lokasi: Panggilan telefon

Nama	Nur Insyirah binti Ibrahim
Umur	33 Tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Seorang Pegawai daripada Arkib Negara Malaysia Negeri Kedah/Perlis
Pengalaman bekerja	8 tahun

TRANSKRIP TEMUBUAL	
A	Assalamualaikum, Puan Insyirah, saya Nurul Syazana Binti Yusoff yang nak jalankan temubual dengan Puan yang dalam email tu.
B	Ohh ya-ya. Sebelum tu saya nak tanya soalan yang Syazana hantar tu ja kan?
A	Yaa hanya soalan tu saja yang Puan kena jawab.
B	Okey. Boleh-boleh. Syazana boleh mulakan.
A	Okay. Nama saya Nurul Syazana pelajar tahun 4 Universiti Malaysia Kelantan. Tujuan saya adakan temubual adalah untuk projek penyelidikan kursus wajib fakulti. Sebelum tu boleh Puan bagitau nama, jawatan, dan pengalaman bekerja.
B	Boleh. Nama saya Insyirah Ibrahim merupakan seorang Pegawai Pengurusan di Arkib dan juga Muzium Diraja. Saya dah 8 tahun bekerja sebelum ni saya bekerja di Arkib Negara dan pada tahun 2018 berpindah ke Arkib Negeri Kedah.
A	Okay..saya akan mulakan soalan yang pertama boleh Puan??
B	Boleh..
A	Menurut Puan, apakah kepentingan yang dimiliki rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini?
B	Okay baik..Untuk makluman Syazana, rumah ni sebenarnya dah berusia lebih dari 120 tahun, iaitu dibeli oleh ayah Tun Dr Mahathir pada tahun 1900 dari seorang penjual pada ketika itu di mana rumah ini adalah merupakan rumah papan dan juga beratapkan nipah dan juga mempunyai beranda di depan dan juga ruang kosong di bawah. Ok...rumah ni maksudnya dah lebih 120 tahun la tapi masih lagi kukuh dibawah jagaan Arkib Negara Malaysia. Pada 20 Disember 1925, Tun Dr.Mahathir Mohamad iaitu Perdana Menteri Keempat Malaysia telah dilahirkan di rumah No.18, Lorong Kilang Ais, Jalan Pegawai, Seberang Perak, Alor Setar, Kedah Darul Aman. Untuk pengetahuan Syazana.. kilang ais di bahagian depan kompleks galeri ini dan tanah-tanah di sekeliling rumah ni yang mana kiri kanan ada

	<p>rumah..ada jiran tau..ada orang, jadi Arkib Negara belilah tanah kiri kanan dan depan rumah kelahiran Tun Mahathir dalam mengekalkan kawasan dan sejarahnya. Rumah ini juga merupakan rumah tradisional Melayu di negeri Kedah. Di rumah ini, sebenarnya bukan sahaja rumah semata-mata tetapi di dalam rumah ini kita juga mengekalkan susun atur barang-barang original seperti kerusi, katil, tema dan sebagainya untuk tatapan pelawat yang mana bila mereka lihat rumah ni mereka akan tahu serba sedikit berkaitan Tun Dr Mahathir dari kecil sehinggalah Tun Mahathir besar. Ok asalnya rumah...dan dijadikan kepada galeri adalah sebenarnya kerja-kerja untuk baikpulih rumah ini adalah atas cadangan Lembaga Muzium Negeri Kedah. Di dalam mesyuarat Lembaga Muzium Negeri Kedah yang bertarikh 21 ogos 1990, Lembaga sendiri mencadangkan kepada Arkib negara Malaysia untuk memelihara rumah ni di bawah projek arkib Perdana Menteri. Rumah ini diminta oleh Lembaga Muzium Negeri Kedah adalah kerana rumah ni adalah tempat beliau dibesarkan yang mempunyai banyak kenangan beliau dengan keluargalah..dari beliau dilahirkan sehinggalah beliau dewasa, berkahwin dan berpindah.</p>
A	Okay terima kasih. Seterusnya kita beralih ke soalan kedua. Boleh Puan??
B	Boleh...
A	Untuk soalan kedua, Bolehkan Puan menjelaskan faktor yang dimiliki rumah ini sehingga ia melalui proses perubahan fungsi daripada sebuah rumah kepada galeri ini berlaku?
B	Okay..terima kasih Syazana. Seperti yang dikatakan tadi, untuk pengetahuan Syazana, rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini mempunyai banyak kisah, kenangan dan sejarah yang kita sendiri tak tau. Antaranya salah satunya adalah salah silah keluarga beliau, gambar keluarga beliau, bibliografi dan lain-lain lagi. Secara ringkasnya kalau Lemabaga Muzium Negeri Kedah tidak menyatakan hasrat untuk membaik pulih dan merubah fungsi daripada rumah kepada galeri, mungkin sampai sekarang kita tak dapat nak merekod dan menyimpan barang-barang peribadi beliau, perkakasan dalam rumah dan gambar sebagai tontonan umum. Ok..faktor yang lain juga adalah seperti seni bina rumah tu sendirilah..yang mana kalau kita tengok dengan rumah papan yang beratap nipah..sistem pengudaran, beranda di depan dan juga ruang kosong di bawah..Ok..tujuan ruang kosong dibawah adalah seperti yang kita tau adalah untuk rumah-rumah kampung untuk mengelakkan daripada haiwan-haiwan berbisa dan untuk mengelak banjir...jadi melalui idea-idea yang dipersembahkan dalam seni bina rumah ni menunjukkan rumah zaman dulu bukan lah dibina sekadar untuk berteduh saja tapi juga dibina disebabkan kepentingan-kepentingan seperti yang dijelaskan tadi. Seperti yang Syazana tau, kita sedia maklum bahawa Tun Dr Mahathir Mohamad ini merupakan Perdana Menteri yang mempunyai pengaruh yang sangat besar di mana semasa pentadbiran Tun Mahathir Mohamad, beliau berjaya membawa pembangunan dan juga banyak menjadikan negara Malaysia ni terkenal melalui dasar-dasar dan perancangan yang baik sehingga Malaysia menjadi salah satu negara yang maju dan menjadi tanggungjawab Arkib Negara juga

	untuk mengekalkan rumah kelahiran ni untuk tatapan umum. Dan bukan saja sebagai tempat lawatan tetapi ia juga sebagai pusat tempat kajian oleh pelajar-pelajar sekolah juga pelajar-pelajar Univeriti malah ia juga sebagai pusat perlancangan di negeri Kedah bukan setakat pelancong dalam negara malah luar negara turut datang. Jadi sebab tu kita ubahkan rumah ni dari sebuah rumah keluarga menjadikan ianya sebuah galeri dan juga tempat pelancongan dan dalam masa yang sama pendidikan di negeri Kedah.
A	Owhh faham-faham. Kita beralih ke soalan seterusnya bolehkan Puan menjelaskan faktor yang dimiliki rumah ini sehingga ia melalui proses perubahan fungsi daripada sebuah rumah kepada galeri ini berlaku?
B	Okay boleh. Pihak arkib sendiri ada juga melakukan pelbagai perancangan dan penambahbaikan ke atas galeri. Ok..proses yang kita buat ni kita ada tiga kali la yang pertama sekali pada tahun 1992 iaitu masa mula-mula sekali Arkib Negara Malaysia mengambil alih rumah ini bagi tujuan membaikpulih dan pemeliharaan..tu yang pertama dan yang kali kedua, usaha untuk memelihara rumah ni diteruskan pada tahun 2000 dengan kos sebanyak 5.3 juta dan pada waktu ini tanah-tanah di sekeliling rumah ni..contohnya rumah putih ni kalau dekat sini dipanggil juga sebagai rumah putih..jadi Arkib negara beli tanah penduduk sekeliling rumah tersebut dan bagi pampasan dekat mereka dan Arkib juga turut beli kilang ais di depan kompleks ni dan setelah dibeli pihak Arkib membina beberapa ruang tambahan dan membaikpulih kilang ais dan juga rumah kelahiran la contohnya membaikpulih dinding rumah, atap nipah, bina cafeteria, surau dan banyak lagi la..
A	Kita akan ke soalan seterusnya ok Puan?
B	Okay.
A	Soalan yang seterusnya adalah bolehkah Puan kongsikan antara proses perubahan yang dilakukan ke atas rumah kelahiran Mahathir Mohamad dalam menukar fungsinya kepada galeri?
B	Okay boleh. Ok..proses yang kita buat ni kita ada tiga kali la yang pertama sekali pada tahun 1992 iaitu masa mula-mula sekali Arkib Negara Malaysia mengambil alih rumah ini bagi tujuan membaikpulih dan pemeliharaan..tu yang pertama dan yang kali kedua, usaha untuk memelihara rumah ni diteruskan pada tahun 2000 dengan kos sebanyak 5.3 juta dan pada waktu ini tanah-tanah di sekeliling rumah ni..contohnya rumah putih ni kalau dekat sini dipanggil juga sebagai rumah putih..jadi Arkib negara beli tanah penduduk sekeliling rumah tersebut dan bagi pampasan dekat mereka dan Arkib juga turut beli kilang ais di depan kompleks ni dan setelah dibeli pihak Arkib membina beberapa ruang tambahan dan membaikpulih kilang ais dan juga rumah kelahiran la contohnya membaikpulih dinding rumah, atap nipah, bina cafeteria, surau dan banyak lagi la..
A	Okay..untuk pengetahuan Puan kita dah sampai ke soalan yang terakhir. Untuk soalan terakhir ni saya nak tanya Sejauh manakah sumbangan yang diberikan rumah ini terhadap sektor pelancongan warisan di Kedah?

B	Baik..rumah kelahiran Mahathir Mohamad merupakan salah satu bangunan bersejarah negeri Kedah yang menempatkan segala koleksi barang yang telah digunakan oleh Tun Dr Mahathir Muhamad pada ketika dahulu, jadi kalau Syazana pernah datang sini dan akan datang sini, jadi bila Syazana naik atas rumah tu Syazana boleh tengok ada gambar Tun, bibliografi keluarga, keluarga, adik beradik, isteri anak-anak dan macam-macam lagi la bermula daripada ruang tamu sehingga ke dapur dan bukan sekadar atas rumah saja malahan bawah rumah juga kita sediakan juga kapsyen mengenai basikal, lensung dan macam-macam lagi la. Seperti yang kita tau tadi rumah ni merupakan rumah tradisional Melayu jadi bila pelancong datang sini terutama sekali budak-budak mudalah yang luar daripada Kedah mereka akan rasa macam depa balik kampung balik rumah nenek-nenek mereka kadang ada yang lama dah tak balik kampung..ada yang ada kampung pun dah bersifat moden takdak dah yang macam ni sebab semua dah buat rumah batu jadi bila depa mai sini depa akan teringat balik la rumah kampung-kampung dulu. Lagi kalau dari segi sumbangan untuk pelancongan warisan selain daripada koleksi-koleksi beliau, dari segi reka bentuk rumah tu sendiri dah memberi sedikit sebanyak sumbangan dalam sektor pelancongan, sebab macam yang saya kata tadi zaman sekarang susah nak tengok rumah-rumah lama yang 100% daripada kayu dengan ada elemen-elemen kemelayuan tu jarang..jadi kesemua ni perlu perlu dijaga dan dipelihara supaya identiti Melayu itu sendiri tidak hilang dan dapat ditunjukkan kepada pelancong-pelancong luar. Kalau ikutkan sebelum ni rumah kelahiran ni, rakyat kedah sendiri pon tak ‘aware’ tak tau pon mengenai rumah ni dan juga walaupun masuk percuma tetapi kurang mendapat sambutan kan sebab tak tau tapi setelah dibuat naik taraf dan diadakan majlis pembukaan semula dan kami juga menjemput penduduk di sekitar Alor Setar jadi waktu itulah rakyat di negeri Kedah ni tau mengenai rumah kelahiran Mahathir Mohamad yang merupakan salah satu kawasan pelancongan di Alor Setar bila mendapat liputan yang meluas jadi orang tau dan makanya ramai la yang datang bukan saja pelancong dalam negara malah luar negara juga turut sama datang dalam masa yang sama kita juga dapat memperkenalkan lagi la ‘Negeri Jelapang Padi’ ni.
A	Ok terima kasih atas pengkongsian maklumat dan info serta terima kasih juga sebab Puan meluangkan masa untuk menjawab soalan-soalan saya.
B	Baik sama-sama. (Sesi temubual tamat)

### INFORMAN 3

Tarikh temubual: 16 November 2021

Durasi temubual: 30 minit

Lokasi: Panggilan telefon

Nama	Fuad bin Awang
Umur	28 Tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Pekerja galeri Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad
Pengalaman bekerja	2 tahun setengah

TRANSKRIP TEMUBUAL	
A	Assalamualaikum, En Fuad, saya Nurul Syazana Binti Yusoff yang minta untuk jalankan temubual dengan En hari tu.
B	Ohh haa..ingat-ingat..boleh. Nak mula sekarang ka??
A	Ya..saya perkenal diri dulu. Nama saya Nurul Syazana pelajar tahun 4 Universiti Malaysia Kelantan. Tujuan saya adakan temubual adalah untuk projek penyelidikan kursus wajib fakulti. Sebelum tu boleh En bagitau nama, jawatan, umur dan pengalaman bekerja?.
B	Boleh. Nama saya Fuad Awang merupakan seorang pekerja di galeri rumah Kelahiran Tun Mahathir Mohamad. Saya kerja dekat sini dekat 3 taun dah lebih kurang 2 taun setengah. Umur 28 tahun.
A	Okay..saya akan mulakan soalan yang pertama boleh en??
B	Boleh-boleh. Silakan.
A	Menurut En, apakah kepentingan yang dimiliki rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini?
B	Ok seperti yang kita tau..rumah ni mempunyai kepentingannya tersendiri antaranya sebagai bukti kehidupan beliau yang banyak dan ada di antara kita yang taktau sejarah sebelum beliau bergelar Perdana Menteri antaranya pendidikan beliau..pengajian beliau, jadi dengan adanya rumah kelahiran ni sedikit sebanyak dapat menceritakan kisah beliau. Kalau tanya sejarah tu, saya rasa semua pakat bagi jawapan lebih kurang sama sebab hat mai sini pon pakat baca hat dekat batu tanda tu, tapi takpa saya bagi juga walaupun jawapan lebih kurang sama. Ok, macam yang tertulis dekat batu tanda, rumah ni dulu milik seorang penjual..saya pon tak pasti sapa dia..dia jual dekat bapa Tun M laa sebab duit tak cukup nak bagi anak kawin..pastu dia p la juai dekat pak Tun M...dan masa beli ni memang cat takdak..tangga takdak..bilik nasib baik ada..tu pun ada satu ja dan berlantai papan, tidak berelektrik dan bahagian anjung bersilingkan dengan kain putih..rumah ni pun ada juga serambi tapi tak bertangga dan beberapa tahun kemudian barulah ditambah lagi dengan bahagian hadapan dan

	<p>bercat. Tun Dr.Mahathir Mohamad iaitu bekas Perdana Menteri Keempat Malaysia telah dilahirkan di lokasi rumah No.18, Lorong Kilang Ais, Jalan Pegawai, Seberang Perak, Alor Setar, Kedah Darul Aman pada 20 Disember 1925 yang mana Kompleks Galeri Tun Mahathir Mohamad ni terletak berdekatan dengan lampu isyarat dan di belakang kilang ais lama.</p>
A	<p>Okay. Soalan seterusnya. Bolehkan En menjelaskan faktor yang dimiliki rumah ini sehingga ia melalui proses perubahan fungsi daripada sebuah rumah kepada galeri ini berlaku?</p>
B	<p>Boleh... Dekat sini turut mempamerkan pelbagai barang dan fakta sejarah dan gambar-gambar, barang-barangan lama yang digunakan oleh Tun Dr Mahathir dari beliau kecil sehingga meningkat dewasa sebagai contoh botol susu yang digunakan beliau, pelita minyak tanah yang mana beliau dan adik beradiknya guna sewaktu membaca buku di tengah malam, lanca yang digunakan beliau dan adik beradik untuk ke sekolah, bilik tidur ibubapa beliau dan beberapa lagi la barang dan perkakasan yang menjadi tempat mereka sekeluarga jalankan aktiviti harian. Seterusnya, Pengaruh dan sumbangan beliau selama bergelar Perdana Menteri yang membuatkan terwujudnya idea untuk merubah rumah kepada galeri sebagai contoh Arkib mewujudkan Rumah Bujang bagi menyimpan koleksi-koleksi beliau sepanjang beliau bergelar ahli politik dari sebelum bergelar Perdana Menteri sampai jadi Perdana Menteri. Jarang kalau kita nak tengok rumah kampung lama-lama yang masih mengekalkan keunikan rumah tersebut..mesti akan ada bahagian-bahagian yang telah dimodenkan. Jadi sebabkan tulah rumah ni dipilih untuk dijaga dan ditukar fungsinya saja supaya kepentingan seni binanya ini tidak hilang ditelan zaman.</p>
A	Owhh faham-faham. Kita beralih ke soalan seterusnya bolehkan En?
B	Boleh-boleh.
A	Bolehkah En kongsikan antara proses perubahan yang dilakukan ke atas rumah kelahiran Mahathir Mohamad dalam menukar fungsinya kepada galeri?
B	Okay boleh Ok..rumah Mahathir Mohamad ni pernah melalui proses perubahan fungsi dalam membaikpulih rumah ni. Antaranya pada tahun 1990 yang mana tahun ni memang proses perubahan untuk menukar rumah kepada galeri dan proses-proses yang lain tu lebih kepada penambahbaikan yang mana proses yang lain tu dijalankan pada tahun 2000 dan 2017 contohnya penambahan galeri, ‘café’, surau tempat letak kereta dan banyak lagi untuk memudahkan pengunjung.
A	Boleh tahan banyak juga. Okay..untuk pengetahuan En kita dah sampai ke soalan yang terakhir. Untuk soalan terakhir ni saya nak tanya sejauh manakah sumbangan yang diberikan rumah ini terhadap sektor pelancongan warisan di Kedah?
B	Pada pandangan saya, sejarah zaman kanak-kanak Tun Dr Mahathir Muhamad merupakan salah satu faktor yang memberikan sumbangan dalam sektor pelancongan di Kedah dengan membantu menarik pengunjung yang labih ramai untuk mengetahui lebih lanjut tentang zaman dulu yang dilalui oleh Dr Mahathir Mohamad sendiri jadi kita

	tak payah nak ‘google’ dah nak tau berkaitan Dr Mahathir Mohamad ni. Rumah kelahiran Mahathir ni boleh dikatakan turut ajar kita nilai-nilai Melayu dan kepandaian orang dulu dari segi rekaan dia. Kepandaian depa dalam ukir mengukir corak-corak bunga di kayu, buat lubang supaya tak dak la nampak ‘boring’ kayu tu kosong pon kan..jadi sebabkan tu juga kita pelihara jaga rumah ni supaya nanti kalau pengunjung mai depa dapat tengok sendiri reka bentuk ukiran rumah Melayu. Dengan sumbangan yang diberikan rumah ni, ia juga mampu membuka peluang dan menyasarkan sektor-sektor pelancongan yang lain yang ada di Kedah.
A	Ok terima kasih atas pengkongsian maklumat dan terima kasih juga sebab En meluangkan masa untuk menjawab soalan-soalan saya.
B	Ya, sama-sama. Semoga Berjaya. (Sesi temubual tamat)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## INFORMAN 4

Tarikh temubual: 18 November 2021

Durasi temubual: 45 Minit

Lokasi: Panggilan telefon

Nama	Zaiton binti Zainal
Umur	40 Tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Pihak Pengurusan galeri Tun Dr Mahathir Mohamad.
Pengalaman bekerja	11 tahun

TRANSKRIP TEMUBUAL	
A	Assalamualaikum Puan, saya Nurul Syazana Binti Yusoff yang minta untuk menjalankan temubual dengan pihak galeri.
B	Ohh yaa. Syazana yang call semalam tu kan?
A	Ya Puan.
B	Okey. Boleh. Ni nak saya pekenalkan diri dulu ka?
A	Yaa puan, baru saya nak tnya tadi.
B	(ketawa). Okay nama saya Zaiton Zainal. Budak-budak yang dok mai sini semua panggil Cikton. Saya merupakan pihak pengurusan dekat sini dan berkhidmat dekat 11 taun dah. Umur saya 40 taun.
A	Okay, saya akan mulakan soalan yang pertama boleh Puan??
B	Boleh.
A	Menurut Puan, apakah kepentingan yang dimiliki rumah kelahiran Mahathir Mohamad ini?
B	Okay baik, kalau kepentingan mestillah sumbangan beliau sendirilah. Ramai anatara kita yang nak tau apa yang berlaku di sepanjang kehidupan Che Det. Mesti nak tau punya dari dia kecik sampailah dia besar sebagai contoh, dekat rumah bumbung lima kita memaparkan berkaitan Pendidikan beliau dari peringkat sekolah, universiti dan sehingga menjadi doktorlah dan contohnya kalau dekat rumah ni ada peralatan beliau dalam bidang kedoktoran, sijil kursus latihan dan banyak lagi la dan makanan kegemaran beliau contoh yang ada dekat sini kuih karas, kuih loyang, halwa dan macam-macam lagi laa. Rumah Kelahiran Tun M ni merupakan salah satu bangunan bersejarah yang berada di Negeri Kedah dan rumah ni juga dijaga oleh Jabatan Arkib Negara Malaysia. Lokasi rumah ni macam Cik dah sedia maklum iaitu terletak di Jalan Pegawai yang berdekatan lampu isyarat Simpang Empat Seberang Perak yang bersebelahan Kilang Ais Lama, dengan nombor rumah yang bertanda 18.
A	Bolehkan Puan menjelaskan faktor yang dimiliki rumah ini sehingga ia melalui proses perubahan fungsi daripada sebuah rumah kepada galeri ini berlaku?

B	Okay boleh. Faktor yang demiliki rumah ini seperti yang kita semua tau salah satunya bukti kehidupan beliau dengan keluarganya dari kecil sampailah ke besar dekat sini kita masih memelihara ruang-ruang sudut rumah, perkasan ruang tamu, dapur, semua tu masih dipelihara supaya kita dapat tunjuk, dapat ‘share’ kehidupan beliau dari kecil, jadi pelajar, masuk universiti selain dapat berkongsi ruang-ruang yang selalu digunakan beliau dan keluarganya setiap hari. Ok..bukan tu saja, Arkib turut membangunkan bangunan baru antaranya adalah Rumah Bujang yang memaparkan koleksi-koleksi beliau sepanjang beliau terlibat dengan politik dari ahli UMNO, Parlimen, Menteri cabinet dan Perdana Menteri memandangkan sumbangan beliau pada negara boleh dikatakan memberi impak yang hebat..kat pameran ni juga kita turut paparkan baju beliau, hobi, aktiviti rekreasi dan kalau pakaian pula yang jenis ‘bush jacket’ dan fesyen ala ‘cowboy’ yang mana beliau gemar pakai sepanjang bergelar Perdana Menteri dan dekat rumah ni juga kita turut paparkan penulisan-penulisan beliau serta buku-buku yang dikeluarkan beliau mengenai pengalaman beliau sepanjang menjadi ahli politik. Seterusnya yang menjadi faktor kenapa rumah ni ditukar fungsinya saja adalah kerana pihak Arkib sendiri nak menjaga kepentingan rumah ni, sebab kita sendiri tau, rumah kelahiran Mahathir Mohamad ni merupakan rumah yang dibina dengan elemen-elemen kemelayuan sebagai contoh penggunaan tiang seri, kekisi tertingkap, rumah yang tinggi yang mana kesemua elemen ini hanya terdapat di rumah-rumah lama susah kalau kita nak tengok rumah-rumah lama yang masih kekal terjaga kepentingannya.
A	Dan kalau untuk proses perubahan yang dilakukan ke atas rumah kelahiran Mahathir Mohamad dalam menukar fungsinya kepada galeri pulak macam mana puan?
B	Sepanjang saya berkhidmat dekat sini, lebih dari sekali rumah Mahathir Mohamad ni melalui proses perubahan antara tahun 1990, tahun 2000 dan 2017 tak silap saya yang mana berlaku proses pembesaran kompleks la dari segi ruang-ruang tambahan seperti auditorium, tandas-tandas awam, surau, wakaf, tempat letak kenderaan dan galeri. Semua ni dilakukan bagi orang kata apa bagi lagi nampak kompleks ni lebih teratur dan tersusun. Tak silap saya pada tahun 1990, 1993 dengan 2000 tara nak boleh dapat galeri hat macam la ni. Dan kebanyakannya baikpulih tu dari segi penambahan galeri, temapt menunggu, parking kereta, pembaikpulih rumah kalau ada kerosakan dan boleh dikataakan sekitar Kawasan dalam galeri nilah melalui proses membaikpulih.
A	Kalau untuk seni bina galeri ni pula macam mana puan? Boleh puan terangkan.
B	Boleh. Okay. Sebut pasai rumah kelahiran Mahathir Mohamad ni saya rasa semua tau yang seni bina dan ciri rumah ni berkonseptkan rumah Melayu tradisional dengan memfokuskan elemen-elemen penting seperti adat, adab, kaum dan budaya masing-masing. Sebagai contoh, kalau rumah Melayu dulu jarang kita nak tengok tandas di dalam kan. Selain tu, seni bina bentuk rumah yang mana kalau rumah Melayu dulu mereka akan membina rumah panggung di depan,

	<p>kiranya kalau jiran-jiran nak mai bertandang akan nampak rumah panggung dulu seterusnya dapur..tiang rumah yang bersifat tinggi..dan di rumah kelahiran Tun M ni sendiri kita boleh tengok dapur yang digunakan adalah dapur arang dan di bahagian dapur juga akan ada satu bahagian yang mana lantainya dibina sedikit jarang bagi tujuan basuh tangan, basuh pinggan dan sebagainyalah. Selain itu, rumah kelahiran Mahathir Mohamad turut ada tiang seri..yang mana kalau rumah-rumah lama dulu mesti kena ada tiang seri sebagai struktur utama rumah.</p>
A	Okay, untuk pengetahuan puan kita dah sampai ke soalan yang terakhir.
B	Oh yaka, sat sungguh rasa (ketawa)
	Untuk soalan yang terakhir Sejauh manakah sumbangan yang diberikan rumah ini terhadap sektor pelancongan warisan di Kedah?
B	<p>Bagi individu yang meminati warisan sejarah semestinya teruja untuk melihat segala koleksi barang yang dijaga dan disimpan rapi sehingga kini tambah-tambah rumah keluarga salasilah bekas perdana Menteri yang masih kukuh sampai lani. Maka secara tidak langsung ia telah menunjukkan sumbangannya dari segi sejarah keluarga Mahathir Mohamad yang harus dijaga dan dipelihara bagi tujuan pendedahan dan kenangan. Pada pandangan pelancong luar, reka bentuk rumah warisan Melayu sentiasa menggamit pandangan mereka. Kebanyakan mereka mencari keunikan budaya dan seni Melayu terutamanya rumah kampung yang kaya dengan seni ukiran kayu yang orang kata apa cantik dan serasi dengan gaya hidup waktu tu dan alam sekitar. Bukan tu saja, sektor pelancongan seperti kita tau sekarang ni ramai budak muda yang gemar melancong jadi untuk nak tarik mereka-mereka ni pihak galeri mendapat bantuan daripada Arkib negara Malaysia di bawah seksyen pameran dan Arkib Pendidikan di mana seksyen pameran ini bertanggungjawab untuk menyediakan maklumat dan juga tema, poster-poster di rumah kelahiran, maklumat-maklumat yang dikumpulkan dengan gambar-gambar dan kemudian kami akan buat kapsyenlah dalam rumah kelahiran ni jadi senang untuk generasi-generasi muda ni senang baca dan senang faham kalau mai dekat sini. Kadang dengan sumbangan-sumbangan ni dapat memberi dan menarik lebin banyak pengunjung ke destinasi pelancongan yang lain dalam menjana ekonomi di negeri Kedah.</p>
A	Ok terima kasih Puan Zaiton atas pengkongsian maklumat dan info serta terima kasih sekali lagi untuk membantu saya dalam menjalankan temubual ni.
B	Sama-sama. Semoga setiap maklumat yang saya bagi dapat memberi manfaat.
A	Aamiin. Terima kasih puan. (Sesi temubual tamat)